



# LAPORAN TAHUNAN 2021

<b>Jabatan Khidmat Pengurusan</b>	<b>05</b>
<b>Jabatan Undang-Undang</b>	<b>34</b>
<b>Jabatan Perbendaharaan</b>	<b>51</b>
<b>Jabatan Penilaian</b>	<b>59</b>
<b>Jabatan Perancang Bandar</b>	<b>70</b>
<b>Jabatan Bangunan</b>	<b>80</b>
<b>Jabatan Kejuruteraan</b>	<b>89</b>
<b>Jabatan Perkhidmatan Perbandaran</b>	<b>107</b>
<b>Jabatan Kesihatan</b>	<b>119</b>
<b>Direktorat Penguatkuasaan</b>	<b>134</b>
<b>Jabatan Kemasyarakatan</b>	<b>141</b>
<b>Jabatan Pelesenan</b>	<b>160</b>
<b>Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa</b>	<b>166</b>
<b>Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)</b>	<b>187</b>
<b>Jabatan Landskap</b>	<b>194</b>
<b>Unit Butterworth Baharu</b>	<b>206</b>
<b>Jabatan Pelancongan, Seni dan Warisan</b>	<b>214</b>
<b>Unit Urusetia Pusat Setempat (OSC)</b>	<b>230</b>
<b>Bahagian Keselamatan dan Komuniti</b>	<b>238</b>
<b>Pencapaian MBSP Bagi Tahun 2021</b>	<b>245</b>

KANDUNGAN  
ISI



## VISI

Seberang Perai Resilient,  
Inklusif, Hijau, Kompetitif  
dan Bandar Pintar  
Dipacu oleh Teknologi

## MISI

Menyediakan perkhidmatan  
perbandaran, perancangan  
pembangunan dan infrastruktur  
yang cekap, berkesan dan  
responsif kepada kehendak  
komuniti Seberang Perai



# CARTA ORGANISASI

## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI




# KHIDMAT PENGURUSAAN




# CARTA ORGANISASI

## JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



# BARISAN KETUA BAHAGIAN

## JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



## **PROFAIL**

Jabatan Khidmat Pengurusan terdiri daripada 142 orang kakitangan meliputi lima (5) bahagian dan dua (2) unit iaitu :-

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Perkhidmatan Dan Perjawatan
3. Bahagian Perolehan Dan Aset
4. Bahagian Latihan Dan Kompetensi
5. Bahagian Kaunter Berpusat
6. Unit Integriti
7. Unit Keterangkuman Gender

## **FUNGSI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

1. Menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan Pentadbiran Am dan memastikan sistem pengurusan pentadbiran MBSP dilaksanakan dengan teratur, efisien, efektif serta memenuhi keperluan kakitangan, jabatan dan pelanggan.
2. Menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan Personel dan kebajikan kakitangan.
3. Menguruskan dan melaksanakan perolehan MBSP mengikut kaedah perolehan yang telah ditetapkan di samping menguruskan semua aset milik MBSP kecuali aset tak alih.
4. Mengurus, merancang, menyelaras dan menyediakan pelaksanaan keperluan latihan kakitangan di MBSP.
5. Menguruskan Kaunter Berpusat MBSP dan Kaunter-Kaunter Bayaran Pejabat Cawangan MBSP.
6. Mengurus hal ehwal Ahli Majlis dan perancangan mesyuarat di MBSP.
7. Menyelaras program integriti MBSP.
8. Menyelaras dan memantau perlaksanaan Dasar Keterangkuman Gender MBSP.

## **PIAGAM PELANGGAN KHIDMAT PENGURUSAN**

Memastikan perkhidmatan multiskill dengan purata masa menunggu sebelum berurusan di kaunter tidak melebihi 20 minit.

### **1.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN**

#### **1.1 FUNGSI**

Menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan Pentadbiran Am dan memastikan sistem pengurusan pentadbiran MBSP dilaksanakan dengan teratur, efisien, efektif serta memenuhi keperluan kakitangan, jabatan dan pelanggan.

#### **1.2 FUNGSI PERINCIAN PERKHIDMATAN**

Antara perkara-perkara yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Menguruskan penerimaan dan penghantaran surat-surat MBSP.
2. Menguruskan pengeluaran pas letak kereta percuma MBSP.
3. Menguruskan pelantikan dan tuntutan elauan warden lalulintas sekolah
4. Menguruskan bahan api dan kenderaan gunasama MBSP.
5. Menguruskan stok alat pejabat
6. Menguruskan insuran dan cukai jalan kenderaan MBSP.
7. Menguruskan tuntutan kemalangan kenderaan MBSP dan liabiliti awam

8. Menyediakan analisis penggunaan kertas dan air MBSP
9. Menguruskan sistem telefon MBSP.
10. Memastikan semua arahan dan dasar MBSP serta kerajaan dilaksanakan dengan jaya dan cekap.
11. Menguruskan Perhimpunan Korporat Bandaraya

### 1.3 LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN

#### 1.3.1 LAPORAN PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN SURAT DI DALAM SISTEM E-SURAT BAGI TAHUN 2021

BULAN	BIL. SURAT LUARAN	BIL. SURAT DALAMAN
JUMLAH	11,338	4,052

#### 1.3.2 LAPORAN PENGELOUARAN PELEKAT KERETA PERCUMA MBSP BAGI TAHUN 2021

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Kakitangan	2,578
2	Pesara	176
3	EXCO / Adun Dan Agensi Kerajaan Lain	107
4	Wartawan	50
5	Bekas YDP / Datuk Bandar	5
Jumlah Keseluruhan		2,916

#### 1.3.3 STATISTIK TUNTUTAN ELAUN WARDEN SEKOLAH 2021

BIL	PERKARA	BILANGAN WARDEN	BAYARAN
1	Bayaran Elaun Warden Lalu lintas Sekolah	37	RM8,823.15

**Nota :** Bayaran pada tahun 2021 adalah kurang berikutan sekolah tutup disebabkan oleh pandemik Covid-19.

#### 1.3.4 JUMLAH PENGGUNAAN BAHAN API (DIESEL & PETROL) JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN BAGI TAHUN 2021

MINYAK	JUMLAH
Shell	22,536.01
Smartpay	13,593.85
Petron	17,667.95
JUMLAH KESELURUHAN	RM 53,797.81

### 1.3.5 LAPORAN KEDUDUKAN STOK TAHUN 2021

KEMENTERIAN / JABATAN : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
 KATEGORI STOR : STOR UTAMA (SU-101-STOR UTAMA ALATULIS JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN STOK										KADAR PUSINGAN STOK C $(a+d)+2$	
	Sedia Ada		Penerimaan		Pengeluaran		Stok Semasa					
	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)	Kuantiti	Nilai (RM)				
	(a)		(b)		(c)		(d) = (a+b) -(c)					
Baki Bawa Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2020						6,090	12,324.11				
Suku Tahun Pertama	6,090	12,324.11	1,516	6,082.66	3,045	10,799.46	4,561	7,607.32	1.084			
Suku Tahun Kedua	4,561	7,607.32	63,929	30,070.63	59,574	22,711.06	8,916	14,966.89	2.012			
Suku Tahun Ketiga	8,916	14,966.89	4,368	9,539.75	5,759	15,967.50	7,525	8,539.14	1.359			
Suku Tahun Keempat	7,545	8,749.14	90,605	26,902.83	88,338	24,232.04	9,812	11,419.93	2.403			
Nilai Tahunan		160,418	72,595.87	156,716	73,710.05	Kadar Pusingan Stok		6.209				

### 1.3.6 STATISTIK BAYARAN PEMBAHARUAN INSURAN KENDERAAN MAJLIS

BULAN	BILANGAN KENDERAAN (UNIT)	BILANGAN KENDERAAN BARU	STATUS PEMILIKAN SELAIN MBSP	AMOUNT SETIAP INVOIS (RM)	JUMLAH KESELURUHAN PER/ BULAN 2021 YANG DIBAYAR (RM)
JANUARI	22	-	-	16,716.69	16,716.69
FEBRUARI	13	-	-	8,067.11	8,067.11
MAC	22	-	-	10,996.18	10,996.18
APRIL	15	-	-	15,910.33	15,910.33
MEI	27	-	-	33,296.35	33,296.35
JUN	18	-	-	25,362.81	
	2	1 (1PM+1T)	EESB	5642.65	
	8	4 (4PM+4T)	EESB	23,785.15	54,790.61
JULAI	33			46,448.93	46,448.93
OGOS	35			22,800.74	
	42			38,469.74	
	6	3 (3PM+3T)	EESB KE MBSP	17,798.43	79,068.91
SEPTEMBER	23			24,933.77	24,933.77
OKTOBER	33			29,591.03	29,591.03
NOVEMBER	45			33,783.68	33,783.68
DISEMBER	20			19,144.88	
	28			22,178.09	
	30			41,992.85	83,315.82

BULAN	BILANGAN KENDERAAN (UNIT)	BILANGAN KENDERAAN BARU	STATUS PEMILIKAN SELAIN MBSP	AMOUNT SETIAP INVOIS (RM)	JUMLAH KESELURUHAN PER/ BULAN 2021 YANG DIBAYAR (RM)
KESELURUHAN	406				<b>389,693.18</b>
TANPA LORI					
EESB					
LORI EESB	8				<b>47,226.23</b>
KESELURUHAN	414				<b>436,919.41</b>
BAYARAN					


### 1.3.7 STATISTIK KEMALANGAN KENDERAAN MBSP DAN TUNTUTAN LIABILITI AWAM

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Kemalangan Kenderaan MBSP	10
2	Tuntutan Liabiliti awam	50
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>60</b>

### 1.3.8 ANALISIS PENGGUNAAN AIR DI MENARA BANDARAYA MBSP BAGI BULAN JANUARI 2021 – DISEMBER 2021 NO. AKAUN (PBA) 76500047281

TAHUN BULAN (LITER)	2018	2019	2020	2021
JANUARI	1,352,000	1,229,000	1,047,000	1,330,000
FEBRUARI	1,164,000	1,115,000	1,158,000	1,442,000
MAC	1,257,000	1,169,000	1,087,000	1,843,000
APRIL	1,290,000	1,280,000	1,087,000	1,561,000
MEI	1,290,000	812,000	1,765,000	1,178,000
JUN	834,000	789,000	1,067,000	1,241,000
JULAI	1,343,000	1,193,000	1,145,000	1,311,000
OGOS	1,200,000	1,085,000	1,220,000	1,047,000
SEPTEMBER	870,000	1,104,000	1,521,000	1,421,000
OKTOBER	1,238,000	1,174,000	1,570,000	1,332,000
NOVEMBER	1,085,000	1,051,000	1,507,000	1,878,000
DISEMBER	998,000	1,024,000	1,882,000	1,844,000
<b>JUMLAH</b>	<b>13,413,000</b>	<b>13,025,000</b>	<b>13,882,000</b>	<b>17,428,000</b>

**ANALISIS PENGGUNAAN AIR BAGI BULAN JANUARI 2021 -  
DISEMBER 2021 MENARA BANDARAYA MBSP BANDAR PERDA  
(JKP)**



**1.3.9 ANALISA PENGGUNAAN KERTAS A4 DI MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BAGI TAHUN 2021**

BIL	JABATAN	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH (RM)
1	KHIDMAT PENGURUSAN / UBB / JPSW	50	148	112	115	83	17	107	44	144	94	105	111	1,130
2	UNDANG-UNDANG	21	22	25	28	26	15	22	23	25	25	28	31	291
3	PERBENDAHARAAN	40	109	45	48	27	41	25	49	73	120	64	39	680
4	PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	31	31	53	18	47	38	5	34	25	20	25	16	343
5	KEJURUTERAAN	45	35	105	60	40	65	35	50	60	60	80	110	745
6	PERANCANG BANDAR / OSC	45	50	85	55	50	60	40	80	50	40	40	50	645
7	BANGUNAN	30	30	35	40	25	20	35	15	20	20	30	30	330
8	PERBANDARAN / DEPO SAMPAH	80	25	70	45	50	150	20	50	80	50	115	75	810
9	PELESENAN	77	48	36	67	19	56	41	40	23	41	56	61	565
10	KEMASYARAKATAN	13	6	9	17	7	4	4	5	10	12	18	23	128
11	PERKHIDMATAN KESIHATAN	10	11	12	15	4	2	9	14	11	13	10	7	118
12	PESURUJAYA BANGUNAN (COB)	2	2	3	3	3	1	2	2	5	4	5	5	37
13	KORPORAT & PERH A/BANGSA	10	10	7	4	2	2	3	3	3	11	12	12	79
14	DIREKTORAT PENGUATKUASAAN	20	25	25	50	50	50	35	50	60	60	55	35	515
15	UNIT AUDIT DALAM	5	3	4	4	1	2	4	4	4	2	3	3	39
16	LANDSKAP	15	0	34	7	9	9	6	21	24	31	44	19	219
17	TEKNOLOGI INFORMASI	4	3	4	8	6	4	6	8	5	10	6	8	72
18	PENGURUSAN KRISIS	4	2	16	4	4	5	6	7	9	15	11	16	99
19	BAHAGIAN KESELAMATAN & KOMUNITI	4	3	3	2	2	2	2	1	1	4	5	5	34
	JUMLAH	506	563	683	590	455	543	407	500	632	632	712	656	6,879

**1.3.10 PENGGUNAAN PANJAR WANG RUNCIT TAHUN 2021**

BIL	BULAN	JUMLAH (RM)
1	Belanja Runcit Jabatan	1,000.00
2	Bantuan Covid -19	5,000.00
3	Bantuan Pengurusan Jenazah	3,000.00
4	Float Kaunter MBSP	2,810.00
	JUMLAH KESELURUHAN	11,810.00

### **1.3.11 PERHIMPUNAN KORPORAT MBSP TAHUN 2021**

*Key Performance Index (KPI)* Jabatan Khidmat Pengurusan untuk Perhimpunan Korporat adalah sebanyak tiga (3) kali setahun. Sehubungan itu, Perhimpunan Korporat Tahun 2021 telah diadakan secara virtual pada 12 April 2021, 16 Ogos 2021 dan 14 Disember 2021. Tujuan Perhimpunan Korporat diadakan adalah untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini kepada semua warga kakitangan MBSP. Ucapan Perhimpunan Korporat tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Bandar. Sementara itu, hadirin yang dijemput untuk bersama-sama dalam program ini ialah Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan semua kakitangan MBSP. Turut dijemput hadir secara maya ialah para wartawan di Seberang Perai.



## **2.0 BAHAGIAN KESETIAUSAHAAN**

### **2.1 FUNGSI PERINCIAN PERKHIDMATAN**

Bertanggungjawab menyelaras dan menyelia tugas-tugas berkaitan:

- Mengemaskini jadual mesyuarat MBSP dari semasa ke semasa.
- Menyediakan keperluan Pembantu Setiausaha Pejabat untuk Mesyuarat Jawatankuasa dan adhoc yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar, Setiausaha Bandaraya atau Ahli MBSP
- Menguruskan minit-minit mesyuarat MBSP
- Mengurus dan memantau penggunaan peruntukan Ahli MBSP bagi tahun semasa
- Menguruskan keperluan kebajikan Ahli Majlis MBSP

## 2.2 LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN

### 2.2.1 MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Majlis Mengangkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah di adakan pada 8 Januari 2021. Pelantikan Ahli Majlis berkuatkuasa bagi tempoh 2 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021. Turut hadir pada majlis ini ialah YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, dan ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan ADUN kawasan serta wakil wartawan. Seramai 24 orang Ahli Majlis telah dilantik menjadi Ahli Majlis MBSP.



## **2.2.2 AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (2 JANUARI 2021 – 31 DISEMBER 2021)**

BIL	NAMA
1	Encik David marshel a/l Pakianathan
2	Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad
3	Encik Tan Chee Teong
4	Encik Anuar b Yussoff
5	Puan Heng Yeh Shiuhan
6	Encik Ong Jing Cheng
7	Encik Bernard Cheen Goon Hooi
8	Encik Jason Raj a/l Kirupanatha
9	Encik Ooi Yong Wooi
10	Encik Mohd Saifullah b Abd Nasir
11	Encik Chee Yeeh Keen
12	Encik Zainuddin bin Mohamed
13	Encik Ahmad Rizal bin Abdul Hamid
14	Encik Galaimani a/l Subramanian
15	Encik Fahmi bin Zainol
16	Encik Tan Choo Eng
17	Puan Noor Azuawati binti Ahmad
18	Encik Ooi Boon Sheng
19	Encik Ngoh Cheng Hai
20	Encik Ng Yee Siang (David)
21	Puan Teh Chuann Yien (Rachel)
22	Puan Norly Masitah bt Mohamed Noor
23	Puan Tan Bee Hong
24	Encik Harryzan bin Yaakub

## **2.2.3 MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP DAN JAWATAN KUASA AD-HOC MBSP**

### i. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Dan Jawatankuasa Ad-Hoc MBSP

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap dan Ad-hoc MPSP dipengerusikan oleh Datuk Bandar / Setiausaha Bandaraya / Ahli Majlis selaku pengurusan tertinggi di MBSP. Ahli Majlis yang menganggotai Mesyuarat Jawatankuasa Tetap dan Ad-hoc di pilih dari peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pembantu Setiausaha Pejabat ditugaskan mencatat minit mesyuarat / perbincangan yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar / Setiausaha Bandaraya / Ahli Majlis.

- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Dan Jawatankuasa Ad-Hoc MBSP
  - Jawatankuasa Pentadbiran & Kewangan
  - Jawatankuasa Pelesenan & Penguatkuasaan
  - Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan & Pengindahan
  - Jawatankuasa Lalulintas & Infrastruktur
  - Jawatankuasa Pusat Sehenti (OSC)
  - Lembaga Perolehan
  - Pihak Berkuasa Pelantikan Dan Tatatertib
  - Jawatankuasa Sebutharga
  
- iii. Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Dan Ad-hoc
  - Jawatankuas Rayuan Cukai Taksiran (Utara / Tengah / Selatan)
  - Jawatankuasa Mendengar Bantahan
  - Jawatankuasa Bertindak Bersih Dan Indah (Zon Utara / Tengah / Selatan)
  - Jawatankuasa Gender
  - Jawatankuasa Universal Design
  - Jawatankuasa Siasatan Ruang Niaga MBSP
  - Jawatankuasa Rayuan Ruang Niaga MBSP
  - Jawatankuasa Temuduga Terbuka Ruang Niaga Pasar Dan Kompleks
  - Jawatankuasa Bandar Selamat
  - Jawatankuasa Pelancongan, Seni & Warisan
  - Jawatankuasa Bangunan Berstrata
  
- iv. Statistik mesyuarat yang diadakan di MBSP yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar/ Setiausaha Bandaraya dan Ahli Majlis

BULAN	2017	2018	2019	2020	2021
JANUARI	23	35	32	36	26
FEBRUARI	36	28	40	62	32
MAC	41	32	36	34	34
APRIL	38	30	45	11	31
MEI	36	26	33	14	27
JUN	37	30	32	40	28
JULAI	35	30	28	37	29
OGOS	45	30	36	50	28
SEPTEMBER	40	32	31	46	33
OKTOBER	34	33	43	39	25
NOVEMBER	29	37	63	42	33
DISEMBER	41	25	47	41	25
<b>JUMLAH</b>	<b>435</b>	<b>368</b>	<b>466</b>	<b>452</b>	<b>351</b>

#### **2.2.4 AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Majlis Bandaraya Seberang Perai mempunyai seramai 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada wakil parti yang memerintah dan badan berkecuali (NGO).

Setiap Ahli Majlis diperuntukan sejumlah RM70,000.00 setahun bagi melaksanakan projek / aktiviti / sumbangan yang disalurkan kepada rakyat. Peruntukan yang digunakan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan bekalan kepada rakyat di Seberang Perai.

Mesyuarat Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan Bil.3/2021 pada 25 Oktober 2021 telah memutuskan tambahan peruntukan sebanyak RM10,000.00 bagi setiap Ahli Majlis bagi tujuan perbelanjaan membantu rakyat negeri Pulau Pinang yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2016	411	1,631,227.00
2017	518	1,732,603.00
2018	652	1,695,564.00
2019	696	1,717,832.96
2020	678	1,707,611.02
2021	682	1,891,145.44

Statistik Permohonan Peruntukan Dan Jumlah Peruntukan Yang Telah Digunakan

#### **PERATUSAN KESELURUHAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN PADA TAHUN 2021**

PERATUSAN KESELURUHAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN TAHUN 2021	
CLEANER, GREENER, HEALTHIER & SAFER	95.6
INFRA	3.8
BAKI	0.6
	100

Dari pada keseluruhan peruntukan berjumlah RM1,680,000.00 sebanyak 95.6 peratus digunakan bagi Cleaner, Greener, Healthier & Safer. Manakala 3.8 peratus telah dibelanjakan bagi projek infra dan baki sebanyak 0.6 peratus tidak digunakan.

### **3.0 BAHAGIAN PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN**

#### **3.1 FUNGSI**

Menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan *personal* dan kebajikan kakitangan.

#### **3.2 FUNGSI PERINCIAN PERKHIDMATAN**

- Menguruskan pelantikan kakitangan, kenaikan pangkat dan pemangkuhan.
- Menguruskan hal berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan.
- Menguruskan persaraan kakitangan.
- Mengendalikan hal berkaitan dengan tindakan tatatertib.
- Menyelaras permohonan pinjaman perumahan dan memproses permohonan pinjaman kenderaan dan komputer.
- Menguruskan hal berkaitan dengan kemudahan rawatan dan klinik panel.
- Urusetia kepada :
  - Pihak Berkuasa Pelantikan
  - Pihak Berkuasa Tatatertib
  - Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus MBSP
  - MBSP Bersama Jabatan
  - Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MBSP
- Menyelaras dan memantau pelaksanaan Dasar keterangkuman Gender MBSP

#### **3.3 LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN**

##### **3.3.1 KEDUDUKAN PERJAWATAN KESELURUHAN MBSP TAHUN 2021**

KUMPULAN	TETAP	KONTRAK	SAMBILAN	JUMLAH
Pengurusan Tertinggi	0	1	0	1
Pengurusan & Profesional	66	4	1	71
Sokongan I (19-40)	825	158	0	993
Sokongan II (11-18)	743	2140	0	2883
<b>JUMLAH</b>	<b>1164</b>	<b>2303</b>	<b>1</b>	<b>3948</b>

##### **3.3.2 STATISTIK PENGAMBILAN BARU TAHUN 2021**

Pengurusan Tertinggi		Pengurusan & Profesional		Sokongan 1		Sokongan 2		Jumlah Pengambilan	
Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak	Tetap	Kontrak
0	0	1	2	9	14	13	133	23	149

### 3.3.3 STATISTIK PERSARAAN TAHUN 2021

Kumpulan	Persaraan Wajib	Persaraan Pilihan	Persaraan Atas Sebab Kesihatan	Meninggal Dunia	KWSP	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	0	0	0	0	0	0
Pengurusan& Profesional	1	0	0	0	0	1
Sokongan 1	11	9	-	3	-	23
Sokongan 2	17	1	-	28	1	47
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>10</b>	<b>-</b>	<b>31</b>	<b>1</b>	<b>71</b>

### 3.3.4 PERBELANJAAN KLINIK PANEL TAHUN 2021

BIL. KLINIK	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
96	195,021	191,939	266,426	233,924	214,671	166,406	176,026	282,188	157,221	142,017	179,254	274,941	2,480,034.00

### 3.3.5 PERBELANJAAN HEMODIALISIS PANEL TAHUN 2021

BIL. KLINIK	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
28	101679.21	87419.21	98261.71	95039.20	88979.20	96889.20	100689.20	96789.20	98559.20	93319.20	96089.20	96849.20	1,150,562.93

### 3.3.6 ANUGERAH PEKERJA CONTOH 2021

Anugerah Pekerja Contoh telah diadakan pada 17 September 2021 secara atas talian dan seramai 102 orang dikalangan pegawai dan kakitangan MBSP telah terpilih untuk menerima anugerah ini.



## **4.0 BAHAGIAN PEROLEHAN DAN ASET**

### **4.1 FUNGSI**

Menguruskan dan melaksanakan perolehan MBSP mengikut kaedah perolehan yang telah ditetapkan disamping menguruskan semua aset milik MBSP kecuali aset tak alih.

### **4.2 FUNGSI PERINCIAN PERKHIDMATAN**

- i. Menguruskan pengiklanan dan penjualan tender atau sebutharga.
- ii. Urusetia kepada :
  - Lembaga Perolehan
  - Jawatankuasa Sebutharga
  - Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)
  - Lembaga Permeriksa Pelupusan (Aset Alih Kerajaan)
  - Jawatankuasa Kehilangan
  - Pemantauan Tender/Sebutharga
- iii. Pengurusan laporan prestasi pembekal / kontraktor / syarikat
- iv. Unit Pengurusan Aset
- v. Menguruskan pelantikan kontraktor / pembekal / syarikat bagi perkhidmatan dan bekalan seperti berikut :-
  - Kawalan keselamatan kepada premis-premis MBSP
  - Insuran
  - Pakaian seragam
  - Alat tulis
  - Mesin fotostat
  - Anai-anai
  - Pembersihan bangunan pejabat
  - Hand soap, sanitac dan pewangi
  - Cetak mencetak
  - Kertas A4
  - Peralatan pejabat
  - Lain-lain bayaran runcit

### **4.3 LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN**

#### **4.3.1 BILANGAN MESYUARAT DAN PELANTIKAN LEMBAGA PEROLEHAN DAN JAWATANKUASA SEBUTHARGA SERTA KOS TERLIBAT DALAM TAHUN 2021**

<b>Perkara</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Bilangan Pelantikan</b>	<b>Kos Terlibat (RM)</b>
Lembaga Perolehan	<b>12</b>	<b>69</b>	<b>161,440,211.58</b>
Jawatankuasa Sebutharga	<b>12</b>	<b>96</b>	<b>18,494,142.72</b>

**4.3.2 BILANGAN TENDER DAN SEBUTHARGA PADA TAHUN 2021  
(PERUNTUKAN MAJLIS/ NEGERI/ PERSEKUTUAN)**

TENDER	SEBUTHARGA
67	12

**4.3.3 BILANGAN KERJA UNDIAN DAN KOS TERLIBAT DALAM TAHUN 2021**

Bilangan Cabutan Undian	Bilangan Pelantikan	Kos Terlibat (RM)
1/2021	52	2,250,000.00
2/2021	2	252,000.00
3/2021	12	1,100,000.00

**4.3.4 LAPORAN PENGURUSAN ASET**

**A. Kedudukan Aset Alih**

Harta Modal (Unit)	Nilai Perolehan Asal (RM)	Nilai Perolehan Semasa (RM)	Aset Alih Bernilai Rendah (Unit)	Nilai Perolehan Asal (RM)	Nilai Perolehan Semasa (RM)
17	97,095.00	87,932.10	87	34,645.00	20,824.32

**B. Pemeriksaan Aset Alih**

Harta Modal (Unit)	Diperiksa (Unit)	Peratus Diperiksa (%)	Aset Alih Bernilai Rendah (Unit)	Diperiksa (Unit)	Peratus Diperiksa (%)
199	199	100	1,168	1,168	100

**C. Pelupusan Aset Alih**

Siri Pelupusan (Bil.)	Harta Modal Dilupus (Unit)	Aset Alih Bernilai Rendah (Unit)	Jumlah Dilupus (Unit)	Jumlah Nilai Perolehan Asal (RM)	Jumlah Nilai Semasa (RM)
1/2021	1	11	12	5,647.76	130.00
2/2021	-	3	3	250.00	0.00
3/2021	-	3	3	3,630.00	30.00
4/2021	-	1	1	425.00	10.00
5/2021	-	9	9	1,165.50	30.00
6/2021	2	14	16	21,141.50	6,063.72
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>41</b>	<b>44</b>	<b>32,259.26</b>	<b>6,263.72</b>

### C. Pelupusan Aset Alih

Stor	Penerimaan Stok (RM)	Pengeluaran Stok (RM)	Kadar Pusingan Stok Tahunan	Markah Prestasi Penilaian Stor (%)
Stor Alat Tulis Jabatan	72,595.87	73,710.05	6.41	100 / 100
Stor Bekalan Pembersihan	21,987.90	26,106.42	4.24	96 / 100
Jumlah Keseluruhan	94,583.77	99,816.47	5.65	

*Nota : Kadar Pusingan Stok Tahunan terbaik adalah > 4.0*

## 5.0 BAHAGIAN LATIHAN DAN KOMPETENSI

### 5.1 FUNGSI

Mengurus, merancang, menyelaras dan menyediakan pelaksanaan keperluan latihan kakitangan di MBSP.

### 5.2 FUNGSI PERINCIAN PERKHIDMATAN

1. Menguruskan latihan dalaman dan luaran dan untuk kakitangan MBSP.
2. Menguruskan Program Transformasi Minda bagi kakitangan yang baru dilantik di MBSP.
3. Menyelaskan Latihan Sambil Bekerja bagi kakitangan baru, pertukaran jabatan dan kenaikan pangkat.
4. Menyelaras peperiksaan perkhidmatan untuk pengesahan jawatan dan peperiksaan khas untuk kenaikan pangkat.
5. Menyelaras permohonan untuk latihan amali dan peralihan di MBSP.

### 5.3 LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN

#### 5.3.1 Latihan Dalaman dan Latihan Luaran

Latihan dalaman adalah latihan yang dianjurkan oleh MBSP manakala latihan luaran merupakan latihan yang dianjurkan oleh agensi luar. Bahagian Latihan dan Kompetensi telah mengadakan dan menganjurkan sebanyak 326 latihan dalaman dan 227 latihan luaran kepada kakitangan MBSP bagi Tahun 2021.

Seramai 3865 orang kakitangan telah menghadiri kursus dan seramai 99% iaitu bersamaan 3626 orang kakitangan telah menghadiri lima (5) hari latihan bagi Tahun 2021.

Gambar Aktiviti Latihan



### 5.3.2 Program Transformasi Minda

Program Transformasi Minda merupakan latihan bagi kakitangan MBSP yang baru dilantik untuk pengesahan dalam jawatan. Bahagian Latihan dan Kompetensi telah mengadakan dua (2) kali Program Transformasi Minda untuk Tahun 2021 dan melibatkan seramai 110 orang penyertaan kakitangan ke program ini.

Gambar Aktiviti Latihan



### 5.3.3 Latihan Sambil Bekerja

Latihan yang dikendalikan di tempat kerja dan diselia oleh seorang pegawai yang sama atau lebih tinggi tarafnya untuk pelantikan baru, pertukaran tempat bertugas dan kenaikan pangkat. Bagi Tahun 2021 sebanyak 203 Latihan Sambil Bekerja telah dijalankan

### 5.3.4 Lawatan Sambil Belajar

Bahagian Latihan dan Kompetensi telah mangadakan satu (1) sahaja bagi Lawatan Sambil Belajar iaitu Lawatan Sambil Belajar Ahli Majlis 2021 di Sabah pada 17 hingga 20 Disember 2021. Lawatan Sambil Belajar Ahli Majlis MBSP merupakan program tahunan yang turut melibatkan YBhg. Datuk Bandar, Pemangku Setiausaha Bandaraya dan Ketua Jabatan. Objektif Lawatan Sambil Belajar Ahli Majlis Tahun 2021 adalah untuk melihat dan meninjau rekabentuk serta suasana landskap yang menarik di negeri Sabah yang boleh dijadikan panduan, memberi idea penambahbaikan kepada MBSP untuk merancang pembangunan landskap di kawasan Seberang Perai. Lawatan ini juga turut diadakan Sesi pembentangan Seberang Perai Corporate Priorities 2022 kepada Ahli Majlis.

Gambar Aktiviti Latihan





### 5.3.5 Permohonan Penempatan Pelatih Amali di MBSP

Bahagian Latihan dan Kompetensi telah menerima sebanyak 267 permohonan penempatan Pelatih Amali di MBSP daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi Tahun 2021. MBSP hanya menerima 20 orang Pelatih Amali yang boleh diambil dan dibayar saguhati pada satu-satu masa. Pelatih Amali akan menerima bayaran saguhati sebanyak RM40.00 sehari dengan menjalani tempoh latihan tidak kurang dari tiga (3) bulan secara berterusan.

## 6.0 BAHAGIAN KAUNTER BERPUSAT

### 6.1 FUNGSI

Menguruskan Kaunter Berpusat MBSP dan Kaunter-Kaunter Bayaran Pejabat Cawangan MBSP.

### 6.2 FUNGSI PERINCIAN PERKHIDMATAN

- Memproses perkhidmatan multiskill serta bayaran pelanggan.
- Membimbing dan memberi pendedahan tentang perkhidmatan atas talian kepada pelanggan di *Cyber Counter Corner*.
- Menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak bagi membantu pelanggan membuat bayaran di tempat awam.
- Memberi khidmat nasihat pelanggan berkaitan urusan permohonan jabatan dalaman MBSP.



### 6.3 LATAR BELAKANG

1. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Jabatan tetap berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang efisien kepada pelanggan. Sehubungan itu, beberapa inisiatif telah diwujudkan bagi tujuan tersebut :
  - i. Menitikberatkan langkah-langkah keselamatan seperti mewajibkan pemakaian pelitup muka, menyediakan alat imbasan suhu, hand sanitizer dan imbasan mySejahtera kepada pelanggan yang ingin berurus di kaunter.
  - ii. Hanya pelanggan yang sihat dan lengkap 2 dos vaksin sahaja dibenarkan berurus di kaunter MBSP.
  - iii. Memastikan penjarakan sosial dengan mengekalkan jarak 1 meter di antara setiap pelanggan.
  - iv. Kerja-kerja sanitasi di kaunter dilakukan setiap jam.
  - vi. Kehadiran pelanggan dihadkan pada satu-satu masa bagi mengelakkan kesesakan di dalam kaunter.
  - vii. Menyediakan 100 perkhidmatan atas talian bagi memudahkan urusan pelanggan.
2. Selain Kaunter Berpusat MBSP Bandar Perda, terdapat 2 cawangan kaunter bayaran MBSP iaitu Kaunter Bayaran Cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan Kaunter Bayaran Cawangan Sungai Jawi, Jawi.
3. Terdapat 6 buah kaunter beroperasi, termasuk 1 kaunter OKU (keutamaan kepada Orang Kurang Upaya, warga emas dan ibu mengandung).
4. Permohonan multiskill yang dibuat di kaunter ialah permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan MBSP, permohonan tukar nama cukai taksiran, carian harta majlis, tempahan kompleks sukan, suntikan typhoid, permohonan lesen anjing dan permohonan stiker OKU.
5. Permohonan adalah dibuat berdasarkan Sistem Tempahan Temujanji bagi mengawal kehadiran pelanggan.
6. Selain itu, Sudut *Cyber Counter Corner* yang dilengkapi dengan 4 buah kiosk dan 10 unit komputer diwujudkan bagi memberi kemudahan bayaran seperti cukai taksiran, kompaun, sewa gerai, pembaharuan lesen atas talian, permohonan lesen anjing atas talian dan permohonan stiker OKU. 'Team Tanya Saya' yang terdiri daripada 9 orang kakitangan kaunter ditugaskan untuk memberi pendedahan tentang permohonan dan bayaran atas talian.



SOP Kaunter



Kiosk

Cyber Counter  
<https://www.mbsp.gov.my/cyber-counter/>

KAMI TEAM TANYA SAYA SEDIA  
BANTU ANDA...

➤ CYBER COUNTER ONLINE  
➤ KHIDMAT PELANGGAN  
➤ KIOSK

TANYA  
SAYA  
Mbsp

Team Tanya Saya



Kaunter Multiskill



Kaunter OKU

SISTEM TEMPAHAN TEMUJANJI  
KAUNTER BERPUASAT  
MBSP

KLIK DI SINI

https://www.picktime.com/kauntermbsp

MISI & VISI

PELAN STRATEGIK SEBERANG PERAI 2018 - 2022

PELAN STRATEGIK MBSP

LOCAL ACTION 21

BANDAR RENDAH KARBON

TRANSAKSI DALAM TALIAN

PENGUMUMAN

PADA HARI SABTU DAN AHAD

KOMPAUN KESALAHAN YANG TERTUNGGAK DI BAWAH PERINTAH LAULINTAS JALAN (LETAK KERETA BERKUPON) MPSP 1995

TOPIK POPULAR

Topik - Topik Yang Menarik

Sistem Tempahan Temujanji

Choose a Service:

ALL SERVICES

PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN MBSP (RENEW)

SUNTIKAN TYPHIM VI (PENGENDALI MAKANAN)

PERMOHONAN BANNER

BILIK 20-PERMOHONAN BARU LESEN PERNIAGAAN MBSP AM/INDUSTRI/PENJAJA/VETERINAR

Sistem Tempahan Temujanji

## 6.4 LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN

### 6.4.1 LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MBSP BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2021

Bil	Piagam / Standard	Baki yang dibawa dari bulan lepas	Jumlah Diterima	Siap Dilaksana		Belum Siap Dilaksana		Peratus Ketidakcapaian (%)	Justifikasi	Tindakan Penambahbaikan
				Dicapai	Tidak Dicapai	Dalam Standard	Tidak Dicapai			
1	Memastikan Perkhidmatan multiskill dengan purata masa menunggu sebelum berurusan di kaunter tidak melebihi 20 minit.	Jumlah pelanggan yang berurusan	44.210 orang	Purata masa menunggu bagi perkhidmatan multiskill secara purata <b>9 minit 15 saat</b> .		100%	-	-	-	-

### 6.4.2 LAPORAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN BAGI KAUNTER PERKHIDMATAN IBU PEJABAT MBSP

#### KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN BAGI JANUARI – JUN 2021

PROSES	ANALISIS RESPONDEN	BILANGAN RESPONDEN	STATUS KEPUASAN PELANGGAN					JUMLAH PERATUS
			SANGAT MEMUASKAN (%)	MEMUASKAN (%)	SEDERHANA (%)	TIDAK MEMUASKAN (%)	SANGAT TIDAK MEMUASKAN (%)	
	Tempoh Menunggu	240	65.83	18.33	12.92	2.50	0.40	100
Perkhidmatan Kaunter Berpusat	Mutu Perkhidmatan Yang Diberikan Oleh Pegawai Kaunter	160	50.00	31.25	18.75	0.00	0.00	100
	Mutu Keseluruhan Perkhidmatan Yang Telah Diberikan	100	73.00	10.00	10.00	5.00	2.00	100
	Jumlah	500	62.20	20.80	14.20	2.20	0.60	100

#### KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN BAGI JULAI – DISEMBER 2021

PROSES	ANALISIS RESPONDEN	BILANGAN RESPONDEN	STATUS KEPUASAN PELANGGAN					JUMLAH PERATUS
			SANGAT MEMUASKAN (%)	MEMUASKAN (%)	SEDERHANA (%)	TIDAK MEMUASKAN (%)	SANGAT TIDAK MEMUASKAN (%)	
	Tempoh Menunggu	89	78.65	15.73	1.12	0.00	4.49	100
Perkhidmatan Kaunter Berpusat	Mutu Perkhidmatan Yang Diberikan Oleh Pegawai Kaunter	71	84.51	12.68	1.41	0.00	1.41	100
	Mutu Keseluruhan Perkhidmatan Yang Telah Diberikan	62	83.87	14.52	1.61	0.00	0.00	100
	Jumlah	222	81.98	14.41	1.35	0.00	2.25	100

JENIS KUTIPAN HASIL	JUMLAH KUTIPAN (RM)
CUKAI TAKSIRAN	198,458,023.14
KOMPAUN	3,110,545.00
SEWA	6,042,631.00
LESEN	10,901,448.50
PELAN BANGUNAN	8,828,878.29
CAGARAN	2,469,355.93
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 229,810,881.86</b>

Jadual : Jumlah Keseluruhan Kutipan Hasil Sepanjang Tahun 2021

## 7.0 UNIT INTEGRITI

### 7.1 FUNGSI

Menyelaras program integriti MBSP

### 7.2 FUNGSI PERINCIAN PERKHIDMATAN

- i. Menjalankan proses siasatan bagi laporan berkaitan integriti di MBSP
- ii. Urusetia kepada Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) MBSP

### 7.3 LAPORAN AKTIVITI UNIT

#### 7.3.1 PROGRAM / BENGKEL YANG TELAH DILAKUKAN PADA TAHUN 2021

BIL	BULAN	TARIKH
1	Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP Tahun 2021	26.11.2021
2	Lafaz ikrar Integriti	26.11.2021
3	Ujian Saringan Air Kencing <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan Ujian Urin Test Salahguna Dadah Bil 1/2021</li> <li>• Pemeriksaan Ujian Urin Test Salahguna Dadah Bil 2/2021</li> <li>• Pemeriksaan Ujian Urin Test Salahguna Dadah Bil 3/ 2021</li> </ul>	4.1.2021 1.4.2021 10.11.2021
4	Kuiz Virtual Integriti	17.11.2021
5	Pelancaran Buku Pelan Tindakan Pelan Anti Rasuah MBSP 2021	26.11.2021
6	Kursus <i>Whistleblower</i> Kepada Ketua Jabatan dan Ahli Majlis MBSP	02.11.2021



Gambar : Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP tahun 2021

STAR METRO, TUESDAY 7 DECEMBER 2021

# Aiming for zero corruption

Council starts eight initiatives to promote transparency

By M. SIVANANTHA SHARMA  
morthysharma.com.my

SHEH-KANNAI from tiny council  
MBSP aims to be a local authority  
which shows integrity and  
transparency through eight  
initiatives.

Council mayor Rosali Rosli  
Muhammad said the end target was  
zero corruption.

"The declared or reserve prices  
for all projects tendered will in  
turns be kept secret at one of the  
tender documents," he said.

He said the move was taken to  
promote integrity among council  
staff members and Selangor Pen-  
insular residents.

Rosli was speaking in response  
after launching the MBSP's  
Anti-Corruption Action Plan on  
campus here with the fittingly  
Monetary donation by the city  
council in Klang Free, Buli  
Mortgage, recently.

Also present were council  
vice-president Sofian Amin  
Abdullah Hj Duman along with several  
councilors and heads of depar-

MENTS.

Rosli said under the MBSP  
Anti-Corruption Plan 2021-2025,  
every department will have a  
corruption action plan to resolve  
issues faced along the way.

"As we will no longer be keeping  
the reserve price secret, all parties  
who want to bid for tenders under  
MBSP can access all information.  
This will prevent corrupt-

practices including the 'sale' of  
tender information," he added.

The council will pay serious  
attention to ethical management  
among MBSP employees at every  
level to enhance integrity and

fight corruption, abuse of power,  
malpractices and breach of trust.

As an outcome of these efforts,  
the council received only four  
cases last year and three cases  
this year involving corruption  
and misdeeds.

The MBSP Integrity Month  
celebration saw council personnel  
renovating their pledge to remain  
highly committed and responsible  
in carrying out their duties.

Gambar : Keratan Akhbar Berkaitan MBSP Ke Arah Sifar Rasuh



Gambar : Lafaz ikrar Integriti



Gambar : Ujian Saringan Air Kencing



Gambar : Penyampaian Hadiah Kuiz Virtual Integriti



Gambar : Pelancaran Buku Pelan Tindakan Pelan Antirasuah MBSP 2021

### 7.3.2 SENARAI MESUARAT YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2021

BIL	BULAN	TARIKH
1	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat MBSP Bil 3/2021	24.11.2021
2	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat MBSP Bil 2/2021	29.9.2021
3	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat MBSP Bil 1/2021	31.3.2021

### 7.3.3 BENGKEL / KURSUS / TAKLIMAT YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2021

Antara bengkel/kursus/taklimat dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melibatkan semua ketua jabatan, ahli majlis, pegawai dan kakitangan MBSP dalam usaha memperkasakan pemantapan integriti sektor awam yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut :

- Kursus Rasuah Dan Integriti Penjawat Awam – Dalam Talian (Sesi 1 Hingga 6)
- Taklimat Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001:2016 Dan Sistem Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001:2018-OSHMS (Siri 1 Hingga 13)
- Taklimat Tata tertib, Perintah Am Dan Pencegahan Rasuah Kepada Pegawai Dan Kakitangan MBSP
- Bicara Integriti
- Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Negeri



Gambar : Kursus Whistleblower Kepada Ketua Jabatan dan Ahli Majlis MBSP

## **8.0 UNIT KETERANGKUMAN GENDER**

### **8.1 FUNGSI**

Menyelaras dan memantau pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender MBSP

### **8.2 FUNGSI PERINCIAN PERKHIDMATAN**

1. Memantau Pelan Tindakan Strategik Keterangkuman Gender MBSP
2. Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Gender MBSP

### **8.3 LAPORAN AKTIVITI UNIT**

#### **8.3.1 SENARAI MESYUARAT JAWATANKUASA GENDER**

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Mesyuarat Jawatankuasa Gender Bil.1/2021	18 Februari 2021
2	Mesyuarat Jawatankuasa Gender Bil.2/2021	9 September 2021
3	Mesyuarat Jawatankuasa Gender Bil.3/2021	16 Disember 2021

#### **8.3.2 LATIHAN / KURSUS / BENGKEL YANG DIADAKAN PADA TAHUN 2021**

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Bengkel Pemantapan Dan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pegawai <i>Focal Point</i> Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2021	1 April 2021	The Light Hotel, Seberang Jaya
2	Latihan Secara Dalam Talian Bengkel Bajet Mampan Bagi Perkongsian Pengalaman Penyertaan Gender <i>Responsive Participatory Budgeting</i>	28 – 29 Jun 2021	Secara Dalam Talian
3	Taklimat Kesedaran Keterangkuman Gender Majlis Bandaraya Seberang Perai Secara Dalam Talian	12 Oktober 2021	Secara Dalam Talian
4	Sesi Sumbang Saran Berkenaan Bajet Penyertaan Rakyat Dan Responsif Gender (GRPB) Bersama Jabatan Perbendaharaan MBSP	15 Disember 2021	Hotel Iconic, Perai




Bengkel Pemantapan Dan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pegawai *Focal Point* Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2021

**TUNDANG-TUNDANG**



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN UNDANG-UNDANG



## 1. PENDAHULUAN

### i. Pengenalan Jabatan Undang-Undang

Jabatan Undang-Undang merupakan salah satu daripada 17 jabatan di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Ianya bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, membuat dan menggubal undang-undang kecil untuk MBSP, menyediakan dokumen perundangan, pewartaan undang-undang dan dokumen, menjalankan tindakan pra mahkamah dan pendakwaan di mahkamah, menyelaras kes sivil yang dibawa oleh dan terhadap MBSP.

### ii. Latar Belakang

Jabatan Undang-Undang adalah salah sebuah komponen jabatan penting di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Jabatan ini telah diwujudkan pada tahun 1973 yang dikenali sebagai Bahagian Undang-Undang, terletak di bawah pentadbiran Sekretariat.

Pada Julai 1974, Bahagian Undang-Undang telah dibentuk menjadi satu jabatan berasingan daripada Bahagian Sekretariat yang dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang.

Pembentukan Jabatan Undang-Undang menjadi satu jabatan yang berasingan ini adalah ekoran percantuman tiga buah Majlis Daerah yang terdapat di Seberang Perai ini iaitu Majlis Daerah Utara, Tengah dan Selatan, yang kemudiannya telah diisytiharkan sebagai Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 15 Disember 1976.

Dari tahun 1976 sehingga 1998, Jabatan Undang-Undang mempunyai beberapa unit lain di bawah pentadbirannya seperti Bahagian Merinyu Timbang dan Sukat, Unit Penguatkuasa dan Unit Keselamatan, tetapi mulai 1 Mac 1998, Jabatan Undang-Undang telah menjadi sebuah jabatan yang khusus mengendalikan hal ehwal undang-undang sahaja tanpa ketiga-tiga bahagian di atas.

Pada 3 Januari 2006, Bahagian Penguatkuasa dan Pengawal Keselamatan menjadi sebahagian Jabatan Undang-Undang. Pada masa tersebut, Jabatan Undang-Undang diketuai oleh seorang Pengarah dan mempunyai seramai seratus tujuh puluh lapan orang kakitangan yang terdiri daripada seorang Penolong Pengarah, dua orang Pembantu Undang-Undang, seorang Penolong Pegawai Tadbir, tiga orang Penolong Pegawai Penguatkuasa, tujuh orang Pembantu Tadbir, seratus empat puluh satu Pembantu Penguatkuasa (Polis Bantuan seramai dua puluh sembilan orang), sembilan belas orang pengawal keselamatan, seorang Jurutaip, dua orang Penghantar Notis dan seorang Pembantu Am Rendah.

Mulai 1 Julai 2010, Bahagian Penguatkuasa dan Keselamatan dikeluarkan dari Jabatan Undang-Undang manakala Polis Bantuan dikekalkan di Jabatan Undang-Undang. Walau bagaimanapun mulai 1 April 2016 Unit Polis Bantuan telah ditukarkan dari Jabatan Undang-Undang dan ditempatkan di Direktorat Penguatkuasaan.

Kini Jabatan Undang-Undang hanya mengendalikan hal ehwal perundangan sahaja. Terdapat empat unit di bawah pentadbiran Jabatan Undang-Undang iaitu Unit Pentadbiran, Unit Perjanjian, Unit Gubalan dan Nasihat, Kes-Kes Sivil, Lembaga Rayuan dan Perpustakaan serta Unit Pendakwaan.

BIL	JAWATAN	Gred	Tetap		Kontrak		Jumlah	
			Isi	Kosong	Isi	Kosong	Isi	Kosong
1	Pengarah	L52	-	1	-	-	-	1
2	Timb. Pengarah	L48	1	-	-	-	1	-
3	Pen. Pengarah Kanan	L44	1	-	-	-	1	-
4	Pen. Pengarah	L41	1	-	-	-	1	-
5	Pen. Pegawai Undang2 (KUP)	L32	1	-	-	-	1	-
6	Pen. Pegawai Tadbir Kanan	N32	1	-	-	-	1	-

BIL	JAWATAN	Gred	Tetap		Kontrak		Jumlah	
			Isi	Kosong	Isi	Kosong	Isi	Kosong
7	Pen. Pegawai Tadbir	N29	1	-	-	-	1	-
8	Pen. Pegawai Undang2	N29	1	1	-	-	1	1
9	Pemb. Tadbir Kanan	N22	1	-	-	-	1	-
10	Pembantu Tadbir (KUP)	N22	1	-	-	-	1	-
11	Pembantu Tadbir	N19	6	-	1	-	7	-
12	Penghantar Notis	N11	2	-	-	-	2	-
13	Pembantu Operasi	N11	-	1	-	-	-	1
14	Pembantu Awam	H11	-	-	4	-	4	-
<b>JUMLAH</b>			<b>17</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>-</b>	<b>22</b>	<b>3</b>

**SENARAI KEDUDUKAN PERJAWATAN DI MAHKAMAH MAJISTRET (MUNISIPAL)  
SEBERANG PERAI (JABATAN UNDANG-UNDANG)**

BIL	JAWATAN	Gred	Tetap		Kontrak		Jumlah	
			Isi	Kosong	Isi	Kosong	Isi	Kosong
1	Pen. Pegawai Undang2 Kanan	L32	1	-	-	-	1	-
2	Pembantu Tadbir Undang2 (KUP)	L22	3	-	-	-	3	-
3	Pembantu Tadbir Undang2 (KUP)	LA32	2	-	-	-	2	-
4	Pembantu Tadbir	N19	1	-	-	-	1	-
5	Pembantu Tadbir Undang2	LA19	1	-	-	-	1	-
6	Pembantu Tadbir Undang2	L19	1	-	-	-	1	-
7	Pembantu Operasi	N11	1	-	-	-	1	-
<b>JUMLAH</b>			<b>10</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>-</b>	<b>10</b>	<b>-</b>

**2. PERANAN / FUNGSI JABATAN**

**i. Fungsi Jabatan**

Jabatan Undang-Undang bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, membuat dan menggubal undang-undang kecil untuk Majlis, semakan dan penyediaan dokumen perjanjian, pewartaan undang-undang, menjalankan tindakan pra pendakwaan di Mahkamah dan tindakan pendakwaan di Mahkamah, menyelaras kes-kes sivil yang dibawa oleh dan terhadap MBSP serta mengendalikan kes-kes di Lembaga Rayuan.

**ii. Objektif Jabatan**

Antara Objektif Jabatan Undang-Undang adalah untuk memastikan kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai dan warga Seberang Perai benar-benar mengetahui, memahami, mematuhi, menghargai dan menghormati undang-undang yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai.

**iii. Akta-Akta dan Enakmen yang digunakan :**

- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
- Akta Perancangan Bandar & Desa 1976
- Akta Rahsia Rasmi 1972
- Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975
- Akta Makanan 1983
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah
- Akta Zon Bebas dan Peraturan-Peraturan 1990
- Akta Pengambilan Tanah 1960
- Akta Hakmilik Strata 1985, Kaedah-Kaedah dan Perintah-Perintah
- Akta Keterangan 1950 & Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 & Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987
- Akta Setem 1949
- Akta Kontrak 1950 dan Akta Kontrak Kerajaan 1949
- Kanun Tanah Negara 1965
- Akta Perkhidmatan Bomba dan Peraturan-Peraturan
- Akta Kilang dan Jentera 1967, Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah dan Perintah
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Racun 1952 (Semakan 1989)
- Akta Bekalan Elektrik 1990, Peraturan-Peraturan Elektrik
- Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan Peraturan-Peraturan
- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
- Akta Pengurusan Strata 2013
- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
- Akta Perlindungan Saksi 2009
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
- Akta Had Masa 1953
- Akta Distres 1957
- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 dan Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001
- Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010
- Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011
- Enakmen Pilihanraya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012
- Enakmen Penternakan Babi 2016
- Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017

**iv. Undang-Undang Kecil, Kaedah, Perintah Dan Peraturan Yang Telah Diwartakan**

- Province Wellesley Rural Board By-Laws Slaughter House
- Province Wellesley Rural Board By-laws Trisha, 1949
- Province Wellesley Rural Board By-laws Diaries and Dairymen, 1950
- Butterworth Town Council Laundries By-laws, 1957
- Bukit Mertajam Town Council Common Lodging Houses By-laws, 1956
- Rural District Council North, Province Wellesley Licensing and Management of Street Stalls By-laws, 1956
- Rural District Council South, Province Wellesley Slaughter House By-Laws 1957
- Butterworth Town Council Street Stalls By-laws, 1957
- Bukit Mertajam Town Council Licensing & Management Of Street Stall By-Laws 1957
- Rural District Council South, Province Wellesley Licensing & Management Of Street Stall By-Laws 1958
- Bukit Mertajam Town Council Slaughter House By-laws, 1956
- Rural District Council North, Province Wellesley Slaughter House By-laws, 1956
- Rural District Council Central, Province Wellesley, Slaughter House By-laws, 1956
- Undang-Undang Kecil Kedai Makanan Dan Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
- Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau Yang Mengganggu Dan Setal-setal, Kerajaan Tempatan, Seberang Perai 1974
- Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975
- Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) 2020
- Undang-Undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung) Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil (Rumah Urut) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan, Parit Dan Bangunan 2020
- Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan, 1981
- Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1982
- Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
- Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
- Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
- Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
- Undang-Undang Kecil Vandalsme (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
- Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
- Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1994
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986
- Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 2001

- Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016
- Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2017
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990
- Kaedah-Kaedah Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan) 1989
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan (Pulau Pinang) 2015
- Kaedah-Kaedah Lembaga Hakmilik Strata (Negeri Pulau Pinang) 2005
- Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompaunan Kesalahan) 2003
- Kaedah-Kaedah Rancangan Tempatan 1989
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2014
- Perintah Lalulintas Jalan (Tempat Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai 1995
- Perintah Majlis Perbandaran Seberang Perai, Padang Kereta (Peruntukan Am) 1983
- Perintah Tetap 1996 / Standing Orders 1996
- Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) (Mengkompaun Kesalahan) 2001
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan Dan Tata tertib) 1995
- Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Akses Kepada Maklumat) 2014
- Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991
- Manual On Traffic Control Devices Temporary Signs and Work Zones Control [ATJ 2C/85 (Pindaan 2017) JKR 20400-0202-17]
- Guide Signs Design and Applications [ATJ 2E/87 (Pindaan 2015) JKR 20401-0061-15]
- Manual On Traffic Control Devices Traffic Sign Applications [Arahan Teknik (Jalan) 2B/85]
- Manual On Traffic Control Devices Standard Traffic Signs

#### **TUGAS-TUGAS UNIT PENTADBIRAN :**

Unit ini ditugaskan menguruskan pentadbiran am Jabatan seperti:

- Menguruskan inventori Jabatan,
- Menyelenggara rekod cuti dan tata tertib kakitangan Jabatan Undang-undang dan Mahkamah Munisipal,
- Menguruskan bil-bil Jabatan,
- Menguruskan belanjawan Jabatan,
- Mengendalikan aduan Jabatan,
- Menguruskan maklumbalas Jabatan
- Mengurus dan menyelenggara fail-fail Jabatan,
- Memantau pelaksanaan Piagam Pelanggan, Kualiti Jabatan dan Fokus Jabatan.
- Mengurus dan mengendalikan Panjar Wang Runcit Jabatan
- Menguruskan pergerakan kenderaan Jabatan
- Menguruskan latihan / kursus

## LAPORAN PRESTASI UNIT PERJANJIAN

### A. TUGAS-TUGAS UNIT PERJANJIAN

- Mendraf, menyediakan dan/atau menyemak dokumen perjanjian.

### B. PENCAPAIAN UNIT PERJANJIAN BAGI TAHUN 2020 & 2021

BIL	PERKARA	Jumlah 2020	Jumlah 2021
SENARAI PERJANJIAN UNTUK JABATAN-JABATAN DI MBSP (Tidak termasuk Perjanjian Penyewaan)			
1	Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa	-	-
2	Jabatan Khidmat Pengurusan	27	26
3	Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi	27	34
4	Jabatan Perbendaharaan	7	4
5	Jabatan Kemasyarakatan	2	-
6	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	4	8
7	Jabatan Pelesenan	-	-
8	Jabatan Kejuruteraan	82	139
9	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	11	29
10	Jabatan Undang-Undang	-	-
11	Jabatan Bangunan	-	1
12	Direktorat Penguatkuasaan	2	3
13	Jabatan Perancang Bandar	-	2
14	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	-	-
15	Jabatan Lanskap	13	24
16	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	2	1
17	Jabatan Pengurusan Krisis	-	-
18	Unit Pelancongan, Seni dan Warisan	1	4
19	Unit Audit Dalaman	-	-
20	Unit One Stop Centre (OSC)	-	-
21	Unit Butterworth Baharu	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>178</b>	<b>275</b>

**NOTA:**

Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.

(Sekiranya dokumen dihantar 2 minggu sebelum tamat tempoh atau selepas tamat 4 bulan, perjanjian hanya akan dimuktamadkan oleh Jabatan Undang-Undang dalam tempoh 2 bulan setelah dokumen diterima)

**C. PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN DIKENAKAN CAJ BAYARAN.**

Caj bayaran yang dikenakan kepada pihak kontraktor / pembekal bagi tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:-

TAHUN 2020			TAHUN 2021		
BIL	BULAN	JUMLAH (RM)	BIL	BULAN	JUMLAH (RM)
1	JANUARI	12,300.00	1	JANUARI	1,500.00
2	FEBRUARI	11,150.00	2	FEBRUARI	2,800.00
3	MAC	2,600.00	3	MAC	13,800.00
4	APRIL	0.00	4	APRIL	9,800.00
5	MEI	7,600.00	5	MEI	7,400.00
6	JUN	11,400.00	6	JUN	1,900.00
7	JULAI	9,300.00	7	JULAI	6,700.00
8	OGOS	7,780.00	8	OGOS	5,700.00
9	SEPTEMBER	9,500.00	9	SEPTEMBER	9,500.00
10	OKTOBER	10,500.00	10	OKTOBER	19,000.00
11	NOVEMBER	11,650.00	11	NOVEMBER	27,900.00
12	DISEMBER	5,000.00	12	DISEMBER	12,700.00
<b>JUMLAH</b>		<b>101,480.00</b>	<b>JUMLAH</b>		<b>118,700.00</b>

**TUGAS-TUGAS UNIT GUBALAN & NASIHAT**

**A. TUGAS-TUGAS UNIT GUBALAN DAN NASIHAT:**

- Memberi nasihat perundangan kepada MBSP.

**LAPORAN PRESTASI UNIT PENDAKWAAN**

**A. TUGAS-TUGAS UNIT PENDAKWAAN:**

Unit ini ditugaskan menguruskan perkara-perkara seperti berikut:

- Menguatkuasakan undang-undang yang diterimakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai;
- Menjalankan pendakwaan di Mahkamah;
- Menyedia dan menyemak izin pendakwaan, pertuduhan dan saman.

**B. PENCAPAIAN UNIT PENDAKWAAN BAGI TAHUN 2020 DAN 2021.**

Jadual berikut merupakan pencapaian prestasi dan proses kerja yang telah dilaksanakan oleh kakitangan Unit Pendakwaan bagi tahun 2020 dan 2021.

**DAFTAR KES LETAK KERETA**

BULAN	2020	2021
JANUARI	500.00	170
FEBRUARI	0	145
MAC	0	33
APRIL	300	3
MEI	0	97
JUN	149	-
JULAI	154	-
OGOS	351	-
SEPTEMBER	549	-
OKTOBER	549	-
NOVEMBER	200	896
DISEMBER	50	918
<b>JUMLAH</b>	<b>2,802</b>	<b>2,262</b>

**DAFTAR KES KERJA TANAH**

BULAN	2020	2021
JANUARI	2	3
FEBRUARI	3	1
MAC	3	2
APRIL	0	2
MEI	0	1
JUN	0	-
JULAI	0	-
OGOS	1	-
SEPTEMBER	0	-
OKTOBER	2	-
NOVEMBER	3	2
DISEMBER	0	4
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>	<b>15</b>

**DAFTAR KES PELESENAN**

BULAN	2020	2021
JANUARI	1	-
FEBRUARI	1	-
MAC	0	2
APRIL	0	4
MEI	0	5
JUN	0	-
JULAI	1	-
OGOS	0	-
SEPTEMBER	0	1
OKTOBER	1	-
NOVEMBER	0	5
DISEMBER	0	2
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>19</b>

**DAFTAR KES TAHUNAN (2020)**  
**DI MAHKAMAH MAJISTRET (MUNISIPAL) BUTTERWORTH / BUKIT MERTAJAM**  
**& MAHKAMAH MAJISTRET JAWI**

JENIS KESALAHAN	DAERAH	JUMLAH
	SPU (BW)	12
<b>(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN)</b>	SPT (BM)	2,790
KESALAHAN LETAK KERETA	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,802</b>
	SPU (BW)	3
<b>(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN)</b>	SPT (BM)	8
TIADA LESEN, TIADA PAPAN IKLAN	SPS (JAWI)	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>
	SPU (BW)	7
<b>(KESIHATAN)</b>	SPT (BM)	2
TIADA LESEN KACAU GANGGU	SPS (JAWI)	3
	<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>
	SPU (BW)	3
<b>(KEJURUTERAAN)</b>	SPT (BM)	7
KERJA TANAH / PAMER IKLAN TANPA LESEN	SPS (JAWI)	4
	<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>
	SPU (BW)	0
<b>(PELESENAN)</b>	SPT (BM)	11
TIADA LESEN	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>
	SPU (BW)	1
<b>(LANDSKAP)</b>	SPT (BM)	0
	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>
	SPU (BW)	1
<b>(BANGUNAN)</b>	SPT (BM)	13
TUKAR GUNA RUMAH KEDIAMAN	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>
	SPU (BW)	11
<b>(PERANCANG)</b>	SPT (BM)	2
PEMAJUAN TANPA KEBENARAN	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,880</b>

**DAFTAR KES TAHUNAN (2021)**  
**DI MAHKAMAH MAJISTRET (MUNISIPAL) BUTTERWORTH / BUKIT MERTAJAM**  
**& MAHKAMAH MAJISTRET JAWI**

JENIS KESALAHAN	DAERAH	JUMLAH
	SPU (BW)	349
<b>(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN)</b>	SPT (BM)	1,913
KESALAHAN LETAK KERETA	SPS (JAWI)	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,262</b>
	SPU (BW)	-
<b>(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN)</b>	SPT (BM)	15
TIADA LESEN, TIADA PAPAN IKLAN	SPS (JAWI)	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>
	SPU (BW)	9
<b>(KESIHATAN)</b>	SPT (BM)	18
TIADA LESEN KACAU GANGGU	SPS (JAWI)	10
	<b>JUMLAH</b>	<b>37</b>
	SPU (BW)	3
<b>(KEJURUTERAAN)</b>	SPT (BM)	7
KERJA TANAH / PAMER IKLAN TANPA LESEN	SPS (JAWI)	4
	<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>
	SPU (BW)	1
<b>(PELESENAN)</b>	SPT (BM)	13
TIADA LESEN	SPS (JAWI)	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>
	SPU (BW)	-
<b>(LANDSKAP)</b>	SPT (BM)	-
	SPS (JAWI)	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>
	SPU (BW)	1
<b>(BANGUNAN)</b>	SPT (BM)	1
TUKAR GUNA RUMAH KEDIAMAN	SPS (JAWI)	8
	<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>
	SPU (BW)	5
<b>(PERANCANG)</b>	SPT (BM)	2
PEMAJUAN TANPA KEBENARAN	SPS (JAWI)	5
	<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>2,370</b>

LAPORAN PRESTASI UNIT LEMBAGA RAYUAN

BIL	No.Rr	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
1	LR/SP/20/2017	S.23(1)(b)	BANTAHAN TERHADAP KEPUTUSAN NO. RUJUKAN 51 DLM.MPSP/70/39-47/4 B.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBATALKAN TAPAK PBA KEPADA TAPAK KMH DI ATAS PT 766, MUKIM 17 LEBUH HARMONI SEBERANG PERAI TENGAH UNTUK TETUAN MALTAG SDN BHD.	LEE LIM LENG	14/11/2017	Rayuan dalam Proses
2	LR/SP/21/2017	S.23(1)(b)	BANTAHAN TERHADAP KEPUTUSAN NO. RUJUKAN 52 DLM.MPSP/70/39-47/4 B.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBATALKAN TAPAK PBA KEPADA TAPAK KMH DI ATAS PT 766, MUKIM 17 LEBUH HARMONI SEBERANG PERAI TENGAH UNTUK TETUAN MALTAG SDN BHD.	STEPHEN A/L ASANUMUTHU	17/10/2017	Rayuan dalam Proses
3	LR/SP/10/2018	S.23(1)(b)	RAYUAN BANTAHAN TERHADAP KEPUTUSAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI YANG TELAH MELULUSKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PEMOHON, TETUAN ECO MEADOWS DEVELOPMENT SDN BHD UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT GALERI JUALAN 1 TINGKAT (SEMENTARA 3 TAHUN) DI ATAS LOT 20840 (LOT LAMA PT904), JALAN PABOI, MUKIM 14, SEBERANG PERAI SELATAN BERTARIKH 18.5.2018, NO. RUJUKAN: MPSP/70/39-74/44 B.5 (24)	TETUAN SOON BEE NEOH SDN BHD	18/05/2018	Rayuan dalam Proses
4	LR/SP/11/2019	S.23(1)(b)	RAYUAN BANTAHAN TERHADAP PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN TUKARGUNA BANGUNAN KEDIAMAN (2 UNIT RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT SEDIADA) KEPADA PUSAT JAGAAN IBU SELEPAS BERSALIN DI NO. 6 & 8, MEDAN KOTA PERMAI 6, TAMAN KOTA PERMAI, DI ATAS LOT 31074 & 31075, MUKIM 14, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH UNTUK TETUAN ZUWEN BINA SDN. BHD.	LIM CHUNG OOI	12/11/2019	Rayuan dalam Proses
5	LR/SP/3/2020	S.23(1)(b)	BANTAHAN TERHADAP PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN SEKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI :	MOHD HASBULLAH ALI BIN AHMAD	13/02/2020	Rayuan dalam Proses
<b>FASA 1</b>						
A. 23 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT						
B. 301 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT						
C. 2 UNIT RUANG PAMERAN 2 TINGKAT						

BIL	No.Rr	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
-----	-------	-------	-------	---------	---------------	--------

- D. 104 UNIT RUMAH KOS RENDAH 1 TINGKAT
- E. 4 UNIT PELBAGAI GUNA 1 TINGKAT (TADIKA/TASKA/PUSAT JAGAAN)
- F. 1 UNIT DEWAN ORANG RAMAI 1 TINGKAT
- G. 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB & 2 UNIT TNB SS COMPACT
- H. 1 UNIT LOJI RAWATAN KUMBahan
- I. 1 UNIT SURAU

**FASA 2**

- A. 49 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT
- B. 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB
- C. TAPAK PENJAJA

**FASA 3**

- A. 16 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT
- B. 209 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT
- C. 63 UNIT RUMAH KOS RENDAH 1 TINGKAT
- D. 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB

**FASA 4**

- A. KEMAJUAN MASA HADAPAN (KEDIAMAN)
- DI ATAS LOT 20084, 20086, SEBAHAGIAN LOT 20085 DAN SEBAHAGIAN LOT 20083 (LOT BARU 21143) MUKIM 12, JALAN KUBANG MENERONG, SEBERANG PERAI UTARA SECARA SERENTAK DENGAN PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA DI BAWAH SEKSYEN 204(D) KTN. (Pelan berlulus bil.(23A)dlm.MBSP/70/39-12/37 bertarikh 07.06.2017 adalah berkaitan). UNTUK TETUAN PAVILION EVERISE SDN. BHD.

6	LR/SP/5/2021	S.23(1)(b)	RAYUAN BANTAHAN TERHADAP PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN 1 UNIT PUSAT JAGAAN WARGA TUA 4 TINGKAT (34 BILIK), DI ATAS LOT 30600, LORONG SERI PERMAI 4, TAMAN SERI PERMAI, MUKIM 14, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG UNTUK TETUAN ZUWEN BINA SDN. BHD.	LIM WAI KONG	02/04/2021	Rayuan dalam Proses
---	--------------	------------	--	--------------	------------	---------------------

7	LR/SP/7/2021	S.23(1)(b)	RAYUAN BANTAHAN TERHADAP PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN KILANG SEDIA ADA YANG MENGANDUNGI :-	LEE CHONG HOO	26/04/2021	Rayuan dalam Proses
			1. KILANG A SETINGKAT 2. KILANG B SETINGKAT			

BIL	No.Rr	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
			<p>3. KILANG C SETINGKAT          4. KILANG D SETINGKAT          5. BILIK UTILITI SETINGKAT          6. KANTIN SETINGKAT          7. SETOR          8. PEJABAT SETINGKAT          9. PENCAWANG ELEKTRIK TNB          10. PONDOK PENGAWAL          11. KEMAJUAN MASA HADAPAN (KMH)          (PEMBINAAN KILANG)</p> <p>DI ATAS LOT 1199, MUKIM 6, PONGSU SERIBU, SEBERANG PERAI UTARA, PENANG (PEMUTIHAN) A9PK0215)          UNTUK TETUAN CIPLI INDUSTRI SDN. BHD.</p>			
8	LR/SP/10/2021	S.23(1)(b)	<p>RAYUAN BANTAHAN TERHADAP SARAVANAN A/L ANAMAILI</p> <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENUKAR KEGUNAAN BANGUNAN KEDIAMAN KEPADA TADIKA UNTUK RUMAH TERES 2 TINGKAT SEDIA ADA NO. 1 (LOT 21758) PERSIARAN SEKSYEN 5/15. BANDAR PUTRA BERTAM, MUKIM 6, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG. UNTUK TETUAN TADIKA MENARA ILMU.</p>	11/06/2021		Rayuan dalam Proses
9	LR/SP/15/2021	S.23(1)(b)	<p>RAYUAN BANTAHAN TERHADAP ZAKARIA</p> <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BIN ZAINAL</p> <p>BAGI CADANGAN MEMBINA JEJAMBAT FLYOVER DARI (E17) LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH MASUK KE DAN KELUAR DARI TEMPAT LETAK KERETA KOMPLEKS MEMBELI BELAH SUNWAY CARNIVAL MALL DI ATAS TANAH KERAJAAN, JALAN TODAK 1, PUSAT BANDAR SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG UNTUK TETUAN SUNWAY REIT MANAGEMENT SDN. BHD.</p>	23/08/2021		Rayuan dalam Proses
10	LR/SP/19/2021	S.23(1)(a)	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN PEMBANGUNAN BERAMPUR YANG MENGANDUNG:</p> <p><b>FASA 1</b></p> <p>1. UNIT STESEN MINYAK, KEDAI SERBANIKA / PEJABAT 2 TINGKAT &amp; 1 PENCAWANG PADAT.</p> <p><b>FASA 2</b></p> <p>2. UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT DAN 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT</p>	ZAKARIA	23/08/2021	Rayuan dalam Proses

BIL	No.Rr	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
			DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 699, MUKIM 21, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG. UNTUK TETUAN: HRJ PROPERTY SDN. BHD			
11	LR/SP/9/2019	S.23(1)(b)	BANTAHAN TERHADAP MPSP/70/39-22/ 28B2 (52) PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN 18 UNIT TERES TINGKAT DAN 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI ATAS LOT 165, SEKSYEN 2, BANDAR BUTTERWORTH, SPU UNTUK TETUAN AIRMAS DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAN CHEE SIN	19/08/2019	Kes Ditarik Balik
12	LR/SP/4/2020	S.23(1)(b)	BANTAHAN TERHADAP PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT 31648, JALAN BUKIT MINYAK PERMAI, MUKIM 14, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH YANG MENGANDUNG :-  a. 1 BLOK TASKA 3 TINGKAT b. 1 BLOK TADIKA 3 TINGKAT c. 1 BLOK PEJABAT PENGURUSAN 4 TINGKAT d. 1 BLOK FASILITI 3 TINGKAT  UNTUK TETUAN HIGH 10 KIDS SDN. BHD.	TAN BOK LIM	13/03/2020	Kes Ditarik Balik

## LAPORAN PENCAPAIAN / ANUGERAH 2021

### PENCAPAIAN / ANUGERAH 2021

Antara pencapaian / anugerah yang diperolehi dalam tahun 2021 adalah seperti berikut:-

BIL	PENCAPAIAN	SIJIL / ANUGERAH
1	Pertandingan Projek / Program Sempena Hari Audit Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) 2021 dan usaha yang berterusan bagi memastikan pematuhan kepada Undang-Undang dan lain-lain peraturan yang digunakan oleh MBSP.	<b>TEMPAT PERTAMA</b>
2	Di atas komitmen yang diberikan dalam memastikan pematuhan ke atas Undang-Undang dan lain-lain peraturan pengurusan kewangan yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).	<b>SIJIL PENGHARGAAN</b> (Puan Dilah binti Kadir)
3	<i>Quality Challenge</i> (Kuiz Kualiti) sempena Sambutan Hari Bandaraya MBSP 2021.	<b>TEMPAT KETIGA</b> (Encik Jamaludin bin Mat)  <b>SAGUHATI</b> Puan Zuraida binti Md Isa Cik Norhidayah binti Othman Puan Hasnita binti Abdul Hamid
4	Kuiz Sempena Sambutan Hari Audit Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) 2021 yang telah dianjurkan oleh Unit Audit Dalam MBSP pada 23/2/2021.	<b>SAGUHATI</b> Cik Norhidayah binti Othman

### RUMUSAN

Secara keseluruhannya, prestasi dan proses kerja di Jabatan Undang-Undang sepanjang tahun 2021 adalah sangat memuaskan dan berjalan lancar.

Antara langkah proaktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Undang-Undang seiring dengan perlaksanaan program transformasi MBSP adalah melalui kursus dan sesi pemahaman undang-undang yang lebih mantap kepada kakitangan MBSP khususnya kepada kakitangan yang melaksanakan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan adil, jujur dan teratur serta mematuhi kehendak undang-undang yang berkuatkuasa dan selari dengan undang-undang yang digunakan oleh MBSP.

Selain itu, hasil daripada program percambahan fikiran dan sesi pemahaman undang-undang yang diadakan berkenaan Akta PBT bersama warga kerja MBSP telah menampakkan kepekaan warga Seberang Perai terhadap pematuhan undang-undang telah meningkat. Fenomena di atas berlaku kerana masyarakat telah memberi sambutan yang positif kepada penguatkuasaan undang-undang MBSP.

Kesimpulannya, hala tuju Jabatan Undang-Undang bagi tahun 2021 adalah selaras dengan Visi dan Misi Majlis Bandaraya Seberang Perai serta seiring dengan slogan "Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan".


# PERBENDAHARAAN



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN PERBENDAHARAAN

CARTA ORGANISASI JABATAN PERBENDAHARAAN (KEDUDUKAN JAWATAN)



## 1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2021, Majlis telah mencatat lebihan sebanyak RM19.56 juta, berbanding dengan kurangan sebanyak RM25.83 juta pada tahun 2020. Perbezaan sebanyak RM 45.39 juta ini disebabkan peningkatan dalam pendapatan Majlis seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Perbandingan Prestasi Kewangan bagi tahun 2021 dan 2020**

KETERANGAN	2021 RM JUTA	2020 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA
PENDAPATAN	304.92	258.47	46.45
PERBELANJAAN	285.36	284.30	1.06
LEBIHAN / (KURANGAN)	<b>304.92</b>	<b>(25.83)</b>	<b>45.39</b>

Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan lebihan ini termasuk:

- i. Kenaikan kadar cukai taksiran dan pertambahan bilangan pegangan kepada 343,319 pegangan harta berkadar pada tahun 2021.
- ii. Bayaran pelan bangunan dan Perancang Bandar meningkat disebabkan fasa Pelan Pemulihian Negara (PPN) telah dibuka bermula pada September 2021 mengakibatkan fasa pembangunan perumahan telah bermula semula.
- iii. Caj pemajuan penambahan nisbah plot pembangunan kebenaran merancang meningkat disebabkan permohonan pembangunan baru jenis skim perumahan telah bermula setelah beralih kepada fasa PPN.
- iv. Terimaan bantuan geran dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjumlah RM9 juta untuk menampung kehilangan hasil Majlis daripada pelepasan / rebat cukai untuk kediaman kos rendah, kos sederhana rendah dan kediaman kampung.

## 2.0 RINGKASAN PENDAPATAN

Hasil cukai merupakan komponen hasil utama di Majlis. Pada tahun kewangan 2021, hasil cukai meliputi 72% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Majlis. Manakala 18% dan 10% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Majlis terdiri daripada hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil, seperti di **Carta 1**.



Pada keseluruhannya, pendapatan Majlis menurun sebanyak 17.97% kepada RM304.92 juta pada tahun 2021 jika dibandingkan dengan tahun 2020 yang berjumlah RM258.47 juta iaitu perbezaan sebanyak RM46.45 juta.

## RINGKASAN PERBELANJAAN

Komponen-komponen perbelanjaan Majlis adalah seperti di **Carta 2**.



Secara keseluruhannya, perbelanjaan Majlis meningkat sebanyak 0.37% pada tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020 iaitu dari RM284.30 juta kepada RM285.36 juta dengan perbezaan sebanyak RM1.06 juta.

## 3.0 PERBANDINGAN PERBELANJAAN

Perbandingan perbelanjaan bagi tahun 2021 dan tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Perbandingan Perbelanjaan Bagi Tahun 2021 dan 2020**

PERBELANJAAN MENGIKUT ITEM	2021 RM JUTA	2020 RM JUTA
EMOLUMEN (TETAP, KONTRAK & SAMBILAN)	171.95	167.27
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	83.35	82.59
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	0.68	3.30
PERBELANJAAN HARTA MODAL	2.59	1.73
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	2.85	3.66
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN	23.94	25.75
<b>JUMLAH</b>	<b>285.36</b>	<b>284.30</b>

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2021 telah meningkat berbanding dengan tahun 2020. Dua (2) komponen utama dalam perbelanjaan Majlis adalah emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Kenaikan dalam emolumen merupakan kenaikan tahunan manakala penurunan dalam pemberian dan kenaan bayaran tetap adalah disebabkan Kerajaan Negeri meluluskan permohonan penangguhan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2021. Perbelanjaan lain Majlis bagi tahun 2021 secara puratanya tidak berbeza secara material.


#### 4.0 PERBANDINGAN ASET DAN LIABILITI

Perbandingan Aset dan Liabiliti bagi tahun 2021 dan 2020 adalah seperti di **Jadual 3**. Nisbah Kecairan semasa menunjukkan MBSP mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan pada nisbah 1.62 : 1 pada tahun 2021.

**Jadual 3: Perbandingan Aset dan Liabiliti bagi tahun 2021 dan 2020**

PERKARA	2021 RM JUTA	2020 RM JUTA
ASET BUKAN SEMASA	876.30	880.63
ASET SEMASA	214.71	125.61
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>1,091.01</b>	<b>1,006.24</b>
LIABILITI BUKAN SEMASA	80.49	38.65
LIABILITI SEMASA	132.77	109.40
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>213.26</b>	<b>148.05</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>877.75</b>	<b>858.19</b>

#### 5.0 TUNGGAKAN TERKUMPUL CUKAI TAKSIRAN



**Carta 3** menunjukkan bahawa tunggakan terkumpul cukai taksiran bagi tahun 2021 telah meningkat 44.49% iaitu RM15.76 juta jika dibandingkan dengan tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh tunggakan kompleks-kompleks yang bermasalah. Bagi memastikan tunggakan cukai taksiran ini dapat diperolehi, Jabatan Perbendaharaan telah melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

#### PROGRAM-PROGRAM JABATAN PERBENDAHARAAN

##### PROMOSI CUKAI PINTU DAN CABUTAN BERTUAH MBSP

Promosi cukai pintu dan cabutan bertuan adalah salah satu strategi MBSP untuk meningkatkan kutipan cukai pintu dan menggalakkan pemilik harta untuk membayar cukai pintu dengan lebih awal. Jadual 4 dan 5 menunjukkan jumlah kutipan daripada promosi cukai pintu dari tahun 2017 hingga 2021.

**Jadual 4: Promosi Cukai Pintu dan Cabutan Bertuah dari tahun 2017 hingga 2021**

PERKARA	PROMOSI 2017	PROMOSI 2018	PROMOSI 2019	PROMOSI 2020	PROMOSI 2021
Bilangan Transaksi	135,190	129,620	167,370	188,822	165,826
Jumlah Kutipan	RM77.13 juta	RM74.86 juta	RM87.13 juta	RM95.41 juta	RM96.61 juta

**Jadual 5: Promosi Khas Cukai Pintu dan Cabutan Bertuah bagi bil penggal kedua dari tahun 2019 hingga 2021**

PERKARA	PROMOSI 2019	PROMOSI 2020	PROMOSI 2021
Bilangan Transaksi	104,766	100,456	165,826
Jumlah Kutipan	RM56.99 juta	RM56.79 juta	RM96.61 juta

#### **PROMOSI BAYAR CUKAI & MENANG : CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2021**

Promosi Bayar Cukai & Menang : Cukai Taksiran Tahun 2021 bermula pada 1 Disember 2020 dan tamat pada 28 Februari 2020.

Bagi promosi cabutan bertuah tahun 2021, MBSP telah menyediakan sebanyak empat puluh (40) hadiah bagi pembayaran melalui kiosk, agensi atau secara dalam talian (*online*). Tiada hadiah disediakan untuk pembayaran dikaunter MBSP bagi promosi ini. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pembayaran cukai taksiran dibuat secara *online*.

Majlis Cabutan Pemenang Promosi Bayar Cukai & Menang : Cukai Taksiran Tahun 2021 telah diadakan pada 26 Mac 2021 di Dewan Kenanga Menara Bandaraya.



## JOM BAYAR CUKAI SECARA ONLINE - BIL PENGGAL KEDUA 2021

Promosi Jom Bayar Cukai Secara *Online* - Bil Penggal Kedua 2021 bermula pada 1 Julai 2021 dan tamat pada 31 Ogos 2021. Promosi ini diadakan sebagai insentif dan galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran yang telah disediakan secara dalam talian (*online*) atau melalui agensi yang dilantik melalui kiosk.

Lima hadiah cabutan bertuah yang lumayan dalam bentuk wang tunai telah disediakan bagi Promosi Jom Bayar Cukai Secara *Online* - Bil Penggal Kedua 2021. Majlis Cabutan Pemenang telah diadakan pada 5 Oktober 2021 bertempat di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP.

## SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MBSP 2022 SECARA VIRTUAL

Pada tahun 2021, MBSP tidak dapat mengadakan sesi *town hall* secara fizikal disebabkan pandemik Covid-19. Dengan itu, MBSP telah mengadakan sesi *town hall* secara virtual bersama rakyat Seberang Perai bagi memudahkan rakyat Seberang Perai dan *stakeholders* turut serta dalam penyediaan Bajet Tahun 2022. Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MBSP 2022 diadakan secara virtual pada 18 Jun 2021 di Facebook MBSP dan dirasmikan oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh.



## SESI “TOWN HALL” PELANCARAN SOAL SELIDIK BAJET 2022

Setiap tahun, MBSP menjalankan soal selidik bajet bagi melibatkan komuniti dalam perancangan bajet tahunan. Soal selidik ini disediakan berdasarkan Pelan Strategik Tahun 2019 hingga 2022 yang telah dilancarkan pada 2 Januari 2018 yang lalu dan responden perlu memberi pandangan keutamaan yang perlu diberi untuk bajet tahun 2022.

Bajet Tahun 2022 akan dirangka berasaskan keutamaan @ *priority based budgeting* bagi mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber sedia ada serta perkhidmatan dapat disampaikan secara inovatif dengan kos yang minimum. Di samping itu, proses merangka Bajet 2022 juga akan menggunakan methodologi Bajet *Responsif Gender* dan partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB). Ini bagi memastikan pengagihan dan penyediaan peruntukan kewangan akan memberi impak yang menepati kehendak kumpulan gender yang berbeza.

Soal selidik bajet 2022 disediakan secara *online* di laman web MBSP iaitu [www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my) mulai 26 Februari hingga 25 Mac 2021. Soal selidik ini juga disediakan di saluran-saluran lain bagi memudahkan capaian penduduk Seberang Perai iaitu seperti berikut :-

- i. Telegram : t.me/mbsppg;
- ii. Facebook Majlis Bandaraya Seberang Perai;
- iii. Instagram @majlisbandarayaseberangperai;
- iv. Penang Smart Parking apss (PSP);
- v. Twitter @mbsp\_pg;
- vi. Facebook Buletin Mutiara;
- vii. Facebook Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
- viii. Facebook dan Instagram Penang Smart Parking;
- ix. Facebook dan Instagram GRPB Penang dan akan dipanjangkan ke group-group whatsapp.




# PENTILAIAN & PENGURUSAN PERHARTA



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penilaian untuk maksud cukai taksiran di Seluruh Seberang Perai bagi memperkasakan keupayaan kewangan MBSP dan seterusnya membolehkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada warga Seberang Perai dan pelabur. Selain itu, jabatan ini juga menguruskan harta-harta komersial milik MBSP dan bertindak menjana hasil-hasil melalui kutipan sewa, penjualan harta-harta tak alih dan meneroka sumber-sumber hasil baru.

## Fungsi –Fungsi Jabatan

Membuat penilaian bagi menentukan Nilai Tahunan ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh Seberang Perai.

Membuat kerja-kerja penilaian semula ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh Seberang Perai setiap lima (5) tahun sekali.

Melaksanakan kerja-kerja penilaian bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar dibuat ke atas pegangan-pegangan yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.

Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

- a. Memproses permohonan penukaran nama pembayar cukai
- b. Mengemaskini senarai nilai dan rekod maklumat harta berkadar

### PENILAIAN BAGI MAKSDU KADARAN

#### HASIL BANGUNAN

##### i. Taksiran Baru

Pada tahun 2021 sebanyak 11,005 bangunan baru telah ditaksir dengan nilai cukai tahunan ialah RM 76,533,088.14 dan cukai sebanyak RM6,547,576.26.

##### ii. Taksiran Semula (Pindaan dan Tambahan)

Taksiran semula harta di seluruh Seberang Perai pada tahun 2021 adalah sebanyak 723 bangunan yang telah ditaksir semula apabila terdapat pindaan dan tambahan ke atas bangunan sediada. Nilai Tahunan yang telah diterima adalah sebanyak RM8,657,345.59 dan cukai taksiran sebanyak RM918,256.43.



## HASIL TANAH

### i. Taksiran Baru

Pada tahun 2021 sebanyak 882 lot tanah kosong telah ditaksir dengan Nilai Tahunan RM69,515,966.07 dan cukai sebanyak RM2,154,994.94 di seluruh Seberang Perai.

Pada tahun 2021 sebanyak 124 lot tanah kosong telah ditaksir semula dengan Nilai Tahunan RM3,221,599.87 dan cukai sebanyak RM100,265.55.



## RAYUAN CUKAI TAKSIRAN 2021

Berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 171 (1976), Seksyen 142 telah memperuntukan bahawa pemilik bangunan boleh membuat bantahan ke atas Senarai Nilaian baru yang dikenakan. Berikut adalah bilangan bantahan yang diterima daripada pembayar cukai terhadap cadangan nilai tahunan pada tahun 2021 seperti di jadual 1.1

Daerah	Mesyuarat Rayuan Cukai	Bilangan Bantahan	
		Bangunan	Tanah
SP UTARA	5	661	64
SP TENGAH	10	686	33
SP SELATAN	10	877	11
Jumlah	25	2,224	108

Jadual 1.1: Mesyuarat Rayuan Cukai 2021



Gambar 1.1 Mesyuarat Rayuan Cukai di Seberang Perai

## SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga bertanggungjawab untuk menentukan caruman yang perlu dibayar bagi semua harta-harta kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri dan Badan-badan berkanun bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK).

AGENSI	BIL HARTA	SUMBANGAN YANG PERLU DIBAYAR (RM)
KERAJAAN PERSEKUTUAN	3,742	3,061,262.24
KERAJAAN NEGERI	497	193,327.77
KEMENTERIAN PERTAHANAN	898	1,039,742.04
<b>BADAN BERKANUN</b>		
FAMA	9	44,591.54
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA	1	7,802.15
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG	35	31,221.00
MARDI	1	571.47
JABATAN BEKALAN AIR P. PINANG	1	140,708.70
PERDA	19	3,422.73
NAFAS	1	55,235.25
RISDA	3	4,501.25
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI	1	53,764.11
SPPP	7	4,439,508
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)	262	171,473.65
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	46	33,823.92
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	9	12,073.68
<b>Jumlah</b>	<b>5,532</b>	<b>9,293,029.50</b>

Jadual 1.2: Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bagi harta yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.




## TUKAR NAMA PEMILIK

Tukar Nama Pemilik Harta Berkadar telah diperuntukan dibawah Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penukaran nama kepada pemilik harta yang baru perlu dibuat untuk membolehkan bil cukai taksiran disampaikan kepada pihak yang sebenarnya memiliki harta tersebut selain itu untuk tujuan penghantaran notis, carian dan sebagainya.

Graf 1.1 : Tukar Nama Pemilik yang memohon dan diluluskan mengikut daerah pada tahun 2021.

Tukar Nama Pemilik diproses untuk permohonan yang melibatkan bangunan dan tanah bagi seluruh Seberang Perai. Kelulusan permohonan bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada pemohon. Kegagalan memenuhi syarat menyebabkan permohonan tidak dapat diluluskan dan perlu membuat permohonan semula.

Graf 1.1 : Menunjukkan bilangan permohonan tukar nama yang lulus mengikut daerah pada tahun 2021



### HARTA MAJLIS

Skop Kerja Bahagian Pengurusan Harta Majlis meliputi pengurusan harta-harta komersil milik MBSP dan Pengurusan Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar Seberang Perai Tengah (SPT).



Gambar 1.2: Bangunan milik Majlis disewakan di Jalan Mohd Saad, Butterworth, SPU

### HASIL HARTA MAJLIS

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta melalui unit Pengurusan Harta bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara Harta Majlis termasuk Perumahan Pangsa PPR Ampang Jajar. Sewaan harta-harta Majlis melibatkan sewaan bangunan dan tanah serta pondok bas-pondok bas di Seberang Perai. Terdapat juga unit-unit apartment milik Majlis yang berada di Damansara dan Casa Subang, Selangor dan kini sedang disewakan.



Gambar 1.3: Sewaan Tanah Milik Mbsp di atas Lot 4275, 4239 dan 4247, Mukim 7, di Kawasan Industri Bukit Panchor, Sps Oleh Encik Kamalanathan A/L Thurasamy Bagi Tujuan Aktiviti Pertanian.



Gambar 1.4: Menyewa Bangunan Kompleks Penjaja 1 Tingkat Milik MBSP di atas Lot 14535, Mukim 15, Pusat Perniagaan Alma, SPT

#### PENGURUSAN PUSAT KITAR SEMULA ATAU PUSAT KOMPOS

MBSP memberikan hak pengurusan ke atas depo sampah dan bekas tapak tangki najis untuk tujuan pusat kitar semula dan pusat kompos kepada pihak yang berminat untuk membangunkan pusat kitar semula atau kompos. Semua permohonan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berikut adalah senarai tapak depo sampah dan tapak penjaja yang sedang diuruskan.

Jadual 1.3: Senarai Depo Sampah dan Tapak Penjaja serta Tempat Letak Kereta MBSP yang telah diuruskan setakat 2021.

SENARAI TELAH DISEWAKAN							
Bil	No. Lot	Mukim	Daerah	Nama Taman/Lokasi	Keluasan Tanah (kp)	Jenis Tapak	Cukai Tanah (RM)
1.	PT1638	6	SPT	TAMAN PAUH DAMAI	3,405.5	Depo Sampah	70
2.	6023	15	SPS	BANDAR TASEK MUTIARA	4,133	Depo Sampah	85
3.	14737	14	SPT	TAMAN PERWIRA INDAH	7,330	Tapak Penjaja	736
4.	14738	14	SPT	TAMAN PERWIRA INDAH	4,510	Tempat Letak Kereta	453
5.	20024	15	SPT	TAMAN SEJAHTERA ALMA	2,906	Depo Sampah	60
6.	1697	3	SPT	TAMAN ARA INDAH	1,645	Depo Sampah	40
7.	3478	14	SPU	TAMAN PANDAN INDAH	5,381	Tapak Penjaja	540
8.	5173	5	SPU	TAMAN PERMATANG SINTOK	3,864	Depo Sampah	79
9.	13195	15	SPT	TAMAN SERIMAJU	452.10	Depo Sampah	40
10.	PT3143	15	SPT	TAMAN AMAN JAYA	1012	Depo Sampah	40
11.	6917	14	SPS	TAMAN IDAMAN	4359.38	Depo Sampah	90
12.	5083	14	SPU	TAMAN MESRA PERMAI	883	Depo Sampah	40
13.	3564	6	SPT	TAMAN PAUH	2164	Depo Sampah	500

Gambar 1.5 Pengurusan Depo Sampah Milik MPSP Di Atas Lot 6917, Mukim 14, Lorong Idaman 2/4, Taman Idaman, Seberang Perai Selatan Oleh Mpkk Taman Merak Simpang Ampat Bagi Tujuan Pengumpulan Barang Kitar Semula



## PENGURUSAN RUMAH PANGSA PPR, AMPANGAN JAJAR, SPT

### Latar Belakang


Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan merupakan projek perumahan yang dilaksanakan bagi tujuan membantu golongan yang berpendapatan rendah dengan jumlah isirumah kadar antara RM750.00 hingga RM1,500.00 sebulan.

Pangsa PPR Ampangan dibina di atas tanah MBSP iaitu di atas sebahagian Lot 972, Bandar Perai dan Lot 1346, Mukim 2, Seberang Perai Tengah. Ia mula beroperasi dan dibuka untuk sewaan pada 1 Jun 2006. Ia mempunyai 10 tingkat yang terdiri daripada 250 unit kediaman, 2 buah kiosk perniagaan, sebuah bilik pengurusan, sebuah dewan orang ramai dan sebuah surau.




### Pengurusan dan Penyelenggaraan

MBSP telah melantik Tetuan Mutiara Properties sebagai ejen pengurusan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara bangunan PPR ini. Skop kerja ejen pengurusan tersebut adalah untuk menguruskan pentadbiran bangunan, menguruskan kutipan sewa, penyelenggaraan lif, pemberian/handyman, penyelenggaraan elektrik/chargeman, kawalan serangga, kawalan keselamatan, pencegah kebakaran dan pemberian kerosakan kecil. Manakala bagi kerja-kerja pembersihan dan lanskap adalah dilaksanakan oleh Persatuan Penduduk PPR Ampangan. Perincian kontrak bagi kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR ini adalah seperti rajah di bawah.



Graf 1.2: Peratusan Penyewa Rumah Pangsa PPR Tahun 2021



Rajah 1.1: Perincian Kontrak Pengurusan dan Penyelenggaraan Pangsa PPR Ampangan, SPT

#### Kerja Pembersihan dan Lanskap

Kerja pembersihan merupakan sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh pihak pengurusan Tetuan Mutiara Properties di Pangsa PPR, Ampangan, SPT. Jadual 1 di bawah menunjukkan jadual kerja-kerja pembersihan untuk keseluruhan Pangsa PPR Ampangan, SPT.

KEKERAPAN	HARIAN					MINGGUAN					BULANAN		
	KAWASAN AKTIVITI	TINGKAT BAWAH	TEMPAT LETAK KERETA	TANGGA & KORIDOR (SETIAP TINGKAT)	AIR WELL	LIF	PUSAT PUNGUT-AN SAMPAH	BILIK SUIS UTAMA	BILIK PAM	BILIK GEN SET	SILING TINGKAT BAWAH & TINGKAT 9	DEWAN	KORIDOR (SETIAP TINGKAT)
SAPU	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	-
CUCI	LONGKANG	LONGKANG	-	LANTAI	SILING	TONG (AIR + BAHAN KIMIA)	-	-	-	-	SILING	SILING	SILING
LAP	PETI SURAT	-	RAILINGS	-	-	-	PERALATAN (DENGAN PENGAWAS-AN PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWAS-AN PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWAS-AN PENYELIA)	-	-	-	
MASA	8 - 9 PG (4 - 5 PTG flexi)	9 - 10.30 PG	10.30 PG - 1.00 PTG	2 - 3.30 PTG	3.30 - 4 PTG	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	MINGGU PERTAMA	

Jadual 1.4: Jadual Kerja-kerja Pembersihan Pangsa PPR Ampangan, SPT yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk

AKTIVITI	KEKERAPAN	HARIAN	MINGGUAN (2 MINGGU SEKALI)	BULANAN
	SAPU	SIRAM	MEMANGKAS POKOK (TRIMMING)	MEMBAJA
POKOK-POKOK DAN KAWASAN PADANG		POTONG RUMPUT		MENYEMBUR RACUN SERANGGA
MASA	8-10PG	RABU		MINGGU PERTAMA

Jadual 1.5: Jadual penyelenggaraan Lanskap di Pangsa PPR Ampangan, SPT.

Penyelenggaraan lanskap juga dijalankan dengan berpandukan jadual yang telah disediakan oleh pihak pengurusan. Antara kerja penyelenggaraan lanskap dijalankan ialah seperti berikut:-

- a. Menyiram pokok dan rumput padang.
- b. Membuang tumbuhan mimosa, cendawan dan kulat
- c. Menyembur racun serangga dan racun kulat.



Gambar 1.6 Kerja Pembersihan dan Kawalan Keselamatan



Gambar 1.7 Kerja Pembaikan kecil dan penyelenggaraan lif

### PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta turut mengambil bahagian dalam menjayakan Program 5s. Program ini telah melibatkan semua pegawai dan kakitangan jabatan dalam semua peringkat jawatan dan unit. Penglibatan semua pegawai dan kakitangan dibentuk dan digerakkan secara kumpulan. Terdapat ketua bagi setiap zon “work station” yang bertanggungjawab bagi setiap kawasan guna sama untuk memastikan keseluruhan ruang kerja dalam keadaan baik dan selesa untuk bekerja.

Setiap pegawai dan kakitangan diterapkan dengan amalan 5s iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal. Diperingkat jabatan MBSP, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dinamakan sebagai Zon Orkid. Amalan berterusan pegawai dan kakitangan dalam mematuhi peraturan-peraturan penjagaan kebersihan yang baik dengan sendirinya ini telah membawa hasil apabila Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah dinobatkan sebagai pemenang Hadiah tempat Kedua bagi Zon 5s – Zon Orkid pada 4 Oktober 2021.



Gambar 1.8: Hadiah Zon 5s – Zon Orkid – Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

### PENUTUP

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan Majlis. Jabatan ini sentiasa komited untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan ke arah mencapai visi dan misi MBSP berlandaskan hasrat MBSP Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.

# PERANCANG BANDAR



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN PERANCANG BANDAR



## **1.0 PENGENALAN**

Jabatan ini memainkan peranan penting di dalam mengawal pembangunan melalui penguatkuasaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta 172 termasuk Pindaan 1995 (Akta A993), 2001 (Akta A1129) dan 2007 (Akta A1313) bagi memastikan corak pembangunan adalah bersesuaian dan selaras dengan corak pembangunan yang telah ditetapkan di samping menghalang pembangunan yang bertentangan dengan perancangan di sesuatu kawasan tersebut.



## **2.0 VISI JABATAN**

Mewujudkan pembangunan yang seimbang dan berdaya maju melalui perancangan yang komprehensif

## **3.0 MISI JABATAN**

Memastikan perancangan yang seimbang melalui pembangunan mampan, mesra alam, beridentiti dan menarik selaras dengan kehendak Akta.

## **4.0 FUNGSI JABATAN**

Fungsi Jabatan Perancang Bandar adalah seperti berikut :

- i. Merancang dan mengawal pembangunan di Seluruh Seberang Perai selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang dan Rancangan Tempatan Daerah SPU, SPT dan SPS.
- ii. Menjalankan penguatkuasaan berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- iii. Mengurus penyediaan Rancangan Pemajuan.
- iv. Memberi nasihat berkaitan bidang perancangan kepada orang awam dan agensi-agensi yang berkaitan.

## **5.0 ORGANISASI JABATAN**

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 3 bahagian dan 1 unit iaitu seperti berikut :

- Bahagian Kawalan Pembangunan
- Bahagian Penyelidikan, Pembangunan, Penguatkuasaan & Pelesenan
- Bahagian Rancangan Pemajuan
- Unit Pentadbiran

## 5.1 BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN

Bahagian Kawalan Pembangunan di jabatan merupakan perkhidmatan teras jabatan dan dibahagikan mengikut daerah di Seberang Perai iaitu Bahagian Kawalan Pembangunan Daerah SPU, SPT dan SPS. Setiap daerah diketuai oleh seorang Penolong Pengarah dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Kanan Perancang Bandar. Fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah seperti berikut:

- Memproses permohonan kebenaran merancang untuk skim perumahan, perniagaan, industri, institusi dan lain-lain jenis pembangunan
- Memproses permohonan pelan pecahan sempadan, cantuman, penyerahan dan pemberian milik semula tanah
- Memproses permohonan penamaan taman, jalan dan bangunan
- Memberi ulasan teknikal terhadap pelan bangunan, kerja tanah, ubah syarat tanah, sijil layak menduduki, permohonan lesen tumpangan sementara (TOL), penggunaan tanah kerajaan, pemberian milik tanah, pengambilan balik tanah, Perlindungan Semula dan lain-lain yang berkaitan

Beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan di jabatan dalam memproses Permohonan Kebaran Merancang iaitu:

- Mengeluarkan C1 serta merta bagi Kebenaran Merancang Bangunan Industri Sesebuah, Bangunan Industri Sesebuah atau Berkembar Dalam Kawasan Industri, pusat Mencuci Kereta Manual, Hotel Bajet dan Kompleks sukan.
- Mengeluarkan C1 dalam tempoh 60 hari dari tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC
- Memproses PKM dalam tempoh 71 hari seperimana yang ditetapkan oleh OSC 3.0 plus.

### Aktiviti yang telah dijalankan :-

- Dari tempoh Januari hingga Disember 2021 sebanyak 141 Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) diterima jabatan, di mana sebanyak 118 (83.69%) permohonan telah diselesaikan dalam tempoh piagam yang ditetapkan. Manakala baki 23 (16.31%) masih dalam proses dan dalam tempoh piagam.
- Secara perbandingan permohonan yang diterima bagi tempoh tersebut pada tahun 2021 berkurang sebanyak 11 permohonan berbanding tahun 2020 disebabkan pandemik covid 19.
- Bagi pengeluaran C1 serta merta bagi Kebenaran Merancang Bangunan Industri Sesebuah, Bangunan Industri Sesebuah atau Berkembar Dalam Kawasan Industri, pusat Mencuci Kereta Manual, Hotel Bajet dan Kompleks sukan yang bermula pada tahun 2018 sebanyak 28 C1 segera telah dikeluarkan sehingga Disember 2021.



Penyerahan C1 segera pertama yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) pada 14 April 2018.



Penyerahan C1 segera yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) pada 13 Februari 2019.



Penyerahan C1 segera yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) pada 17 Disember 2020.

## 5.2 BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN

Selain dari mengawal pembangunan bagi memastikan ianya terancang, Jabatan Perancang Bandar juga memainkan peranan untuk menguatkuasakan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) melalui Bahagian Pelesenan dan Penguatakuasaan. Diantara fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah :

- Memberi ulasan terhadap permohonan lesen - lesen perniagaan am dan industri di seluruh Seberang Perai.
- Memberikan ulasan terhadap lesen pengilang kepada pihak MIDA / MITI.
- Menjalankan lawatan tapak untuk menyiasat dan mengenalpasti aktiviti-aktiviti pembangunan yang dijalankan tanpa kebenaran atau menyalahi syarat-syarat kelulusan yang diberikan di seluruh Seberang Perai.
- Menjalankan siasatan dan mengambil tindakan susulan kepada aduan – aduan yang diterima di seluruh Seberang Perai.
- Melaksanakan penguatakuasaan terhadap perubahan matan terhadap bangunan dan tanah tanpa kebenaran atau premis-premis yang menyalah guna kegunaan bangunan (*Change of use*) dan menyediakan laporan dan kertas pendakwaan terhadap tertuduh kepada jabatan undang-undang.
- Memberikan ulasan terhadap permohonan pembinaan papan tanda kepada jabatan kejuruteraan.

- Menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan maklumat RIBI kepada Jawatankuasa Mesyuarat RIBI negeri Pulau Pinang.
- Menyelaras dan mewakili jabatan dalam Jendela Pelanggan yang diadakan setiap bulan.

Bahagian R & D jabatan bertanggungjawab untuk menggubal dan menyediakan garis panduan perancangan dan dasar-dasar perancangan khususnya bagi tukar guna kediaman kepada perniagaan. Antara fungsi dan tanggungjawab Bahagian R & D adalah:

- Menyediakan & mengemaskini garispanduan perancangan & dasar-dasar perancangan.
- Menjalankan kajian berkaitan keperluan perancangan dari semasa ke semasa seperti tukarguna kediaman kepada perniagaan bagi sesuatu kawasan.
- Menyediakan pelan dan maklumat yang berkaitan bagi pembangunan atau menaik taraf harta majlis seperti cadangan pasar awam dan sebagainya.
- Menyediakan draf Kertas Mesyuarat MMK dan Exco berkaitan dengan garis panduan perancangan.

Diantara garis panduan yang telah diluluskan pada tahun 2021 adalah :

- Garis Panduan Perancangan Rumah Burung Walit di MBSP
- Garis Panduan Penginapan Pekerja Di Seberang Perai
  - i. Garis Panduan Perancangan Tukarguna Bangunan Industri Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.
  - ii. Garis Panduan Bangunan Perniagaan Sedia Ada Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- Garis Panduan Pembangunan Akuakultur Di Kawasan MBSP

### **5.3 BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN**

Bahagian Rancangan Pemajuan distrukturkan di bawah Jabatan Perancangan Bandar bagi melaksanakan tugas berdasarkan kepada Bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172. Perincian bidang tugas bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030.
2. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan kajian –kajian perancangan agar selari dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan seperti kajian oleh Unit Butterworth Baru, Bukit Mertajam, Garispanduan Perancangan dan sebagainya.
3. Merancang, membangunkan dan memantau Sistem GIS iaitu SPGIS, e-OSC, dan sebagainya termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian data serta maklumat ke dalam sistem GIS dan yang berkaitan dengannya.
4. Menyedia dan menyelaras dalam membekalkan maklumat serta maklumbalas kajian-kajian perancangan bandar di peringkat negeri dan persekutuan iaitu Pelaporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri, Pelaporan Pemantauan Dasar Perbandaran Negara, Kajian Profil Bandar dan Profil Kampung dan lain-lain.
5. Memberi khidmat nasihat dan membekalkan maklumat perancangan dan pembangunan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar, orang awam, para perunding dan sebagainya.
6. Memberi pelaporan berkenaan Sistem Pengukuran dan Penilaian Kemampuan Bandar-bandar di Malaysia – MURNInet secara online melalui laman web PLANMalaysia.

- Menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan maklumat RIBI kepada Jawatankuasa Mesyuarat RIBI negeri Pulau Pinang.
- Menyelaras dan mewakili jabatan dalam Jendela Pelanggan yang diadakan setiap bulan.

Bahagian R & D jabatan bertanggungjawab untuk menggubal dan menyediakan garis panduan perancangan dan dasar-dasar perancangan khususnya bagi tukar guna kediaman kepada perniagaan. Antara fungsi dan tanggungjawab Bahagian R & D adalah:

- Menyediakan & mengemaskini garispanduan perancangan & dasar-dasar perancangan.
- Menjalankan kajian berkaitan keperluan perancangan dari semasa ke semasa seperti tukarguna kediaman kepada perniagaan bagi sesuatu kawasan.
- Menyediakan pelan dan maklumat yang berkaitan bagi pembangunan atau menaik taraf harta majlis seperti cadangan pasar awam dan sebagainya.
- Menyediakan draf Kertas Mesyuarat MMK dan Exco berkaitan dengan garis panduan perancangan.

Diantara garis panduan yang telah diluluskan pada tahun 2021 adalah :

- Garis Panduan Perancangan Rumah Burung Walit di MBSP
- Garis Panduan Penginapan Pekerja Di Seberang Perai
  - i. Garis Panduan Perancangan Tukarguna Bangunan Industri Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.
  - ii. Garis Panduan Bangunan Perniagaan Sedia Ada Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- Garis Panduan Pembangunan Akuakultur Di Kawasan MBSP

### **5.3 BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN**

Bahagian Rancangan Pemajuan distrukturkan di bawah Jabatan Perancangan Bandar bagi melaksanakan tugas berdasarkan kepada Bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172. Perincian bidang tugas bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030.
2. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan kajian –kajian perancangan agar selari dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan seperti kajian oleh Unit Butterworth Baru, Bukit Mertajam, Garispanduan Perancangan dan sebagainya.
3. Merancang, membangunkan dan memantau Sistem GIS iaitu SPGIS, e-OSC, dan sebagainya termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian data serta maklumat ke dalam sistem GIS dan yang berkaitan dengannya.
4. Menyedia dan menyelaras dalam membekalkan maklumat serta maklumbalas kajian-kajian perancangan bandar di peringkat negeri dan persekutuan iaitu Pelaporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri, Pelaporan Pemantauan Dasar Perbandaran Negara, Kajian Profil Bandar dan Profil Kampung dan lain-lain.
5. Memberi khidmat nasihat dan membekalkan maklumat perancangan dan pembangunan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar, orang awam, para perunding dan sebagainya.
6. Memberi pelaporan berkenaan Sistem Pengukuran dan Penilaian Kemampunan Bandar-bandar di Malaysia – MURNInet secara online melalui laman web PLANMalaysia.

7. Menyelaras semua dasar-dasar kerajaan yang melibatkan rancangan-rancangan pemajuan, garispanduan perancangan, piawaian perancangan, undang-undang dan sebagainya yang melibatkan perancangan bandar yang telah dibentangkan kepada ahli majlis dimasukkan ke dalam sistem e Dasar MPSP.
8. Membangunkan Sistem Maklumat Geografi yang boleh dicapai secara '*online*' melalui laman web <http://spgis.mbsp.gov.my>. Melalui sistem GIS ini, terdapat beberapa pecahan sistem GIS yang telah dibangunkan iaitu *GIS Map browser*, Draf RT Seberang Perai 2030 serta boleh membuat fungsi carian lot, pengezonan dan sebagainya.
9. Bahagian ini juga telah merancang satu pengkalan data Spatial (*basemap*) yang boleh dihubungkan dengan sistem pengkalan data daripada jabatan-jabatan lain. Projek ini masih diperingkat pembangunan data.
10. Memaparkan maklumat gunatanah secara grafik menggunakan konsep '*layer*' dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.
11. Membangunkan satu perkongsian data dikalangan kakitangan jabatan. Ini menjimatkan kos pemasangan dan penyokong perkakasan sesebuah perisian.
12. Menyediakan ulasan teknikal terhadap permohonan perlindungan semula yang diterima daripada PLANMalaysia Negeri Pulau Pinang dan juga memberi ulasan berkenaan surat-surat daripada Pejabat Daerah dan Tanah bagi ketiga-tiga daerah.
13. Memastikan pelanggan mendapat layanan yang terbaik semasa berurusan bagi mendapatkan maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan perancangan bandar dan zoning pembangunan. Memandangkan situasi pada tahun 2021 yang berada pada fasa pandemic, perkhidmatan diberi secara atas talian (*online*). Pada sepanjang tahun 2021 sebanyak 4592 pelanggan telah menggunakan perkhidmatan ini.
14. Mencetak pelan menggunakan sistem GIS MPSP dan mengeluarkan dokumen pengesahan zoning kepada pelanggan berdasarkan kepada RSNPP yang diwartakan. Pada tahun 2021 sebanyak 1429 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU = 372, SPT = 591 dan SPS = 466
15. Jualan pelan kepada pihak awam, swasta, pelajar dan lain-lain lagi merupakan antara perkhidmatan yang disediakan dan pada tahun 2021. Catatan jualan pelan yang dijual berjumlah RM 740 dengan bilangan jualan sebanyak 38 keping.
16. Memproses data dan maklumat pelan kebenaran merancang dan mendigit semula ke dalam sistem GIS kerana pelan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak perunding tidak mengikut '*base plan*' berkoordinat cassini Penang daripada JUPEM. Sebanyak 92 buah skim telah didigit dan 43 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan telah didigit ke dalam pangkalan data GIS.

**LAPORAN STATUS PROJEK KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2030  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

KAJIAN	LUAS	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MBSP	EPU	JUMLAH		
RTSP 2030	74,270	4 Sept 2017	31 Mei 2022	Laporan Akhir	RM662,566.66			Perunding Arkitek Jururancang (Malaysia) Sdn.Bhd	Dalam proses semakan borang Maklumbalas dan Sesi Pendengaran Siasatan dan Pendengaran Awam.
<b>JUMLAH</b>	<b>74,270</b>				<b>RM662,566.66</b>		<b>RM662,566.66</b>		

**JENIS PERKHIDMATAN DI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN**

JENIS PERKHIDMATAN	TUGAS	HASIL KERJA TAHUN 2020
Sistem Mesyuarat e-OSC	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memasukkan maklumat pelan dan kertas kerja ke sistem Mesyuarat e-OSC.</li> <li>- Memastikan sistem boleh dicapai secara '<i>online</i>' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan kelulusan pelan kebenaran merancang sentiasa dikemaskini.</li> </ul>	<p>147 Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan telah dikemaskini. Maklumat kelulusan perancangan semasa yang dikemaskini boleh dicapai melalui laman web <a href="http://spgis.mpsp.gov.my/osc">http://spgis.mpsp.gov.my/osc</a></p>
Sistem SPGIS	Memastikan sistem boleh dicapai secara ' <i>online</i> ' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan perancangan sentiasa dikemaskini.	<p>Maklumat perancangan semasa dikemaskini dan sistem boleh dicapai melalui laman web <a href="http://spgis.mpsp.gov.my">http://spgis.mpsp.gov.my</a></p> <p>Maklumat yang telah dimuatnaik ke dalam sistem ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peta Cadangan RTSP 2030</li> <li>- Kawasan Pembersihan MPSP mengikut Parlimen</li> <li>- Maklumat Infrastruktur Kemudahan Awam</li> </ul>
Sistem SPGIS	Membuat carian lot dan zoning melalui sistem GIS dan mengeluarkan surat pengesahan pada masa yang sama.	Sebanyak 1429 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU-372, SPT-591 dan SPS-466.
Cetakan pelan dan data perancangan untuk jualan dan kegunaan jabatan dalaman MPSP	Mencetak pelan mengikut keperluan pemohon seperti yang terkandung di dalam borang cetakan yang disediakan	Sebanyak 38 permohonan pelan daripada pihak swasta dan jabatan dalaman MBSP telah dicetak dengan kutipan jualan sebanyak RM 740.
Kemasukan data PKM ke aplikasi GIS bagi proses pengemaskinian	Semua pelan kebenaran merancang dan penamaan skim nama taman, jalan dan sempadan taman yang telah diluluskan didigit menggunakan aplikasi GIS.	Sebanyak 92 skim pembangunan telah didigit dan 43 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan ke dalam pangkalan data GIS.

#### **5.4 BAHAGIAN PENTADBIRAN**

Fungsi Unit Pentadbiran di Jabatan Perancang Bandar ialah :


- Penyediaan peruntukan dan belanjawan Jabatan
- Pengurusan Aset
- Penyelarasan maklumbalas kepada jabatan dalaman dan luaran
- Penyelarasan dan penyediaan laporan tahunan jabatan
- Penyelarasan dokumen terperingkat jabatan
- Penyeliaan disiplin, tata tertib dan tugas kakitangan
- Penyeliaan fail-fail pentadbiran jabatan
- Kemaskini Sistem I-Direktori
- Mengurus Perkara Berkaitan Pentadbiran Jabatan
- Menyelaras Semua Mesyuarat Dalaman dan Luaran MPSP
- Mengurus Panjar Wang Runcit
- Menyelaras dan Memantau Tugas-Tugas Pembantu Tadbir, Pekerja Rendah Awam dan Pemandu
- Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan
- Menjaga Rekod Cuti
- Menyediakan Elaun Tanggung Kerja
- Penyeliaan Fail-Fail Pentadbiran Jabatan
- Memantau Pembersihan Jabatan
- Mengendalikan Stok Alat Tulis - Pegawai Stor Jabatan
- Menyediakan Dokumen-Dokumen Untuk Mesyuarat Bantahan
- Menyediakan Penyata / Pendahuluan Diri *Touch N Go* Bagi Pemandu-Pemandu
- Membuat Ringkasan / Keratan Minit-Minit Jawatankuasa Perancang Negeri
- Mengendalikan Sistem Perolehan Jabatan - Penyediaan Segala Urusan Pembayaran Dan Pembelian

# BANGUNAN



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN BANGUNAN



Struktur organisasi jabatan terdiri daripada 3 bahagian utama bagi menjalankan tanggungjawab dan peranan dalam melaksanakan kawalan pembangunan di kawasan Seberang Perai. Jabatan Bangunan di terajui oleh seorang Pengarah dan dua (2) orang Penolong Pengarah Kanan dengan 66 orang pegawai sokongan dan di pecahkan kepada tiga (3) bahagian iaitu :-

- Bahagian Kawalan Bangunan
- Bahagian Pembangunan, Data dan Kualiti
- Bahagian Pentadbiran

Agihan perjawatanan di Jabatan Bangunan sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pengarah Bangunan	J52	1
2	Penolong Pengarah Kanan	J44	2
3	Ketua Penolong Pegawai Senibina Kanan	J38	2
4	Penolong Pegawai Senibina Kanan	J36	3
5	Penolong Pegawai Senibina	J29	39
6	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
7	Pelukis Pelan Kanan	J22 (KUP)	1
8	Pembantu Tadbir Kanan	N22	1
9	Pembantu Tadbir Kanan	N22 (KUP)	8
10	Pembantu Tadbir	N19	8
11	Penghantar Notis	N11	1
12	Pembantu Operasi	N11	1
13	Pemandu	N11	1
<b>Jumlah</b>			<b>69</b>

## 1.0 PENGENALAN

Jabatan Bangunan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan fungsi kawalan bangunan bagi seluruh kawasan Seberang Perai di bawah akta yang diperuntukkan seperti Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang – Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 serta pindaeaan-pindaan yang berkuatkuasa dan garis panduan-garis panduan dalam MBSP yang telah diluluskan.

Visi Jabatan Bangunan adalah untuk memastikan pemajuan dan kawalan pembangunan di kawasan Seberang Perai adalah teratur, terancang, inkulsif, hijau serta pintar dan Misi Jabatan adalah Memberi Perkhidmatan Kawalan Pembangunan Yang Efisien dan Berkualiti.



Kawalan Pembangunan merangkumi aspek kelulusan, pemantauan pembinaan dan penguatkuasaan sebelum, semasa dan selepas bangunan siap dibina. Antara lain proses kawalan melibatkan pengeluaran kelulusan pelan bangunan, kebenaran mendirikan bangunan, permit kerja pengubahsuaian, permit bangunan sementara, permit struktur pemancar TELCO, permit kerja perobohan bangunan, permit kerja lebih masa, pemantauan tapak bina dari peringkat kerja pembinaan dimulakan sehingga Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP.

Manakala program bagi memantapkan pendidikan kawalan bangunan, projek-projek Majlis, aksesibiliti rekabentuk sejagat dan lain-lain yang berkaitan adalah dijalankan dari masa ke semasa.

## **1.1 FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN**

- Merancang dan mengurus segala perkara berkaitan kakitangan Jabatan Bangunan
- Mengurus hal ehwal pentadbiran Jabatan Bangunan
- Mengurus hal ehwal tata tertib kakitangan
- Mengurus jadual pergerakan, dan penyenggaraan kenderaan Jabatan Bangunan
- Mengurus segala maklum balas, pertanyaan, dan aduan berkaitan Jabatan Bangunan
- Menyelaras dan menyediakan kertas-kertas Mesyuarat Jawatankuasa OSC
- Mengurus dan memantau mesyuarat berkaitan jabatan
- Menyelaras maklumbalas mesyuarat yang berkaitan dengan jabatan
- Menguruskan pembelian, mengawal dan mengagihkan stok jabatan
- Mengurus dan menyelaras aset-aset jabatan
- Menguruskan wang runcit jabatan
- Menguruskan fail-fail jabatan termasuk pengurusan fail ke Arkib
- Menyelanggara cuti kakitangan
- Memantau kehadiran kakitangan
- Menguruskan tindakan tata tertib kakitangan jabatan
- Menguruskan surat mesyuarat luaran dan dalaman
- Penyediaan fail dan dokumen mesyuarat
- Urusan Surat Menyurat Jabatan
- Urusan Selanggaraan Fail

## **1.2 FUNGSI BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN**

- Memproses dan mempertimbangkan permohonan pelan-pelan bangunan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (UKBS 1986).
- Menerima dan merekod perakuan Perunding ke atas pelan-pelan Struktur Tetulang.
- Menerima dan merekod pelan-pelan Sanitari Dalaman.
- Mengeluarkan ulasan lesen.
- Mengeluarkan permit sementara bagi sesuatu tempoh terhad untuk binaan sementara (UUK 19 UKBS 1986).
- Kelulusan Permit Sementara Menara Pemancar (Telco) mengikut Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002 dan Prosedur dan Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang 2015.
- Memproses dan mengeluarkan kebenaran membaiki rumah (UUK 18 UKBS 1986)
- Memproses dan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki, menerima dan merekod Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) kepada bangunan yang telah didirikan mengikut pelan berlulus.



- Mengambil tindakan ke atas bangunan dalam keadaan bahaya
- Memantau, mengesan dan mengambil tindakan mengikut Akta ,Jalan, Parit & Bangunan 1974 bagi binaan tanpa kebenaran serta pindaan dan tambahan tanpa kebenaran di seluruh Seberang Perai.
- Bertindak sebagai penasihat Majlis di dalam perkara mengenai kawalan bangunan mengikut Akta 133, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan Polisi Majlis.

### 1.3 FUNGSI BAHAGIAN KEMAJUAN, DATA DAN KUALITI

- Menyelengara dan mngemaskini SOP, Garispanduan, Prosedur Jabatan serta memastikan pengunaannya telah diluluskan serta yang terkini
- Penyediaan kertas kerja, kertas mesyuarat, kertas dasar, kertas laporan, press kitt serta lain-lain berkaitan dengan garispanduan, kualiti, pembelian, sebutharga dan cetakan.
- Menyelengara dan memastikan penggunaan garis panduan oleh Jabatan Bangunan adalah yang terkini dan yang diluluskan.
- Menyelenggara serta penambahbaikan kepada sistem -sistem komputer di Jabatan.
- Mengumpul, menyimpan dan menyelenggara data-data dan maklumat mengenai kelulusan pelan-pelan bangunan, kelulusan permit, Sijil Kelayakan Menduduki / CCC, Bangunan tanpa kebenaran, pengeluaran kompaun, pengeluaran notis, kilang-kilang tanpa kebenaran, bangunan berkala, ribi, tukarguna serta menyediakan laporan berkala secara bulanan / tahunan.
- Memastikan semua sistem-sistem kualiti (QMS/EMS/EnMS/ISMS/OSHMS/ABMS) Jabatan Bangunan di gunapakai serta dikemaskini penggunaan prosedur serta borang - borang.
- Pemantauan kepada tindakan penguatkuasaan berkaitan RIBI, kilang tanpa kebenaran, tukarguna, kompaun.rekabentuk grafik, slaid serta lukisan teknikal untuk rekabentuk bangunan , slaid -sliad taklimat jabatan serta program - program jabatan.
- Memproses dan mengeluarkan keputusan terhadap permohonan permit kanopi melibatkan seluruh kawasan Seberang Perai serta permohonan balik wang cagaran bagi permohonan melalui Buku Panduan MBSP.



### 2.0 AKTIVITI DAN PENCAPAIAN PROSES UTAMA

Sebanyak **2136** kelulusan dari pelbagai kategori telah diluluskan dalam tahun 2021 berbanding **1620** kelulusan pada tahun 2020, peningkatan sebanyak 30 % dari tahun sebelumnya. Faktor pembukaan semula sektor ekonomi terutamanya sektor pembinaan daripada perintah kawalan pergerakan dan fasa pemulihan ekonomi menyumbangkan peningkatan kepada permohonan dan kelulusan pelan bangunan di Seberang Perai.



BIL	KATEGORI BANGUNAN	BIL. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN 2018	BIL. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN 2019	BIL. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN 2020	BIL. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN 2021
1	Rancangan Perumahan	530	567	153	454
2	3 unit dan kebawah	381	461	391	397
3	Pindaan & Tambahan	225	256	182	256
4	Pindaan Kecil (Permit)	120	332	368	555
5	Pindaan & Tambahan (Tranformasi)	621	598	495	457
6	3 unit & Kebawah (Transformasi)	2	0	1	1
7	Struktur Telekomunikasi	72	47	30	16
<b>JUMLAH</b>		<b>1951</b>	<b>2261</b>	<b>1620</b>	<b>2136</b>



Manakala dari jumlah kelulusan tersebut sebanyak **6087** unit rumah dari pelbagai jenis telah diluluskan. Jumlah pecahan jenis bangunan dan bilangan unit adalah seperti jadual di bawah ;-

BIL	JENIS BANGUNAN	SPU	SPT	SPS	JUMLAH UNIT
1	Rumah Kediaman	0	0	1	1
2	Rumah Teres	67	333	1381	1781
3	Rumah Pangsa/ Pangsapuri/ Kondo	354	1524	216	2094
4	Sesebuah/ Banglo	90	24	28	142
5	Rumah Berkembar	65	41	349	455
6	Kedai/ Pejabat	33	41	156	230
7	Rumah Klaster	0	0	72	72
8	Town House	0	0	92	92
9	Kilang	13	44	80	137
10	Lain-lain bangunan	60	34	306	400
11	Rumah Bandaran Kos Rendah	0	0	0	0
12	Pangsapuri Kos Rendah	0	330	0	330
13	Rumah Pangsa Kos Rendah	353	0	0	353
<b>JUMLAH KESELURUHAN UNIT MENGIKUT DAERAH</b>		<b>1035</b>	<b>2371</b>	<b>2681</b>	<b>6087</b>

Pada tahun 2021 Jabatan Bangunan berjaya untuk mendapatkan sebanyak **RM15,776,552.34** hasil daripada pelbagai perkhidmatan yang di tawarkan di bawah Jabatan Bangunan. Jumlah ini adalah melebihi sebanyak RM481,245.64 atau 3.05 peratus dari jumlah kutipan pada tahun 2020 iaitu **RM15,295,306.70**.

Jumlah kutipan dan perbezaan kutipan mengikut perkhidmatan adalah seperti jadual di bawah.

BIL	KATEGORI	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	BEZA 2020-2021 (RM)	PERATUSAN
1	Permit Peletakan Sisa Binaan	363,540.00	299,600.00	282,095.00	-17,505.00	-6.21
2	Permit Sisa Binaan	160,140.00	130,210.00	121,520.00	-8,690.00	-7.15
3	Permit Bangunan/ Struktur Sementara	3,759,981.60	4,586,721.79	1,824,041.89	-2,762,679.90	-151.46
4	Permit Kanopi	79,884.00	33,920.00	28,260.00	-5,660.00	-20.03
5	Bayaran Pelan Bangunan	6,439,561.38	5,240,590.31	6,521,524.84	1,280,934.53	19.64
6	Pelekat Kanopi	34,200.00	11,710.00	9,960.00	-1,750.00	-17.57
7	Pelekat Pemberitahuan	15,020.00	17,285.00	21,480.00	4,195.00	19.53
8	Pelekat Tanda Pembinaan	50,921.00	29,819.00	28,995.00	-824.00	-2.84
9	Buku Panduan	102,963.00	93,200.00	81,450.00	-11,750.00	-14.43
10	Jualan Pelan/ Dokumen	81,580.00	89,185.00	94,690.00	5,505.00	5.81
11	Bayaran Dinaikkan (Denda)	172,008.00	143,348.60	73,752.87	-69,595.73	-94.36
12	Kompaun Kesalahan Akta 133 Seksyen 72(1)c (Bangunan)	15,890.00	16,780.00	124.00	-16,656.00	-13432.26
13	Pelbagai Hal	117,587.31	2,936.00	1,214,416.75	1,211,480.75	99.76
14	Cagaran	3,728,921.00	4,600,001.00	5,474,241.99	874,240.99	15.97
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>15,122,197.29</b>	<b>15,295,306.70</b>	<b>15,776,552.34</b>	<b>481,245.64</b>	<b>3.05</b>

### 3.0 LAIN-LAIN PROGRAM

Pada tahun 2021 terdapat beberapa program atau aktiviti yang telah diaturkan oleh Jabatan Bangunan sebagai nilai tambah kepada proses atau program sediada. Program-program ini direncanakan serta direalisasikan bagi membantu mempertingkatkan perkhidmatan yang sediaada kepada penduduk Seberang Perai. Antara program-program yang mempunyai nilai tambah tersebut adalah seperti berikut :-

#### 3.1 PROGRAM SEJAHTERA PENIAGA

Program ini mensasarkan peniaga-peniaga di kawasan Seberang Perai yang menjalankan perniagaan tanpa kelulusan MBSP terutamanya golongan B40/M40 atau sesiapa yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Program ini adalah untuk membantu golongan sasar bagi mendapatkan kelulusan MBSP terhadap Bangunan, Premis Perniagaan (Secara Permit sementara), Lesen Perniagaan (kekal/bertempoh), No Patil (Alamat Bangunan) dan pengurusan sampah yang lebih teratur dan terurus.

Konsep program ini adalah memudahkan proses permohonan bagi pelan permit sementara bangunan perniagaan berskala kecil serta permohonan secara dalam talian lesen perniagaan. Pemohon hanya perlu memohon dengan menggunakan borang yang disediakan, bersama dengan dokumen sokongan yang paling minima dan surat akuanji sahaja.

Sebanyak 312 permohonan melibatkan kategori ini telah diluluskan sepanjang program ini berlangsung iaitu dari 17 September 2021 sehingga 31 Disember 2021.




#### 3.2 PROGRAM AUDIT AKSESIBILTI KE ATAS BANGUNAN-BANGUNAN MILIK MBSP



Jabatan Bangunan juga telah menjalakan tiga (3) audit Aksesibiliti melibatkan aset – aset majlis seperti Kompleks Makanan, Kompleks Penjaja serta pasar – pasar awam, pada tahun 2021 pasukan audit aksesibiliti Jabatan Bangunan telah menjalankan audit ketas Kompleks Makanan Tambun Jaya Nobing Tebal, Kompleks Penjaja Taman Belibis dan kompleks Penjaja Taman Pelangi. Dapatan daripada audit tersebut dihantar kepada Jabatan Pelesenan untuk tindakan sewajarnya.

### **3.3 PROGRAM AUDIT PERHENTIAN BAS**

Bagi mengalakan penggunaan kenderaan awam , di bawah pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon MBSP , Jabatan Bangunan memainkan peranan untuk memastikan penggunaan yang optima perhentian-perhentian bas yang terpilih. Pada tahun 2021 jabatan tekah mensasarkan hentian bas di hadapan Ibu Pejabat MBSP, Bandar Perda bagi diaudit keboleh capaian sama ada penguna yang normal atau pun penggunaan berkategori Orang Kurang Upaya. Dapatan dan penemuan audit telah dirujuk ke Jabatan Kejuruteraan untuk tindakan sewajarnya.



### **3.4 LAWATAN KOLOBRASI BERSAMA AGENSI DALAM DAN LUARAN**



Sebanyak enam (6) Lawatan kolaborasi diantara Jabatan Bangunan dan agensi luaran seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia.

### **3.5 PENAMBAHBAIKAN DALAM SISTEM PENYAMPAIAN**



Salah satu daripada Inovasi yang mempunyai impak terhadap hasrat Jabatan Bangunan untuk membuat pembaharuan kepada kaedah penguatkuasaan yang lebih berkesan adalah dengan cara mempercepatkan kaedah pengeluaran Notis Binaan Tanpa Kebenaran. Jabatan telah mendapat kelulusan Majlis Penuh untuk penurunan kuasa kepada Penolong Pegawai senibina Kanan bagi menandatangani Notis Binaan Tanpa Kebenaran (BTK) . Proses ini dapat memberikan nilai tambah kepada kaedah pengeluaran Notis BTK jabatan serta membantu mempercepatkan tindakan penguatkuasaan terhadap binaan yang dikesan di tapak. Kaedah ini tela mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2022.

# KAJURUTERAAN



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN KEJURUTERAAN



## PENDAHULUAN

Jabatan ini bertanggungjawab dalam kawalan dan pengawasan sistem lalulintas, kawalan kerja tanah dan pembangunan, menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam serta infrastruktur, menyelenggara jalan-jalan taman perumahan di seluruh kawasan Seberang Perai, memantau isu banjir di seluruh kawasan Seberang Perai dan melaksana pembelian serta penyelenggaraan kenderaan dan peralatan mekanikal Majlis. Di samping itu, Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan pelbagai projek Majlis bagi pembangunan seluruh kawasan Seberang Perai.

Sehingga 31 Disember 2021, Jabatan Kejuruteraan mempunyai tenaga kerja berjumlah 256 orang yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional, sokongan, teknikal serta tenaga mahir yang menyumbang kepada prestasi jabatan secara keseluruhan.

## FUNGSI JABATAN

- Membina bangunan-bangunan untuk kemudahan awam seperti Kompleks Sukan, Dewan orang ramai, Pasar Awam, Kompleks Penjaja dan lain-lain kemudahan awam.
- Menaiktaraf parit, parit tanah serta pembinaan parit-parit dan pintu air.
- Menyelenggara jalan-jalan taman perumahan di seluruh Seberang Perai.
- Menyediakan kemudahan lampu-lampu jalan, lampu-lampu isyarat, pondok-pondok bas dan papan tanda nama jalan.
- Menguruskan pembelian dan penyelenggaraan kenderaan serta alat-alat mesin kejuruteraan untuk pengurusan jabatan-jabatan di dalam Majlis.
- Mengurus dan menyelenggara operasi rumah-rumah pam.
- Memproses dan menimbaangkan permohonan pelan-pelan kerja tanah, lampu jalan dan papan iklan.
- Menguatkuasa dan mengawal aktiviti-aktiviti kerja tanah.
- Menyelenggara parit-parit monsun, kolam takungan dan membaiki parit di dalam taman perumahan seluruh Seberang Perai serta menyelenggara parit monsun di kawasan Perindustrian Perai dan Perindustrian Bukit Minyak.
- Memantau isu banjir di seluruh Seberang Perai dan mengenalpasti punca banjir untuk menyelesaikan isu banjir.

## PIAGAM PELANGGAN

- Aduan lampu jalan, lampu hiasan dan lampu isyarat disiasat dalam tempoh 2 hari dari tarikh aduan diterima.
- Memastikan kerja-kerja menampal jalan dan taman yang berlubang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam selepas aduan kerja menampal diterima

## BAHAGIAN PENTADBIRAN

### Pengurusan

- i. Pengurusan fail / surat-menyurat
- ii. Pengurusan hal ehwal kakitangan berkaitan perjawatan/perkhidmatan.
- iii. Pengendalian aduan.
- iv. Pengurusan & Maklumbalas mesyuarat
- v. Pengurusan aset jabatan
- vi. Khidmat pelanggan

## Bekalan

- i. Penyelenggaraan dan pengendalian mesin pejabat.
- ii. Pengurusan perolehan/pembelian dan bekalan.
- iii. Pengurusan Stok & Inventori

## Pengurusan Kewangan

- i. Penyediaan Bajet Jabatan.
- ii. Pengurusan Bajet & Perbelanjaan Jabatan.
- iii. Pengurusan pembayaran bagi perolehan kerja/bekalan

## Penjawatan

KAKITANGAN TETAP	157	PERJAWATAN / KUMPULAN	JUMLAH KAKITANGAN
KAKITANGAN KONTRAK	99	PENGURUSAN & PROFESIONAL	9
KAKITANGAN SAMBILAN	0	PENOLONG JURUTERA	64
JUMLAH KAKITANGAN	256	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	1
		PEMBANTU TADBIR	24
		PEMBANTU KEMAHIRAN	4
		JURUGEGAS/JURUKIMPAL	25
		PENJAGA JENTERA	3
		PEMBANTU AWAM	114
		PEMBANTU OPERASI	2
		PEMANDU	10
		JUMLAH KESELURUHAN	256

JABATAN KEJURUTERAAN				
BAHG PERANCANGAN & PEMBANGUNAN	BAHG INFRASTRUKTUR & TEBATAN BANJIR	BAHG MEKANIKAL & ELEKTRIKAL	BAHG PENTADBIRAN	
UNIT ULASAN PELAN PEMBANGUNAN	UNIT JALAN & PARIT	UNIT ULASAN PELAN LAMPU JALAN & SMARY CITY	UNIT RUMAH PAM	PENTADBIRAN AM JABATAN
UNIT GEOTEKNIKAL & PENGUATKUASAAN	UNIT FASILITI	UNIT PENYELENGGARAAN KENDERAAN DAN MESIN		
UNIT LALULINTAS	UNIT PENYELENGGARAAN BANGUNAN UNIT PROJEK UNIT KAJIAN HIDROLOGI & TEBATAN BANJIR	UNIT PENYELENGGARAAN FASILITI & UTILITI	UNIT PENGURUSAN KENDERAAN, KUALITI & INOVASI	PENTADBIRAN AM JABATAN

**Unit Ulasan Pelan**

- Permohonan kelulusan pelan kerja tanah diperakukan dalam tempoh 80 hari setelah semua syarat ditunaikan.
- Permohonan kelulusan pelan jalan dan parit kepada JKR diperakukan dalam tempoh 50 hari setelah semua syarat ditunaikan.
- Permohonan kelulusan pelan lampu jalan untuk pembangunan diperakukan dalam tempoh 50 hari setelah semua syarat ditunaikan.

Pelan jalan & parit tahun 2021	Permohonan	Diluluskan
Seberang Perai Tengah	57	52
Seberang Perai Utara	34	17
Seberang Perai Selatan	68	53
<b>Jumlah Permohonan</b>	<b>159</b>	<b>122</b>
<hr/>		
Pelan lampu jalan tahun 2021	Permohonan	Diluluskan
Seberang Perai Tengah	33	24
Seberang Perai Utara	36	12
Seberang Perai Selatan	36	23
<b>Jumlah Permohonan</b>	<b>105</b>	<b>59</b>
<hr/>		
Pelan pelan kerja tanah tahun 2021	Permohonan	Diluluskan
Seberang Perai Tengah	26	18
Seberang Perai Utara	15	10
Seberang Perai Selatan	24	5
<b>Jumlah Permohonan</b>	<b>65</b>	<b>33</b>

**Unit Perancangan**

- Mengkaji permohonan serta cadangan penambahbaikan yang berkaitan dengan lalulintas dan infrastruktur di seluruh Seberang Perai
- Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas & Infrastruktur Seberang Perai
- Mengkaji, merancang dan memantau keadaan lalulintas di seluruh Seberang Perai
- Merancang penambahbaikan bagi pengangkutan awam di seluruh Seberang Perai
- Melaksanakan penambahbaikan tempat letak kereta di seluruh Seberang Perai
- Menyediakan ulasan berkaitan lalulintas untuk permohonan lessen



Lawatan tapak berkaitan isu konflik lalulintas di persimpangan Jalan Tok Kangar dengan Jalan Delima Jati / Jalan Seri Delima pada 23 Mac 2021



Lawatan tapak berkaitan isu konflik lalulintas di persimpangan Lingkaran Luar Butterworth dengan Jalan Perusahaan Sungai Lokan pada 2 April 2021



Lawatan tapak berkaitan isu perletakan kenderaan yang menyebabkan halangan lalulintas di Lorong jenahak, Taman Tun Hussein Onn pada 13 Julai 2021



Lawatan tapak berkaitan isu bas kilang memasuki Taman Perwira pada 13 Julai 2021



Lawatan tapak berkaitan isu kenderaan membuat belokan kanan secara haram dari Jalan Jelawat ke stesen minyak Shell melalui jalan susur Lingkaran Luar Butterworth pada 9 Disember 2021



Pelaksanaan tempoh percubaan bagi cadangan melaksanakan "Dilarang Belok Kanan" dari Jalan Tasek Mutiara 1 ke Jalan Valdor, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan

#### Bahagian Infrastruktur dan Tebatan Banjir

- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan di kawasan taman Perumahan
- Menyelaras aduan awam melalui sistem aduan yang ada termasuk MPSP Watch
- Memproses dan meluluskan kerja-kerja pengorekan jalan yang dikemukakan oleh JPA, TNB, TELEKOM, PEMAJU dan sebagainya
- Membina dan menyelenggara bonggol jalan serta mengecat garisan zebra
- Menyelenggara tempat letak kereta Majlis.
- Memproses, meluluskan dan penguatkuasaan *Billboard*
- Mengurus, merancang, menyusun dan mengawal selia kerja-kerja penyelenggaraan Lampu Jalan milik MPSP, Lampu Hiasan/Perayaan dan permohonan Lampu Jalan Awam Tiang Konkrit TNB mengikut prosedur yang ditetapkan dan pemasangannya di seluruh Seberang Perai.
- Memantau pemasangan dan mengawalselia penyelenggaraan lampu isyarat di seluruh Seberang Perai.
- Mengawal dan memantau kerja-kerja pemasangan elektrikal bagi semua bangunan harta Majlis.
- Mengurus dan memantau aktiviti-aktiviti pembersihan parit monsun dan kolam takungan oleh kontraktor yang dilantik oleh MPSP

BULAN	JUMLAH
2011	RM732,529.50
2012	RM1,163,208.50
2013	RM1,285,382.50
2014	RM1,103,332.50
2015	RM966,876.50
2016	RM1,123,823.00
2017	RM1,469,953.00
2018	RM1,300,589.00
2019	RM1,409,592.00
2020	RM 1,073,956.10
2012	RM 614,826.00

Jumlah Hasil Permit Paparan Iklan Yang Dikeluarkan Oleh MBSP

BIL	VOT PERUNTUKAN	BILANGAN PROJEK / ARAHAN KERJA	PERBELANJAAN (RM)
1	28207 (Penyelenggaraan parit monsoon & Kolam Takungan)	100	6,015,063.95
2	28218 (Penyelenggaraan kawasan Industri)	6	394,213.40
3	97212 (Wang Amanah Jalan)	191	10,267,779.30
4	33206 (Pembinaan Parit-parit)	3	215,984.92
5	28212 (Pembinaan Jalan)	-	-
<b>Jumlah keseluruhan :</b>		<b>300</b>	<b>16,893,040</b>

Data Kerja-Kerja Membersih Parit Monsun,  
Kolam Takungan Dan Penyelenggaraan Parit Bagi Tahun 2021

#### Unit Penyelenggaraan Fasiliti

- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan harta Majlis.
- Menerima dan menjalankan siasatan berhubung aduan dari semasa ke semasa berhubung harta di bawah kawalan.
- Memberi maklumbalas aduan melalui e-mel,surat,sistem dan mesyuarat.
- Menyediakan BQ (Anggaran Harga) sebelum kerja dilaksanakan, penyediaan dokumen sebutharga dan tender.
- Menyelaras lawatan dan taklimat di tapak bersama kontraktor berhubung sebutharga/tender yang dilaksanakan.
- Menyediakan kertas kelulusan bagi penilaian sebutharga, lantikan konsultan& Juru ukur.
- Memproses serta memperakukan bayaran kepada kontraktor setelah kerja-kerja siap.

BIL	JENIS HARTA	DAERAH			JUMLAH	PENGURUS
		SPU	SPT	SPS		
1	Bangunan Pejabat					
	a) Ibu Pejabat Bandar PERDA	1			3	Jabatan
	b) Pej. Caw. BM		1			Khidmat Pengurusan
	c) Pej. Caw. Butterworth		1			
2	Mahkamah Municipal & Ruang pejabat sewa	1			2	Jabatan Undang-Undang & Penilaian
3	Kompleks Kastam		1		1	Jabatan Penilaian
4	Pos Kawalan keselamatan FTZ		2		2	Jabatan Undang-Undang
5	Dewan	52	95	56	203	
6	Kompleks Sukan	1	2		3	Jabatan Kemasyarakatan
7	Kolam Renang		2		2	

BIL	JENIS HARTA	DAERAH			JUMLAH	PENGURUS
		SPU	SPT	SPS		
8	Pangsapuri Ampangan PPR	1 (250)		1 (250)		
	a) Dewan	1		1	Jabatan Penilaian	
	b) Surau	1		1		
	c) Kiosk	3		3		
9	Bengkel dan Stor	4	0	1	5	Jabatan Kejuruteraan & Kesihatan
10	Pasar	9	13	7	29	
11	Gerai & kompleks penjaja	26	34	4	64	Jabatan Pelesenan
12	Rumah Pam	1	15	1	17	Jabatan Kejuruteraan
13	Tadika	6	8	0	14	Jabatan kemasyarakatan
14	Tapak Semaian	1	1	1	3	Jabatan Lanskap
15	Depoh Sampah/Stor	111	205	115	431	Jabatan Perbandaran
16	Pondok Bas	405	397	191	1038	Jabatan Kejuruteraan

#### Unit Projek Khas

- Merancang pelaksanaan tender / sebutharga untuk kerja-kerja penyelenggaraan
- Melantik juruperunding bagi pelaksanaan projek-projek yang memerlukan penyediaan rekabentuk
- Melaksanakan analisa terhadap tender / sebutharga
- Bertanggungjawab ke atas segala urusan pentadbiran kontrak dan pelaksanaan projek termasuk penyelarasan bersama syarikat utiliti
- Memantau perjalanan kerja/projek yang dibuat oleh kontraktor
- Mengatur mesyuarat tapak bersama pihak-pihak semasa projek berjalan
- Menyediakan dokumentasi berkaitan Arahan Perubahan Kerja, Penyelerasian harga Kerja dan Lanjut Masa
- Berurus dan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat dengan pelaksanaan projek (*stakeholder, user, AM, MPKK* dll)

#### PROJEK-PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH UNIT PROJEK BAGI TAHUN 2021

- 1) 25 PROJEK PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR
- 2) 68 PROJEK BP1
- 3) 1 PROJEK PERMERKASA JKT(Jabatan Kerajaan Tempatan)
- 4) 4 PROJEK PELANCONGAN JKT(Jabatan Kerajaan Tempatan)
- 5) 11 PROJEK TPPM (Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia)
- 6) 6 PROJEK PEMERKASA BPEN(Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri)
- 7) 2 PROJEK CARUMAN PEMARITAN

Jumlah Kos Projek adalah : RM 9,231,197.38

## UNIT KAJIAN HIDROLOGI DAN TEBATAN BANJIR

1. Unit ini dilaksanakan untuk memantau isu banjir di seluruh Seberang Perai.
2. Pemantauan dilaksanakan untuk mengenalpasti punca banjir bagi mencari tindakan penyelesaian yang sesuai bagi kawasan di bawah urus tadbir majlis.
3. Tindakan penyelesaian merangkumi tindakan jangka pendek dan tindakan jangka panjang bagi satu-satu kawasan melalui kajian, rekabentuk serta cadangan yang sesuai.
4. Tindakan jangka pendek yang kerap dilaksanakan adalah dengan melebarkan parit, menggunakan pam bergerak, membina bund dengan menggunakan tanah atau beg pasir, menyelenggara parit yang tersumbat, membuang endapan tanah dalam parit dan kolam takungan.
5. Tindakan jangka panjang yang dijalankan adalah dengan memasang rumah pam berkapasiti tinggi serta membina parit bypass dalam sistem perumahan taman.
6. Sehingga 2019, sebanyak 169 kawasan yang mengalami banjir telah dikenalpasti di seluruh Seberang Perai.
7. Unit ini juga turut membantu dalam memohon peruntukan bagi cadangan yang telah dikaji dalam MMK Tebatan Banjir.
8. Laporan pemantauan banjir juga turut disediakan bagi setiap kejadian banjir yang berlaku berserta lokasi tepat kawasan yang terbabit, paras air di kawasan banjir, punca banjir serta cadangan penyelesaian.
9. Unit tebatan banjir juga turut membantu dalam ulasan pelan pelan bagi perkara yang melibatkan sistem perparitan serta kiraan hidraulik.
10. Unit tebatan banjir telah memperkenal sistem FLORES (*Flood Ranking System*) version 1.0 bagi menyusun atur ranking mengikut keutamaan dalam menyelesaikan kawasan banjir yang lebih sistematik melalui 3 faktor utama iaitu kekerapan banjir yang berlaku, jumlah rumah yang terlibat serta paras air di kawasan terbabit.
11. Sistem baru juga akan diperkenal bagi memantau banjir dan sistem rumah pam di seluruh kawasan Seberang Perai dengan lebih efektif dengan memperkenal *Integrated Flood Monitoring System* (INFLOS).

## BAHAGIAN ELEKTRIKAL DAN MEKANIKAL


### Unit Pengurusan Kenderaan

- **Penyelenggaraan Kenderaan Majlis**
  - i. Memastikan pembaikan kenderaan dijalankan mengikut objektif kualiti Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS)
  - ii. Menyelenggara dan membaiki kenderaan tidak melebihi 14 hari untuk pumbaikan kecil daripada tarikh arahan kerja dikeluarkan.
    - Jumlah kerosakan tidak melebihi 14 hari dari Januari 2021 sehingga Disember 2021 adalah sebanyak 6,296.
  - iii. Menyelenggara dan membaiki kenderaan tidak melebihi 60 hari untuk pumbaikan besar daripada tarikh arahan kerja dikeluarkan.
    - Jumlah kerosakan tidak melebihi 60 hari dari Januari 2021 sehingga Disember 2021 adalah sebanyak 90.
  - iv. Melakukan analisis penyelenggaraan kenderaan secara bulanan dan tahunan melalui Sistem Selenggara Kenderaan (SISKEN 2.0)

### Analisis Penyelenggaraan Tahunan

Tahun: 2021 HANTAR


KATEGORI ALASAN KATEGORI PUSKEB/PANEL KATEGORI KEROSAKAN JURUKIMPAL/JURUGEGAS KATEGORI PERMOHONAN



### Analisis Penyelenggaraan Tahunan

Tahun: 2021 HANTAR


KATEGORI ALASAN KATEGORI PUSKEB/PANEL KATEGORI KEROSAKAN JURUKIMPAL/JURUGEGAS KATEGORI PERMOHONAN



### Analisis Penyelenggaraan Bulanan

Tahun: 2021 HANTAR

KATEGORI ALASAN KATEGORI PUSKEB/PANEL KATEGORI KEROSAKAN JURUKIMPAL/JURUGEGAS KATEGORI PERMOHONAN



### Analisis Penyelenggaraan Bulanan

Tahun: 2021 HANTAR

KATEGORI ALASAN KATEGORI PUSKEB/PANEL KATEGORI KEROSAKAN JURUKIMPAL/JURUGEGAS KATEGORI PERMOHONAN



- Menguruskan Perolehan Bagi Pembelian Kenderaan Majlis**

- Pembelian kenderaan baharu bagi menggantikan kenderaan yang hendak dilupuskan untuk Jabatan.
- Penambahan kenderaan bagi jabatan yang memerlukan kenderaan baharu.
- Penggantian kenderaan pada tahun semasa dinilai berdasarkan *Vehicle Optimization Matrix – Decision Modelling* (VOMD) bermula daripada tahun 2017 sehingga sekarang.

**Jadual 1: Usia Kenderaan (tahun)**

Deskripsi	Markah
> 15	5
13 to 15	4
10 to 12	3
7 to 9	2
4 to 6	1

**Jadual 2: Jumlah Jarak Perjalanan Kenderaan**

Deskripsi	Markah
> 100,000 km	5
70,000km to 99,000 km	4
50,000km to 69,000km	3
30,000km to 49,000km	2
<30,000km	1

**Jadual 3: Jumlah Kos Penyelenggaraan Kenderaan Tahunan (RM)**

Deskripsi	Markah
>RM8,000	5
RM6,000 to RM7,999	4
RM4,000 to RM5,999	3
RM2,000 to RM3,999	2
<RM2,000	1

**Jadual 4: Fungsi Kenderaan**

Deskripsi	Markah
<i>Special built / purpose / untuk operasi teras</i>	5
<i>Medium duty</i>	4
<i>Single purpose w/attachments</i>	3
<i>4-wheel drive</i>	2
<i>Standard vehicle</i>	1

**Jadual 5: Jumlah Pembaikan Besar Kenderaan Tahunan**

Deskripsi	Markah
Pembaikan besar enam (6) kali setahun	5
Pembaikan besar lima (5) kali setahun	4
Pembaikan besar empat (4) kali setahun	3
Pembaikan besar tiga (3) kali setahun	2
Pembaikan besar kurang daripada dua (2) kali setahun	1

**Jadual 6: Kriteria Penilaian**

Jumlah Markah	Kondisi
1 - 9 markah	<i>Excellent to very good</i> <i>Will be reviewed again in 3 years</i>
10 - 14 markah	<i>Good</i> <i>Will be reviewed again in 2 years / request for refurbish</i>
15 - 23 markah	<i>Qualifies for replacement</i> <i>MUST be replaced within 1 year</i>
>24 markah	<i>Needs immediate replacement</i> <i>MUST be replaced</i>

*Vehicle Optimization Matrix – Decision Modelling (VOMD)*

Bil	Kenderaan	JUMLAH	JABATAN	JUMLAH MENGIKUT JABATAN	HARGA SEUNIT (RM) (termasuk cukai)	JUMLAH HARGA (RM) (termasuk cukai)	STATUS
1	Sport Utility Vehicle (SUV)	13	Kejuruteraan	2	RM 165,216.96	RM 2,147,820.53	telah diserahkan kepada jabatan
			Bahagian Keselamatan dan Komuniti	2			
			Direktorat Penguatkuasaan	1			
			Perbandaran	3			
			Bangunan	1			
			Perkhidmatan Kesihatan	1			
			Kemasyarikatan	1			
			Penilaian & Pengurusan Harta	1			
			Pelesenan	1			
2	Compact Loader	21	Perkhidmatan Perbandaran	21	RM 484,000.00	RM 10,164,000.00	proses bekalan
3	Grabber Crane	12	Landskap	3	RM 397,833.33	RM 4,774,000.00	proses bekalan
			Perkhidmatan Perbandaran	6			
			Pengurusan Krisis	1			
			Kejuruteraan	2			
4	Skylift	6	Landskap	6	RM 913,000.00	RM 5,478,000.00	proses bekalan
5	High Pressure Jetter	1	Perkhidmatan Perbandaran	1	RM 550,000.00	RM 550,000.00	dalam proses untuk iklan
6	Catch Basin Cleaner	1	Perkhidmatan Perbandaran	1	RM 811,800.00	RM 811,800.00	proses bekalan
7	Tipper	7	Perkhidmatan Perbandaran	6	RM 132,036.30	RM 924,254.10	proses bekalan
			Pengurusan Krisis	1			
9	Open Truck	8	Perkhidmatan Perbandaran	5	RM 240,656.35	RM 1,925,250.80	proses bekalan
			Landskap	2			
			Pengurusan Krisis	1			
12	Towing	1	Kejuruteraan	1	RM 220,249.70	RM 220,249.70	proses bekalan
13	Roll On Roll Off	13	Landskap	4	RM 423,794.80	RM 5,509,332.40	dalam proses penilaian
			Direktorat Penguatkuasaan	1			
			Perkhidmatan Perbandaran	5			
			Kejuruteraan	1			
			Pengurusan Krisis	2			
18	Tail Lift	2	Perkhidmatan Kesihatan	1	RM 198,849.20	RM 397,698.40	dalam proses penilaian
20	Crew Cab	3	Landskap	2	RM 186,674.40	RM 560,023.20	dalam proses penilaian
			Kejuruteraan	1			
22	Traktor	1	Perkhidmatan Perbandaran	1	RM 62,700.00	RM 62,700.00	telah diserahkan kepada jabatan
23	Forklift	1	Direktorat Penguatkuasaan	1	RM 95,000.00	RM 95,000.00	telah diserahkan kepada jabatan
24	Wood Chipper	1	Landskap	1	RM 275,000.00	RM 275,000.00	telah diserahkan kepada jabatan
25	Bas	1	Khidmat Pengurusan	1	RM 320,000.00	RM 320,000.00	proses bekalan
26	Sludge Tanker	1	Pengurusan Krisis	1	RM 390,500.00	RM 390,500.00	proses bekalan
27	Water Tanker	2	Landskap	2	RM 368,500.00	RM 737,000.00	proses bekalan
29	Backhoe Loader	7	Landskap	1	RM 312,000.00	RM 2,184,000.00	proses bekalan
			Pengurusan Krisis	2			
			Perkhidmatan Perbandaran	4			
31			Kejuruteraan	2			
32	Pick Up	4	Pengurusan Krisis	1	RM 182,682.50	RM 730,730.00	telah diserahkan kepada jabatan
			Perkhidmatan Kesihatan	1			
34	Van	2	Perkhidmatan Kesihatan	1	RM 177,150.00	RM 354,300.00	proses bekalan
35			Direktorat Penguatkuasaan	1			

- Menguruskan Perolehan Bagi Bekalan Tayar, Bateri, Bahan Pelincir, Peralatan Hidraulik Dan Alat Ganti Kenderaan**
  - Menyediakan kontrak bekalan tayar dan alat ganti mesin kejuruteraan bagi tempoh 2 tahun
- Menguruskan Pembelian Mesin-Mesin Kejuruteraan**
- Pengurusan Sisa bahan Berjadual**
  - Menguruskan sisa bahan berjadual untuk penyelenggaraan kenderaan iaitu bateri terpakai, penapis terpakai, minyak pelincir terpakai dan sisa kain perca terpakai.
  - Penggunaan Sistem E-Swis bagi pengurusan bahan terjadual.



Stor EMS di PUSKEB

Home DOE Portal Support List Waste List Facility List FAQ Inquiry

Welcome to Electronic Scheduled Waste Information System

Username  Password  Forgot?

**Sign In** **Register**

**Getting Started**

Summary Report of Consignment Note

#	SUBMITTED DATE	CN NO	WASTE CODE	WASTE TRANSPORTER	WASTE RECEIVER	STATUS	Grand Total
							QUANTITY SUBMIT(MT) QUANTITY RECEIVED(MT)
1	30/04/2021	2021050509TPSA65	SW305	PENTAS FLORA SDN. BHD.	PENTAS FLORA SDN. BHD.	Received	0.8000 0.8000
2	01/11/2021	2021110110ZT3BKG	SW305	PENTAS FLORA SDN. BHD.	PENTAS FLORA SDN. BHD.	Received	1.4000 1.4000
3	16/11/2021	20211116129T6UNI	SW410	PENTAS FLORA SDN. BHD.	PENTAS FLORA SDN. BHD.	Received	0.0500 0.0500
4	16/11/2021	2021111612Z3MNPL	SW410	PENTAS FLORA SDN. BHD.	PENTAS FLORA SDN. BHD.	Received	0.0200 0.0200
5	21/12/2021	202201031597GE88	SW305	PENTAS FLORA SDN. BHD.	PENTAS FLORA SDN. BHD.	Rejected	0.4000 0.4000
Grand Total							2.6700 2.6700

### Pengurusan Bahan Buangan Terjadual di PUSKEB

- **Laporan Penyelenggaraan Aset Alih Suku Tahun Bagi Tahun 2021 (Mesin Kejuruteraan)**
  - Menyediakan laporan penyelenggaraan aset alih mesin kejuruteraan bagi tiap suku tahun untuk dibentangkan dalam mesyuarat JKPAK.
  - Jumlah kuantiti aset diselenggara bagi kategori mesin kejuruteraan dari bulan Januari hingga Disember 2021 adalah sebanyak 1,080 unit melibatkan kos sebanyak RM90,802.40.

TAHUN SEMASA	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN		PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN		JUMLAH PENYELENGGARAAN	
	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	JUMLAH KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)
Suku Tahun Pertama	183	7,686.00	68	14,736.00	251	22,422.00
Suku Tahun Kedua	186	7,812.00	72	15,105.60	258	22,917.60
Suku Tahun Ketiga	183	7,686.00	110	10,812.00	293	18,498.00
Suku Tahun Keempat	192	8,064.00	86	18,900.80	278	26,964.80
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>744</b>	<b>31,248.00</b>	<b>336</b>	<b>59,554.40</b>	<b>1,080</b>	<b>90,802.40</b>

- **Laporan Penyelenggaraan Aset Alih Suku Tahun Bagi Tahun 2021 (Kenderaan)**
  - Menyediakan laporan penyelenggaraan aset alih kenderaan Majlis bagi tiap suku tahun untuk dibentangkan dalam mesyuarat JKPAK.
  - Jumlah kuantiti aset diselenggara bagi kategori kenderaan dari bulan Januari hingga Disember 2021 adalah sebanyak 7,614 unit melibatkan kos sebanyak RM3,861,904.22.

TAHUN SEMASA	PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN		PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN		JUMLAH PENYELENGGARAAN	
	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	JUMLAH KUANTITI ASET DISELENGGARA	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)
Suku Tahun Pertama	281	135,458.86	1,880	486,746.50	2,161	622,205.36
Suku Tahun Kedua	278	226,853.56	1,847	684,731.60	2,125	911,585.16
Suku Tahun Ketiga	273	222,773.46	1,407	1,146,551.52	1,680	1,369,324.98
Suku Tahun Keempat	296	241,541.92	1,352	717,246.80	1,648	958,788.72
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1128</b>	<b>826,627.80</b>	<b>6,486</b>	<b>3,035,276.42</b>	<b>7,614</b>	<b>3,861,904.22</b>

## Skuad Penyelenggaraan


- Menjadi respons team Jabatan Kejuruteraan untuk kerja-kerja pemberian segera melibatkan Jabatan Kejuruteraan
- Melibatkan 4 pasukan kerja melibatkan pembantu awam dan diketuai oleh Penolong Jurutera bagi memantau, mengatur dan melaksana kerja-kerja pemberian segera
- Melibatkan perlaksanaan kerja secara 3 shift



## Penyelenggaraan Rumah Pam

- 1) Rumah Pam Kawasan Perindustrian Prai A, Perai
- 2) Rumah Pam Kawasan Perindustrian Prai B, Perai
- 3) Rumah Pam Taman Chai Leng, Seberang Jaya
- 4) Rumah Pam Taman Mangga, Juru
- 5) Rumah Pam Taman Sentul Jaya, Juru
- 6) Rumah Pam Taman Sentul, Juru
- 7) Rumah Pam Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam
- 8) Rumah Pam SR 1 Sungai Rambai, Bukit Mertajam
- 9) Rumah Pam SR 2 Sungai Rambai, Bukit Mertajam
- 10) Rumah Pam SR 3 Sungai Rambai, Bukit Mertajam
- 11) Rumah Pam SR 5 Sungai Rambai, Bukit Mertajam
- 12) Rumah Pam Taman Makok Zon 1 Sungai Rambai, Bukit Mertajam
- 13) Rumah Pam Taman Makok Zon 3 Sungai Rambai, Bukit Mertajam
- 14) Rumah Pam Taman Desa Damai A Sungai Rambai, Bukit Mertajam
- 15) Rumah Pam Taman Desa Damai B Sungai Rambai, Bukit Mertajam
- 16) Rumah Pam Taman Wira, Butterworth
- 17) Rumah Pam Taman Transkrian, Nibong Tebal
- 18) Rumah Pam Sri Jaya, Bukit Mertajam
- 19) Rumah Pam Taman Merak, SPS
- 20) Rumah Pam Taman Bagan, SPU






**PERKHIDMATAN  
PERBAANDARAN**



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN



## FUNGSI JABATAN

- Merancang tindakan untuk kebersihan dan pengindahan Seberang Perai.
- Mengawal selia prestasi kontraktor pembersihan dan mengambil tindakan sekiranya mereka gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- Memperkasakan usaha aktiviti kitar semula untuk mengurangkan sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan.
- Memantau Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dan Stesen Pemindahan Ampang Jajar.
- Menguatkuasa undang-undang kecil majlis dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengan fungsi jabatan.
- Mengumpul dan menyimpan data dan maklumat berkaitan pengindahan dan pembersihan.
- Mengurus hal-hal berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, khususnya kepada warga kerja MBSP dan pihak kontraktor majlis yang menjalankan kerja-kerja diarahkan.
- Mengurusetia mesyuarat yang berkaitan jabatan.

## FUNGSI BAHAGIAN OPERASI

- Mengawal selia pengurusan 8 Depoh Pembersihan di seluruh Seberang Perai iaitu :
  - Depoh Pembersihan Bertam
  - Depoh Pembersihan Padang Cempedak
  - Depoh Pembersihan Bagan Lalang
  - Depoh Pembersihan Ampang jajar
  - Depoh Pembersihan Bukit Mertajam
  - Depoh Pembersihan Inderawasih
  - Depoh Pembersihan Asas Murni
  - Depoh Pembersihan Jawi
- Memastikan dua (2) teras perkhidmatan utama dijalankan dengan sempurna iaitu Perkhidmatan Pemungutan Sampah (PPS) dan Kerja Pembersihan Am (KPA)
- Mengawal selia perkhidmatan kontrak pembersihan am jalan

## FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- Memantau Pembangunan dan Pengoperasian Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPPB) Fasa III
- Menyelaras Halatuju Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPPB) Fasa I & II
- Menyelaras Halatuju Tapak Pelupusan Ampang Jajar (TPAJ)
- Memantau Pembangunan dan Pengoperasian Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu, Ampang Jajar
- Memantau Pengoperasian Stesen Pemindahan Ampang Jajar (SPAJ)
- Menyelaras Pelaksanaan Dasar Penjana Bayar
- Menyelaras Tindakan Penguatkuasaan di peringkat Jabatan

## FUNGSI UNIT OSC DAN STATISTIK

- Memberi ulasan terhadap pelan-pelan (bangunan & susun atur) yang diterima melalui sistem OSC Online.
- Memproses kelulusan plan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- Memproses permohonan Perakuan Siap dan Pematuhan bangunan.
- Memantau dan menyelaras hal-hal berkaitan kualiti jabatan termasuk piagam pelanggan, dan laporan prestasi berkaitan.
- Mengurus statistik / data jabatan.
- Menghasilkan idea inovasi yang berkesan untuk Jabatan.
- Menguruskan sistem-sistem yang digunakan di jabatan.
- Menguruskan projek Bandar Rendah Karbon.
- Mengurus pelaksanaan "*Circular Economy*" di Seberang Perai.
- Menguruskan pelaksanaan dan pematuhan dasar-dasar Jabatan Serta penambahbaikan pelaksanaan kerja di Jabatan

## FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Memastikan semua dasar dan arahan Ketua Jabatan serta Majlis dilaksana dengan jaya dan berkesan.
- Mengurus hal-hal berkaitan surat menyurat jabatan.
- Mengurus hal berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan jabatan.
- Menyelaras hal berkaitan tata tertib dan disiplin kakitangan jabatan.
- Menyelaras mesyuarat, kursus dan latihan untuk kakitangan jabatan.
- Mengurus perolehan dan bekalan barang dan peralatan guna sama untuk semua unit dalam jabatan.
- Mengurus aset dan stok di Jabatan
- Menyelaras maklumbalas aduan dan mesyuarat.
- Menyelaras penyewaan tong sampah serta perkhidmatan sewaan berkaitan.

## TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2021

BIL	PERJAWATAN	GRED	PENEMPATAN									JUMLAH	
			P41	P42	P43	P44	P45 BM	P46 INDERA A.MURNI		P 47	PEMBANGUNAN		
1	PENGARAH PERBANDARAN	U52									0	0	
2	PEMANGKU PENGARAH	N48									1	1	
3	PENOLONG PENGARAH	N44									0	0	
4	PENOLONG PENGARAH	N41									2	2	
5	PENOLONG PENGARAH	U41									1	1	
6	KETUA PEN.PEG.KES PERSEKITARAN(KANAN)	U36									1	1	
7	PEN.PEG.KES.&PERSEKITARAN	U32									2	2	
8	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (KANAN)	N32									1	1	
9	PEN.PEG. KES &PERSEKITARAN	U29	0	1	1	1	1	1		1	1	7	
10	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29									1	1	
11	PEN.PEG PERANCANG BANDAR & DESA	JA29									1	1	
12	PEM TADBIR(KANAN)	N22									1	1	
13	PEM.KES.AWAM (KANAN)	U24	1	1			1	1	1	0	2	7	
14	PEM KES AWAM (KUP)	U24			2	1				1		5	
15	PEMBANTU TADBIR (P & O)	N19	1	1	1	0	1	1	1	1	10	17	
16	PEM PENGUATKUASA / PENYELIA	KP19	3	1	2	3	6	4	2	5	0	26	
17	PEMBANTU KEMAHIRAN (KONTRAK)	H19									4	4	
18	MANDOR	H16					1				1	2	
19	MANDOR	H14	1	3	1	3	3	2	1	0	1	15	
20	MANDOR {1 kenaikan }	H11	12	10	14	13	26	14	12	15	3	0	119
21	PEMBANTU AWAM (TETAP)	H11	38	33	43	30	34	15	7	11	15	1	227
22	PEMBANTU AWAM (KONTRAK)		105	92	160	183	261	194	135	205	69	2	1406
23	PEMBANTU OPERASI	N11			1			1			1	1	4
24	PEMANDU (TETAP)	H11	1	8	7	2	10	3	7	7	6	1	52
25	PEMANDU (KONTRAK)		9	9	7	13	15	10	5	6	13	1	88
26	PENGHANTAR NOTIS	N11								1		1	2
	JUMLAH		171	159	239	249	359	246	171	253	115	30	1992

Sepanjang tahun 2021 Jabatan Perkhidmatan Perbandaran berterusan melaksanakan usaha yang telah dijayakan selama bertahun-tahun. Dengan adanya jumlah kenderaan yang mencukupi, semua kerja kerja kutipan sampah dapat dilakukan tanpa sebarang masalah. Keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk MBSP melaksanakan sistem kutipan sampah secara "in-house" dan tidak lagi mengontrakkan kerja-kerja tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur.

**JUMLAH KENDERAAN JAB PERKHIDMATAN PERBANDARAN  
MENGIKUT LOKASI PENEMPATAN TAHUN 2021**

JENIS	LOKASI PENEMPATAN									JUMLAH
	BERTAM	PDG CEMPEDAK	BAGAN	AMPANG JAJAR	BKT MERTAJAM	ASAS MURNI	INDERA WASIH	JAWI	PMB	
Compact Loader	9	7	9	12	15	7	8	11	0	0
Open Truck	1	1	3	1	4	1	1	1	1	0
Back hoe	1	0	0	0	1	0	0	1	1	0
Tractor	1	0	0	1	1	1	1	1	0	0
Ro-Ro	1	2	4	2	3	1	2	2	0	0
Kren	0	1	1	1	2	1	0	1	1	0
Lori Tipper	6	6	6	7	12	5	9	8	2	0
High Pressure Jetting	1	0	0	1	3	0	0	1	0	0
Road Sweeper	0	0	1	1	0	0	0	1	0	0
Motosikal	1	1	2	1	2	1	0	1	0	0
Pick up	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0
Station Truck	0	0	0	0	0	0	0	0	6	0
Prime Mover	0	0	0	0	0	0	0	0	11	0
Toyota Land cruiser	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Toyota Hilux	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>18</b>	<b>26</b>	<b>27</b>	<b>43</b>	<b>17</b>	<b>21</b>	<b>28</b>	<b>23</b>	<b>226</b>

**JUMLAH BERATAN SISA TPAJ DAN TPPB 2021**

BIL	BULAN	TPAJ		TPPB		JUMLAH (TAN)
		DOMESTIK (TAN)	DOMESTIK (TAN)	INDUSTRI (TAN)		
1	JANUARI	5,156.10	15,459.26	35,269.19	<b>55,884.55</b>	
2	FEBRUARI	7,195.70	10,742.01	31,708.10	<b>49,645.81</b>	
3	MAC	6,694.43	13,984.84	33,074.52	<b>53,753.79</b>	
4	APRIL	5,557.35	14,744.81	30,456.96	<b>50,759.12</b>	
5	MEI	4,388.74	16,730.99	23,725.12	<b>44,844.85</b>	
6	JUN	6,635.15	12,796.22	22,258.24	<b>41,689.61</b>	
7	JULAI	10,618.81	11,392.77	19,183.56	<b>41,195.14</b>	
8	OGOS	8,105.61	13,552.95	20,644.81	<b>42,303.37</b>	
9	SEPTEMBER	9,025.13	11,359.75	17,009.68	<b>37,394.56</b>	
10	OKTOBER	9,614.64	11,037.35	20,054.01	<b>40,706.00</b>	
11	NOVEMBER	9,031.38	11,423.72	18,191.68	<b>38,646.78</b>	
12	DISEMBER	8,721.24	11,088.94	22,207.93	<b>42,018.11</b>	
JUMLAH		90,744.28	154,313.61	293,783.80	538,841.69	
		245,057.89				
PERATUS		45.48%		54.52%	100.00%	

Sebanyak 538,841.69 tan metrik sampah telah dilupuskan oleh MBSP sepanjang tahun 2021. Jumlah ini telah berkurang sebanyak 9.92% daripada 598,234.11 tan metrik sampah pada tahun sebelumnya. Penurunan ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan memandangkan pelbagai usaha pengurangan sampah telah dijalankan. Ini termasuk program Penjana Bayar (Pengurusan Sisa Pepejal Lestari) yang dilaksanakan bermula September 2021. Program ini telah mengehadkan kemasukan sampah daripada pengilang (penjana) di luar kawasan Seberang Perai ke tapak pelupusan.

Penambahan sampah industri memberi impak negatif kepada kempen kesedaran dan pendidikan kitar semula yang ditumpukan kepada pemilik industri, namun begitu jabatan berharap kewujudan Program Pengasingan Sisa di Punca sentiasa dititikberatkan oleh setiap individu dan juga segenap lapisan masyarakat.

### PENGASINGAN SISA DI PUNCA



### DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA

- Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewartakan Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah Dan Perlesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula mulai 1 Jun 2016.
- Dalam tempoh satu tahun, kedua dua PBT perlu melaksanakan kempen dan pendidikan untuk kesedaran penduduk.
- Tindakan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca fasa 1 telah dijalankan bagi bangunan milik strata mulai 01 Jun 2017.
- Tindakan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca fasa 11 pula dijalankan terhadap premis komersial bermula 01 Januari 2018.

Antara program atau aktiviti yang dilakukan sepanjang tahun 2021 :

- Program Upcycle

### PROGRAM PENGINDAHAN BANDAR DAN PROGRAM UPCYCLE



**Pengindahan tapak tong**

Melalui Program Pengindahan Bandar dan Program upcycle, JPP telah menjalankan kerja kerja pengindahan tapak tong sampah dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh dikitar semula

## **PERKHIDMATAN GOTONG-ROYONG**

Sepanjang tahun 2021 aktiviti gotong royong ditangguhkan buat sementara waktu bagi mengelakkan penularan wabak Covid 19 yang bermula pada tahun 2020. Hanya 24 permohonan gotong royong diluluskan selepas tempoh PKP.

### **ULASAN PELAN**

- Memberi ulasan terhadap pelan-pelan (bangunan & kebenaran merancang) yang diterima melalui OSC
- Memproses permohonan sijil layak menduduki(OC/CCC)

### **JUMLAH PERMOHONAN ULASAN PELAN YANG DITERIMA UNTUK DIULAS JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2021**

TAHUN	Pelan Kebenaran Merancang (OSC)	Sijil Layak Menduduki (OC/CCC)
2010	73	73
2011	81	81
2012	91	91
2013	261	17
2014	290	46
2015	315	20
2016	372	10
2017	415	7
2018	301	5
2019	247	21
2020	164	23
2021	210	45

Jumlah permohonan ulasan pelan yang diterima pada tahun 2021 untuk Pelan Kebenaran Merancang (OSC) ialah 210 dan jumlah ini telah bertambah berbanding tahun sebelumnya manakala untuk jumlah Sijil Layak Menduduki (OC/CCC) pula ialah 45. Peningkatan jumlah permohonan adalah disebabkan oleh pertambahan pelan pindaan terdahulu yang telah diluluskan selepas tempoh PKP bagi skim perumahan mampu milik.

Unit ulasan pelan bertanggungjawab bagi memastikan setiap permohonan pembangunan baru sentiasa mengikuti kehendak dan spesifikasi jabatan perkhidmatan perbandaran. Setiap pembangunan baru, pemaju perlu membuat permohonan melalui Pelan Kebenaran Merancang kepada MBSP. Setiap jabatan dalaman MBSP mahupun jabatan dari luar MBSP akan menyemak permohonan tersebut bagi memastikan permohonan tersebut mengikuti spesifikasi jabatan-jabatan terbabit.

Ia penting bagi mengelakkan sebarang kesulitan atau kesukaran setelah pembangunan baru itu siap dibina. Antara fungsi unit pelan jabatan perkhidmatan perbandaran ialah memastikan lokasi pusat pengumpulan sampah ditempatkan di lokasi yang sesuai bagi memastikan lori Majlis dapat melakukan kutipan sampah dengan mudah.

Unit pelan juga akan memastikan pusat pengumpulan sampah yang ditunjukkan di atas pelan mempunyai saiz yang sesuai berdasarkan spesifikasi jabatan serta dibekalkan dengan tong sampah yang mencukupi berdasarkan data-data pembangunan yang disediakan pihak arkitek (cth : jumlah unit rumah, luas ruang bangunan). Di samping itu, unit pelan juga bertanggungjawab meminta pemaju menyediakan tong sampah di setiap unit rumah/ kedai pejabat di dalam pembangunan baru milikan individu dan memastikan setiap laluan di dalam kawasan pembangunan adalah sesuai bagi kemudahan lori majlis keluar masuk ke kawasan pembangunan ketika kerja- kerja kutipan sampah dilakukan.

Unit pelan juga dengan perbincangan bersama jabatan landskap bertanggungjawab memastikan kawasan lapang di dalam kawasan pembangunan sentiasa mengikuti kehendak majlis. Ia penting kerana jabatan perkhidmatan perbandaran adalah jabatan yang bertanggungjawab menyelenggara kawasan lapang bagi setiap pembangunan skim perumahan milikan individu.

**JUMLAH KOMPAUN YANG DIKELUARKAN ATAS KESALAHAN KEBERSIHAN  
OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK TAHUN 2021**

TAHUN	2015	2015	2015	2015	2015	2015	2015
JUMLAH KOMPAUN	3,527	2,160	2,081	1,010	1,620	643	329

Tindakan penguatkuasaan yang berterusan adalah bertujuan mendidik masyarakat untuk mematuhi undang-undang di samping memelihara keindahan dan kebersihan Seberang Perai. Sepanjang tahun 2021 sebanyak 329 kompaun telah dikeluarkan. Jumlah ini menunjukkan pengurangan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pengurangan pengeluaran kompaun yang ketara daripada tahun-tahun sebelumnya disebabkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lama disebabkan oleh pandemik Covid 19 yang melanda negara semenjak Mac 2020.

Jumlah kompaun dijangka akan meningkat sebanyak 80% pada tahun 2022 memandangkan Jabatan bakal menujuhkan Unit Penguatkuasaan bagi memperkasa penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan.

**ADUAN YANG DITERIMA OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN  
SEPAJANG TAHUN 2021**

ADUAN SEPAJANG TAHUN 2021			
BULAN	SAMPAH	RUMPUT JALAN	LONGKANG
JANUARI	88	56	126
FEBRUARI	134	49	190
MAC	114	50	286
APRIL	127	47	112
MEI	193	75	153
JUN	83	37	73
JULAI	108	37	61
OGOS	167	35	122
SEPTEMBER	138	70	126
OKTOBER	169	50	124
NOVEMBER	147	42	91
DISEMBER	851	21	36
<b>JUMLAH</b>	<b>1519</b>	<b>569</b>	<b>1500</b>

**SEBERANG PERAI ADALAH BANDAR RENDAH KARBON**

Usaha yang diambil oleh bandar Seberang Perai dalam sedekad yang lalu telah menunjukkan pengurangan yang mengagumkan dalam pelepasan karbon di Seberang Perai. Ditambah pula dengan kepimpinan yang mantap dan penyertaan pelbagai komponen masyarakat, Seberang Perai mampu menterjemah agenda global kepada tindakan tempatan (*local action*) yang seterusnya membantu dalam memerangi ancaman Perubahan Iklim global.

Seberang Perai dengan bangganya boleh diisyiharkan sebagai Bandar Rendah Karbon seperti data yang ditunjukkan dalam Jadual 5 dan graf yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Bandar Karbon Rendah ialah sebuah bandar yang mampu menyediakan pembangunan bandar dalam had bandar tanpa menjaskan keperluan penduduknya dan pada masa yang sama mampu mengawal tahap pelepasan gas rumah hijau di bawah purata global. Kadar per kapita pelepasan pada tahun 2021 adalah kira-kira 5.39 tan CO<sub>2</sub> eq adalah di bawah purata global yang mencatatkan jumlah 5.47 tan CO<sub>2</sub> eq pada tahun yang sama.

EMISSION PER YEAR	2016	2017	2018	2019	2020	2021
S.PERAi PERCAPITA EMISSION (tonnes CO <sub>2</sub> eq)	8.05	7.83	7.61	6.57	5.93	5.39
GLOBAL PERCAPITA AVERAGE (tonnes CO <sub>2</sub> eq)	4.95	5.05	5.15	5.25	5.36	5.47
DIFFERENCES (%)	62.63%	55.05%	47.77%	25.14%	10.63%	-1.46%

Jadual 2 : Pelepasan perkapita Seberang Perai dan Global dari 2016 hingga 2021



#### PENGIRAAN GHG EMISSION PERCAPITA

$$\frac{\text{JUMLAH PELEPASAN} \quad \text{PELEPASAN PERKAPITA}}{\text{(kilotonnes CO}_2\text{eq)}} = \frac{\text{PENDUDUK}}{\text{(tonnes CO}_2\text{eq)}}$$

## PENGURANGAN PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU

### DATA PELEPASAN KARBON SEBERANG PERAI

EMISSION PER YEAR		2016	2017	2018	2019	2020	2021
<b>SECTORS</b>	Stationary Energy (kilotonnes CO <sub>2</sub> eq)	3,234.07	3,157.93	3,083.58	2,366.51	2,183.98	2,079.82
	Mobile Energy (kilotonnes CO <sub>2</sub> eq)	2,887.87	2,943.28	2,982.61	2,835.79	2,564.31	2,276.06
	Waste (kilotonnes CO <sub>2</sub> eq)	811.11	846.79	891.42	927.08	1,002.03	906.97
	IPPU (kilotonnes CO <sub>2</sub> eq)	324.43	325.27	325.72	326.50	267.80	329.65
	AFOLU (kilotonnes CO <sub>2</sub> eq)	171.94	172.69	173.03	173.50	142.46	174.33
<b>TOTAL</b>	<b>TOTAL EMISSION (kilotonnes CO<sub>2</sub>eq)</b>	<b>7,429.42</b>	<b>7,445.96</b>	<b>7,456.36</b>	<b>6,629.38</b>	<b>6,160.58</b>	<b>5,764.83</b>
	<b>PERCAPITA EMISSION (kilotonnes CO<sub>2</sub>eq)</b>	<b>8.05</b>	<b>7.83</b>	<b>7.61</b>	<b>6.57</b>	<b>5.93</b>	<b>5.39</b>

Jadual 1 : Pelepasan Karbon di Seberang Perai mengikut sektor dari 2016 hingga 2021

- Mengumpul gambar-gambar dan maklumat setiap program di jabatan.
- Menerbitkan majalah jabatan mengikut aktiviti-aktiviti yang berlangsung dalam peringkat jabatan.
- Menyediakan kontrak bagi kerja-kerja naiktaraf pengindahan taman-taman rekreasi di bawah selenggaraan Majlis (Projek Khas)
- Menyedia kertas kerja dan senarai kuantiti (*Bill of Quantities*) bagi setiap kerja-kerja naiktaraf yang telah dirancang.
- Memantau kerja-kerja naiktaraf yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor di tapak bina

Perkhidmatan teras bagi Unit Operasi adalah penyelenggaraan pokok teduhan. Bermula Januari hingga Disember 2021, sebanyak 14,005 batang pokok teduhan yang berisiko telah dipangkas.




PERKHIDMATAN  
NAJASAH



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN



## **1.0 PENGENALAN**

### **1. LATAR BELAKANG**

- 1.1 Jabatan Perkhidmatan Kesihatan menyediakan perkhidmatan kesihatan awam termasuk kawalan vektor, kawalan kebersihan dan keselamatan makanan, perkhidmatan klinik dan perkhidmatan veterinar.

### **2. OBJEKTIF**

- 2.1 Meninggikan taraf kesihatan dan mutu kehidupan warga Seberang Perai, serta membolehkan mereka menjalankan penghidupan yang sihat dan produktif di bidang ekonomi dan sosial.
- 2.2 Menyediakan perkhidmatan kesihatan awam dan perkhidmatan veterinar yang berkualiti.
- 2.3 Meningkatkan produktiviti dengan menerapkan etika kerja yang baik serta nilai-nilai murni, memperkemaskan pentadbiran dan membentuk satu imej korporat yang dibanggakan.
- 2.4 Meningkatkan kerjasama dan kordinasi antara agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam aktiviti-aktiviti fungsi Jabatan.

### **3. FUNGSI JABATAN**

- 3.1 Merancang, mengawal dan melaksana program-program berkaitan perkhidmatan kesihatan awam termasuk kawalan vektor, kawalan kebersihan dan keselamatan makanan, perkhidmatan klinik, pelesenan veterinar dan kawalan haiwan merayau.
- 3.2 Menyedia dan memberi perkhidmatan yang kreatif dan inovatif untuk faedah dan kesejahteraan warga Seberang Perai.
- 3.3 Memainkan peranan yang berkesan dengan mendapatkan penyertaan agensi swasta, NGO, CBO serta warga Seberang Perai dalam hal ehwal perkhidmatan kesihatan awam dan perkhidmatan veterinar.

### **4. ORGANISASI**

Jabatan mempunyai (3) Bahagian dan Unit seperti berikut :-

- 4.1 Bahagian Pentadbiran
- 4.2 Bahagian Kesihatan Awam
- i. Unit Kawalan Vektor dan Semak Samun.
  - ii. Unit Pengurusan Kebersihan dan Keselamatan Makanan.
  - iii. Unit Kawalan Kacauganggu.
  - iv. Unit Kawalan Semak Samun Dan Pembangunan.
  - v. Unit Perkhidmatan Klinik.
- 4.3 Bahagian Perkhidmatan Veterinar.
- 4.4 Bahagian Pengurusan Strategik dan Kualiti.

### **5. FUNGSI DAN AKTIVITI BAHAGIAN / UNIT**

#### **5.1 Bahagian Pentadbiran**

- Pengurusan
  - i. Pengurusan pejabat.
  - ii. Pengurusan perjawatan / perkhidmatan.
  - iii. Pengendalian aduan.

- Bekalan
  - i. Penyelenggaraan dan pengendalian mesin pejabat.
  - ii. Pengurusan perolehan / pembelian dan bekalan.
  - iii. Pengurusan Stok dan Inventori.
- Pengurusan Kewangan
  - i. Penyedian Bajet Jabatan.
  - ii. Pengurusan Pendapatan & Perbelanjaan Jabatan.
- Aktiviti Bahagian Pentadbiran
  - Penyelenggaraan hal-hal perkhidmatan / personel.
  - Pengurusan aduan.
  - Penerimaan dan penghantaran surat-surat / dokumen.
  - Penyelenggaraan sistem fail.
  - Kerja-kerja mencetak dan penduaan.
  - Penyelenggaraan buko vot Jabatan / vot bersama.
  - Pengurusan perolehan.
  - Penyelenggaraan Panjar Wang Runcit.
  - Pengurusan stok / alat tulis Jabatan.
  - Perngurusan kenderaan dan kad tol elektronik.

## 5.2 Bahagian Kesihatan Awam

### 5.2.1 Unit Kawalan Vektor

- a) Merancang, mengawal dan melaksanakan program-program berkaitan kawalan vektor. Perkhidmatan kawalan vektor termasuk perkhidmatan mengawal dan mencegah penyakit bawaan vektor khususnya penyakit demam denggi dan lain-lain penyakit bawaan vektor yang mengancam kesihatan orang awam dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah :-

- i. Semburan racun nyamuk dewasa (*fogging*).
- ii. Semburan anti larva.
- iii. Pemeriksaan premis (*aedes survey*).
- iv. Pendidikan Kesihatan Awam - ceramah dan pameran.
- v. Cari dan musnah tempat pembiakan.
- vi. Gotong royong memusnahkan tempat pembiakan nyamuk.
- vii. Semburan racun serangga yang merbahaya
- viii. Tindakan perundangan - Notis dan Kompaun Akta Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- ix. Kawalan lalat.
- x. Kawalan tikus.

- b) Menyedia dan memberi perkhidmatan kawalan vektor yang kreatif, inovatif dan berkualiti.

Kawalan penyakit berjangkit :-

- i. Mengumpul data kejadian semua penyakit berjangkit dari pejabat kesihatan dalam kawasan perbandaran Seberang Perai.
- ii. Membuat analisis kadar insiden setiap penyakit berjangkit dan penyediaan carta berkaitan.
- iii. Meningkatkan pengawasan penyakit berjangkit terutama penyakit bawaan makanan dan air serta penyakit vektor.
- iv. Memberi bantuan dalam siasatan apabila berlaku wabak.

- b) Menyedia dan memberi perkhidmatan kawalan vektor yang kreatif, inovatif dan berkualiti.

Kawalan penyakit berjangkit :-

- i. Mengumpul data kejadian semua penyakit berjangkit dari pejabat kesihatan dalam kawasan perbandaran Seberang Perai.
- ii. Membuat analisis kadar insiden setiap penyakit berjangkit dan penyediaan carta berkaitan.
- iii. Meningkatkan pengawasan penyakit berjangkit terutama penyakit bawaan makanan dan air serta penyakit vektor.
- iv. Memberi bantuan dalam siasatan apabila berlaku wabak.

- c) Memainkan peranan yang berkesan dari segi mendapatkan penyertaan agensi swasta, NGO, CBO serta warga Seberang Perai dalam hal ehwal kawalan vektor.

Pendidikan Kesihatan Awam :-

- i. Mengadakan pendidikan kesihatan awam untuk murid-murid sekolah.
- ii. Penyediaan risalah-risalah, poster dan maklumat lain dalam aspek kawalan penyakit berjangkit.
- iii. Pengurusan pameran kawalan penyakit berjangkit.

#### 5.2.2 Unit Pengurusan Kebersihan dan Keselamatan Makanan

- Pemeriksaan Premis Makanan
- Penggredian Premis Makanan
- Pengauditan & Penarafan Bintang Tandas Awam
- Penguatkuasaan & Pendidikan Kesihatan

- a) Pemeriksaan Premis Makanan :

Memeriksa dan menilai tahap kebersihan premis makanan berpandukan garis panduan yang ditetapkan. Premis makanan yang mencapai tahap kebersihan yang cemerlang diberikan penghargaan berupa stiker (Gred A & B ) sebagai dorongan dan inspirasi kepada premis makanan lain.

- b) Objektif Pemeriksaan Premis Makanan

- i. Menyalurkan pendidikan kesihatan kepada pengusaha dan pengendali makanan berkaitan kepentingan tatacara pengurusan premis yang mematuhi undang-undang serta memastikan keselamatan makanan yang dijual.

- ii. Mempertingkat serta mengekalkan tahap kebersihan premis makanan.
- iii. Menyedarkan pengguna supaya mementingkan aspek kebersihan premis dan keselamatan makanan ketika memilih untuk makan di luar.
- iv. Mengurangkan kejadian insiden dan prevalen kes penyakit bawaan makanan dan air seperti keracunan makanan.
- v. Mengklasifikasikan kedudukan tahap kebersihan premis makanan yang beroperasi di Seberang Perai.

c) Tujuan Penggredan

- i. Menilai sera memilih premis makanan yang sentiasa menjaga kebersihan mengikut garis panduan dan undang-undang.
- ii. Memupuk sikap menjaga kebersihan pengendali makanan juga dengan penekanan untuk mempraktikkan amalan yang betul. Ini bertujuan mengelakkan dari pelbagai penyakit berjangkit bawaan makanan dan minuman (taun, demam kepialu, dysentery) dan keracunan makanan.
- iii. Memastikan makanan yang dijual selamat untuk dimakan oleh pelanggan.
- iv. Menjadikan Seberang Perai sebagai lokasi makanan yang bersih dan selesa demi menarik pelancong serta meningkatkan pelaburan.

5.2.3 Unit Kawalan Kacauganggu

a) Tindakan penguatkuasaan ke atas aduan penghunian secara penuh sesak dan pencemaran. Menjalankan pemantauan ke lokasi kacau ganggu yang melibatkan menghuni secara penuh sesak di sesuatu taman perumahan diikuti pencemaran bunyi bising dan bau serta masalah sosial / moral, penyakit berjangkit dan isu sampah sarap.

Aktiviti-aktiviti :-

- Pengeluaran kompaun dibuat ke atas pengurus/penyelia premis supaya tidak wujud kacauganggu melalui pengurangan bilangan penghuni dalam sesuatu premis mengikut garis panduan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Seksyen 79) bermaksud seorang penghuni bagi 350 kaki padu bagi sesebuah premis.
- Membuat siasatan ke atas isu pembakaran terbuka dari orang awam dan memaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar.
- Lain-lain isu yang boleh menyebabkan masalah kesihatan awam & kacauganggu terhadap orang awam akibat penyalahgunaan bangunan dan persekitaran (Seksyen 81) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

b) Pemusnahan gagak/burung merpati

- i. Menjalankan pemantauan di lokasi aduan burung gagak. Selain itu, pemasangan perangkap bagi burung gagak dan menangkap merpati menggunakan kaedah menjala di lokasi aduan.
- ii. Mendapat kelulusan daripada pihak polis untuk menjalankan operasi menembak gagai di lokasi aduan.

c) Aktiviti Burung Walit

- i. Menjalankan aktiviti pemantauan ke atas premis menternak burung walit dari segi kacauganggu bunyi bising yang diakibatkan oleh bunyi daripada pembesar suara. Keutamaan pemantauan diberi kepada lokasi premis yang mendapat aduan daripada orang awam.

- ii. Mengambil bacaan kadar bunyi bising bagi setiap premis yang disiasat. Tindakan penguatkuasaan Notis Kacauganggu Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk tempoh 24 jam dikeluarkan bagi premis yang gagal mematuhi kadar bunyi pembesar suara yang dibenarkan.
- iii. Setelah siasatan susulan dijalankan terhadap premis yang masih ingkar arahan notis, tindakan rampasan pembesar suara akan dilaksanakan sebagai langkah akhir untuk tujuan mengurangkan masalah bunyi bising dari premis burung walit.

**5.2.4 Unit Kawalan Semak Samun Dan Pembangunan.**

- Memberi ulasan terhadap pelan-pelan (Bangunan dan Susunatur) yang diterima daripada Jabatan Bangunan dan Jabatan Perancang Bandar.
- Lawatan / siasatan ke atas pelan dan permohonan Sijil Layak Menduduki dan Jawatankuasa Mendengar Bantahan.
- Menerima aduan serta bancian bagi premis atau tanah lapang yang ditinggal dan dibiarkan menjadi semak-samun dan menjadi kacauganggu serta ketidakselesaan dan ketenteraman penduduk persekitaran.
- Langkah-langkah yang diambil adalah mengenalpasti pemilik premis/tanah di Jabatan Penilaian, Pejabat Tanah dan Galian, dan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).
- Tindakan notis dan tuntutan dikeluarkan untuk tempoh 3 hari disusuli tindakan kompaun jika gagal berbuat demikian. Sekiranya kerja pembersihan dijalankan MPSP, tuntutan akan dibuat melaui tindakan mahkamah.

Aktiviti untuk pembangunan :-

- Semakan dan Ulasan Pelan (Bangunan dan Susunatur) meliputi :-
  - a) Pelan Individu
  - b) Pelan Perumahan
  - c) Pelan Industri
- Lawatan Tapak
  - a) Sijil Layak Menduduki
  - b) Lawatan Bantahan
- Menghadiri Mesyuarat
  - a) Mesyuarat 'One Stop Center' (OSC)

**5.2.5 Unit Perkhidmatan Klinik.**

- Perkhidmatan Klinik
  - a) Memeriksa kesihatan fizikal dan memberi pendidikan kepada semua pengendali makanan.
  - b) Memberi suntikan imunisasi Typhim VI kepada pengendali makanan di seluruh Seberang Perai.
  - c) Mengurus temujanji dan melaksanakan perkhidmatan Klinik Bergerak.
  - d) Memberi bantuan awal rawatan kecemasan kepada kakitangan Majlis yang mengalami kecederaan.
  - e) Pemeriksaan tekanan darah, BMI dan pendidikan kesihatan mengikut keperluan pada kakitangan.
  - f) Melakukan program bersama komuniti.

### **5.3 Bahagian Perkhidmatan Veterinar**

- Kawalan dan pelesenan ladang ternakan.
- Kawalan dan pelesenan pemeliharaan anjing.
- Kawalan haiwan merayau.
- Penangkapan anjing terbiar, gagak dan pemusnahan tikus.
- Penguatkuasaan Undang-undang yang berkaitan.

#### a) Aktiviti Bahagian Perkhidmatan Veterinar

- i. Memberi ulasan teknikal berkaitan permohonan lesen veterinar termasuk pemeriksaan atas syarat-syarat permohonan, membuat laporan dan rekomendasi terhadap permohonan.
- ii. Pengeluaran lesen anjing.
- iii. Pengeluaran permit sembelihan untuk kenduri dan agama.
- iv. Penangkapan haiwan berkeliaran (anjing, kucing, lembu, kerbau dan kambing).

### **5.4 Bahagian Pengurusan Strategik Dan Kualiti**

1. Menguruskan, melaporkan dan membantu merancang Pelan Strategi Seberang Perai, Seberang Perai Corporate Priorities, Sasaran Kerja Jabatan Perkhidmatan Kesihatan serta aktiviti berkaitan.
2. Menguruskan dan menyelaras semua aktiviti kualiti dan inovasi di peringkat Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.
3. Mengkaji, mengenalpasti dan mencadangkan semua proses kerja baru, Prosidur Operasi Standard (SOP) arahan kerja dan seumpamanya kepada Ketua Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.
4. Membuat audit terhadap kerja-kerja berkaitan Prosidur Operasi Standard (SOP) Jabatan yang dilaksanakan untuk memastikan prosidur dipatuhi oleh kakitangan terlibat.
5. Mengkaji, mengenalpasti dan menyelaraskan pembangunan sistem komputer bagi peringkat Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

## **6.0 LAPORAN DAN STATISTIK**

### **6.1 Hasil dan Perbelanjaan**

**JADUAL 1 : PERBELANJAAN JABATAN TAHUN 2019 – 2021**

KOD	PERBELANJAAN	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
15102	<b>Emolumen</b>	3,891,704.86	4,460,283.85	4,592,046.12
21101	<b>Pengangkutan &amp; Perjalanan</b>	116,391.65	157,293.10	134,439.18
26104	<b>Bekalan Alatan Kecil Perbersihan</b>	84.20	2,855.60	8,432.15
26107	<b>Bekalan Alat Veterinar</b>	87,583.44	90,923.95	119,226.00
26201	<b>Bekalan Petrol dan Diesel</b>	49,167.64	43,799.28	52,725.33
26702	<b>Bekalan Bahan Kimia Untuk Kawalan Vektor</b>	47,919.10	49,694.00	49,780.00
27401	<b>Bekalan Ubatan</b>	144,161.60	379,069.85	210,642.50
27801	<b>Bekalan Runcit</b>	303.00	317.75	180.90
28401	<b>Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Mesin-Mesin</b>	0.00	23.00	0.00

KOD	PERBELANJAAN	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
29107	Aktiviti Penghapusan Kacau Ganggu	33,733.80	52,226.20	870.00
29405	Program Kesihatan	38,814.45	32,364.00	33,663.20
42917	Program Karnival Haiwan Kesayangan	18,600.93	4,995.00	2,500.00
42918	Program Anjing Terbiar Sifar	0.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH</b>		<b>4,428,464.67</b>	<b>5,291,845.58</b>	<b>5,204,505.38</b>

**JADUAL 2 : HASIL JABATAN TAHUN 2019 – 2021**

KOD	PERKARA	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
71400	Veterinar	92,517.85	114,310.25	57,394.20
71620	Pendaftaran Anjing	61,210.00	82,570.00	79,416.00
71630	Permit Sembelihan Binatang	510.00	25.00	0.00
72340	Tuntutan Belanja Kerja Pembersihan Semak	6,413.88	-	1,680.00
72700	Imunisasi	395,385.00	292,025.00	169,592.90
73900	Lelong Ternakan Haiwan Merayau	2,066.00	13,790.00	4,811.00
76413	Kompaun Jabatan Kesihatan	70,117.00	121,407.00	10,575.00
76420	Kompaun Veterinar	94,336.00	53,383.00	84,813.00
79110	Pelbagai Hal	22,551.00	29,243.50	3,792.00
<b>JUMLAH</b>		<b>745,106.73</b>	<b>706,753.80</b>	<b>412,074.10</b>

6.2.1 Unit Kawalan Vektor.

**JADUAL 3 : AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH  
OLEH UNIT KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR JABATAN KESIHATAN  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI 2019 – 2021**

BIL	AKTIVITI	TAHUN		
		2019	2020	2021
A	KAJIAN AEDES			
	1 Bil Premis Diperiksa (Rumah, Premis Barang Lusuh, Kilang DLL)	71	60	558
	2 Bil Premis Positif	16	24	49
	3 Bil Tapak Binaan Diperiksa	148	101	63
	4 Bil Tapak Binaan Positif	99	34	39
	5 Bil Sekolah Diperiksa	2	-	1
B	NOTIS / KOMPAUN	2019	2020	2021
1	Bil Kompaun Dikeluarkan	139	126	88
2	Hasil Kutipan Kompaun (RM)	23294	6666	
3	Bil Notis Dikeluarkan	169	188	120
4	Bil Tindakan Mahkamah	1	-	-
5	Bil Premis Ditutup	-	-	-

BIL	AKTIVITI	TAHUN		
C	PENGASAPAN / ABATE	2019	2020	2021
1	Bil Premis Disembur Antilarva	57856	32748	34325
2	Bil Premis Disembur Kabus	3581	2371	1760
3	Bil ULV	-	-	-
4	Bil Sekolah Fogging	12	1	1
D	LAIN-LAIN AKTIVITI	2019	2020	2021
1	Bil Gotong-Royong	505	120	12
2	Bil Bekas Dimusnah	4568	1212	1788
3	Bil Bekas Diperiksa	16813	4572	6651
4	Tanah Kosong / Semak	62	43	32
5	Bil Aduan / Disiasat	422	643	477
6	Pemberian Abate : gm	6679gm	4510gm	6990gm
7	Risalah / Poster	6955	3560	4550


JADUAL 4 : AKTIVITI KAWALAN TIKUS DAN PEMUSNAHAN TIKUS (2019 – 2021)

Tahun	JUMLAH TANGKAPAN TIKUS						
	Harian (Ekor)	Kompleks Makanan (Ekor)	Aduan (Ekor)	Gotong-Royong (Ekor)	Jumlah (Ekor)	Kompaun	Notis
2019	1772	626	412	73	2883	11	24
2020	1383	517	417	74	2391	6	14
2021	2098	734	505	45	3382	2	5




Kawalan dan pemusnahan tikus

**JADUAL 5 : LAPORAN PENCAPAIAN PEMERIKSAAN DAN PENGGREDIAN PREMIS MAKANAN  
TAHUN 2019-2021**



**JADUAL 6 : MENUNJUKKAN PERATUSAN PENGGREDIAN PREMIS MAKANAN  
2019-2021**



JADUAL 7 : LAPORAN PENGAUDITAN TANDAS DAN PENARAFAN BINTANG TANDAS AWAM 2021

LAPORAN PENGAUDITAN DAN PENARAFAN BINTANG TANDAS AWAM 2021  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

BIL	TARAF BINTANG	TANDAS MASJID	TANDAS STESEN MINYAK	TANDAS HOTEL	TANDAS PASARAYA	TANDAS PASAR AWAM	TANDAS KOMPLEKS MAKANAN	TANDAS MILIK MPSP	STESEN BAS	RESTORAN/ KEDAI MAKAN	JUMLAH
1	0 BINTANG	0	0	0	0	3	6	0	0	0	9
2	1 BINTANG	3	2	0	0	4	5	0	0	0	14
3	2 BINTANG	40	3	1	1	6	8	1	0	0	60
4	3 BINTANG	67	36	1	10	13	16	5	6	400	554
5	4 BINTANG	18	55	7	14	4	3	12	1	564	678
6	5 BINTANG	15	45	18	11	2	1	10	0	417	519
7	NAIK TARAF	2	0	0	2	0	0	0	0	0	4
<b>IMLAH KESELURUHAN</b>		<b>145</b>	<b>141</b>	<b>27</b>	<b>38</b>	<b>32</b>	<b>39</b>	<b>28</b>	<b>7</b>	<b>1381</b>	<b>1838</b>

Laporan pengauditan tandas Daerah SPU

BIL	TARAF BINTANG	TANDAS MASJID	TANDAS STESEN MINYAK	TANDAS HOTEL	TANDAS PASARAYA	TANDAS PASAR AWAM	TANDAS KOMPLEKS MAKANAN	TANDAS MILIK MPSP	STESEN BAS	RESTORAN/K EDAI MAKAN	JUMLAH
1	0 BINTANG	0	0	0	0	1	0	0	0		1
2	1 BINTANG	3	2	0	0	2	3	1	0		11
3	2 BINTANG	36	3	1	1	4	2	0	0		47
4	3 BINTANG	16	18	0	1	2	3	4	2	235	281
5	4 BINTANG	9	13	4	2	1	4	0	1	73	107
6	5 BINTANG	7	5	4	2	0	0	0	0	88	106
7	NAIK TARAF	2	0	0	0	0	0	0	0	0	2
<b>IMLAH KESELURUHAN</b>		<b>73</b>	<b>41</b>	<b>9</b>	<b>6</b>	<b>10</b>	<b>12</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>396</b>	<b>555</b>

Laporan pengauditan tandas Daerah SPT

BIL	TARAF BINTANG	TANDAS MASJID	TANDAS STESEN MINYAK	TANDAS HOTEL	TANDAS PASARAYA	TANDAS PASAR AWAM	TANDAS KOMPLEKS MAKANAN	TANDAS MILIK MPSP	STESEN BAS	RESTORAN/K EDAI MAKAN	JUMLAH
1	0 BINTANG	0	0	0	0	0	6	1	0		7
2	1 BINTANG	0	0	0	0	0	0	0	0		0
3	2 BINTANG	1	0	0	0	3	5	2	0		11
4	3 BINTANG	38	13	1	8	8	13	8	3	394	486
5	4 BINTANG	3	30	0	10	1	3	13	0	154	214
6	5 BINTANG	5	32	9	7	1	0	4	0	160	218
7	NAIK TARAF	0	0	0	2	0	0	0	0	0	2
<b>IMLAH KESELURUHAN</b>		<b>47</b>	<b>75</b>	<b>10</b>	<b>27</b>	<b>13</b>	<b>27</b>	<b>28</b>	<b>3</b>	<b>708</b>	<b>938</b>

Laporan pengauditan tandas Daerah SPS

BIL	TARAF BINTANG	TANDAS MASJID	TANDAS STESEN MINYAK	TANDAS HOTEL	TANDAS PASARAYA	TANDAS PASAR AWAM	TANDAS KOMPLEKS MAKANAN	TANDAS MILIK MPSP	STESEN BAS	RESTORAN/K EDAI MAKAN	JUMLAH
1	0 BINTANG	0	0	0	0	0	0	0	0		0
2	1 BINTANG	0	0	0	0	0	0	0	0		0
3	2 BINTANG	3	0	0	0	1	2	0	0		6
4	3 BINTANG	13	5	0	1	3	1	0	1	120	144
5	4 BINTANG	6	12	3	2	3	0	0	0	94	120
6	5 BINTANG	3	8	5	2	0	2	0	0	62	82
7	NAIK TARAF	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>IMLAH KESELURUHAN</b>		<b>25</b>	<b>25</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>276</b>	<b>352</b>

JADUAL 8 : AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN & PENGUATKUASAAN TAHUN 2021

AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN & PENGUATKUASAAN TAHUN 2021											
BIL	PERKARA	AKTIVITI									JUMLAH
1	Pengendali Makanan	i.	Bilangan pengendali makanan								9949
		ii.	Bilangan pengendali menjalani pemeriksaan kesihatan dan suntikan pelalian anti-tifoid								9949
		iii.	Bilangan pengendali menjalani Kursus Asas Pengendali Makanan								9153

AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN & PENGUATKUASAAN TAHUN 2021			
BIL	PERKARA	AKTIVITI	JUMLAH
2	Tindakan Penguatkuasaan	i. Bilangan operasi dijalankan ii. Bilangan notis dikeluarkan iii. Bilangan kompaun dikeluarkan iv. Bilangan sitaan / rampasan	17 198 87 0
3	Pendidikan Kesihatan	i. Bilangan kempen keselamatan makanan ii. Bilangan risalah / poster diedarkan iii. Bilangan pameran iv. Bilangan ceramah v. Bilangan gotong-royong kebersihan premis makanan	3 3457 0 0 0

6.2.3 Unit Kawalan Kacauganggu.

JADUAL 10 : JUMLAH BURUNG GAGAK YANG TELAH DIMUSNAHKAN 2021

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Oct	Nov	Dis	Jumlah
Tembak (ekor)	-	10	18	7	51	-	-	-	-	8	45	24	163
Pemusnahan Sarang gagak (anak)	-	-	-	-	8	-	18	4	-	-	-	-	30
Perangkap	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
Jumlah Tembak + Perangkap (Ekor)												193	



JADUAL 11 : AKTIVITI RAMPASAN SPEAKER BURUNG WALIT TAHUN 2019 – 2021

	2019	2020	2021
JUMLAH NOTIS DIKELUARKAN	48	58	67
BIL. OPERASI DIJALANKAN	6	2	6
BIL. PREMIS DIBUAT RAMPASAN SPEAKER	10	8	4

6.2.4 Unit Kawalan Semak Samun Dan Pembangunan.

**JADUAL 12 : AKTIVITI PENGUATKUASAAN SEMAK SAMUN BAGI TAHUN 2019 – 2021**

AKTIVITI PENGUATKUASAAN SEMAK SAMUN	2019	2020	2021
JUMLAH NOTIS DIKELUARKAN	1034	947	939
JUMLAH KOMPAUN DIKELUARKAN	144	62	84
JUMLAH KES SELESAI	510	857	764

6.2.5 Unit Perkhidmatan Klinik

**JADUAL 13 : PERKHIDMATAN KLINIK BAGI PENGENDALI MAKANAN YANG DIBERI IMUNISASI DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN 2018 – 2021**

TAHUN	BILANGAN INDIVIDU	PEMERIKSAAN KESIHATAN / SUNTIKAN IMUNISASI
2018	6857	6857
2019	6952	6952
2020	4940	4940
2021	2540	2540
<b>JUMLAH</b>	<b>27814</b>	<b>27814</b>

6.2.6 Laporan dan Statistik Bagi Bahagian Veterinar

**JADUAL 14 : JENIS DAN BILANGAN PERMOHONAN LESEN BAHAGIAN VETERINAR**

BIL	JENIS LESEN	2019	2020	2021
1	Ternakan lembu / kambing	20	10	17
2	Ternakan Khinzir	0	0	0
3	Ternakan Ikan / Udang	0	1	0
4	Ternakan Ayam	0	0	0

**JADUAL 15 : BILANGAN TANGKAPAN HAIWAN MERAYAU DAN JUMLAH KUTIPAN DENDA**

JENIS TERNAKAN	2019	2019	2019
Lembu	11	15	4
Kambing	3	6	3
Kerbau	1	0	0
Khinzir	0	0	0
Jumlah	15	0	7
<b>JUMLAH KUTIPAN HASIL</b>	<b>RM 15,862.00</b>	<b>RM 25,295.50</b>	<b>RM 4,170.00</b>

**JADUAL 16 : BILANGAN TANGKAPAN DISITA**

JENIS TERNAKAN	2019	2020	2021
Lembu	0	0	2
Kambing	0	0	0
Haiwan Kesayangan	75	0	7
Unggas	65	293	166
<b>JUMLAH KUTIPAN HASIL</b>	<b>RM 2,920.00</b>	<b>RM 2,380.00</b>	<b>RM 3,771.00</b>

**JADUAL 17 : BILANGAN TANGKAPAN HAIWAN BERKELIARAN**

JENIS HAIWAN	2019	2020	2021
Anjing	3188	2362	2113
Kucing	1306	1212	1658
<b>JUMLAH</b>	<b>4494</b>	<b>3574</b>	<b>3771</b>

**JADUAL 18 : BILANGAN PEMANDULAN HAIWAN KESAYANGAN**

JENIS HAIWAN	2019	2020	2021
Anjing	15	11	34
Kucing	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>	<b>11</b>	<b>34</b>

**JADUAL 19 : BILANGAN PENGETAHUAN KOMPAUN DAN NOTIS (VETERINAR)**


BIL	UNIT	2019		2020		2021	
		KOMPAUN	NOTIS	KOMPAUN	NOTIS	KOMPAUN	NOTIS
1	Unggas	131	83	134	67	142	40
2	Khinzir	337	115	214	114	246	32
3	Ruminan	94	70	120	48	122	46
4	Haiwan Kesayangan	296	254	271	352	272	256
5	Akuakultur	56	7	51	5	53	9
<b>JUMLAH</b>		<b>914</b>	<b>529</b>	<b>790</b>	<b>586</b>	<b>835</b>	<b>383</b>

# DIREKTORAT PENGUATKUASAAN



# CARTA ORGANISASI

## DIREKTORAT PENGUATKUASAAN



NOTA:

1. LKH (LESEN HALANGAN & KENDERAAN BERAT)
2. ULK (UNIT LETAK KERETA)
3. UKT (UNIT KUNCI TAYAR)

## **1.0 PENGENALAN**

Direktorat Penguatkuasaan menjalankan tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan oleh Majlis dan membantu jabatan dalam MBSP dan agensi luaran menjalankan tindakan penguatkuasaan.

### **1.1 FUNGSI JABATAN**

- Penguatkuasaan tempat letak kereta yang diwartakan
- Penguatkuasaan kunci tayar
- Pengurusan dan penyelarasan caj letak kereta jam, harian, caj bulanan dan tempat letak kereta langganan tetap (sewaan petak khas).
- Pemantauan penyelarasan dan penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran
- Pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti mengotorkan jalan
- Pemeriksaan dan penguatkuasaan aktiviti hiburan
- Penguatkuasaan melibatkan halangan am
- Penguatkuasaan kenderaan berat dalam kawasan perumahan
- Pengurusan stor sitaan barang sitaan / kenderaan dan rampasan
- Membantu jabatan dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan

## **1.1 STRUKTUR JABATAN**

### **1.1.1 BAHAGIAN PENGURUSAN PENGUATKUASAAN**

Bahagian ini berfungsi untuk menguruskan aduan, tuntutan / pelupusan barang sitaan, pengurusan stor sitaan, pengurusan kaunter bayaran di Pejabat Cawangan Jalan Betek, kawalan lalulintas program, kawalan kesesakan lalulintas dan pengurusan aset jabatan.

### **1.1.2 BAHAGIAN LETAK KERETA**

Bahagian ini berfungsi untuk memproses permohonan tempat letak kereta langganan tetap (sewaan petak khas), penguatkuasaan tunda kereta dan penguatkuasaan kunci tayar.

### **1.1.3 BAHAGIAN LESEN DAN HALANGAN**

Bahagian ini berfungsi ke atas tindakan penguatkuasaan penjaja, penguatkuasaan halangan am, penguatkuasaan kenderaan berat, penguatkuasaan premis hiburan, penguatkuasaan kacau ganggu, penguatkuasaan kereta buruk dan penguatkuasaan menurunkan bendera / banner/ sepanduk / iklan dan streamer parti politik.

### **1.1.4 BAHAGIAN BINAAN DAN KERJA TANAH**

Bahagian ini berfungsi untuk memberi bantuan tindakan penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran kepada agensi luar, penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran / halangan binaan / rampasan peralatan binaan, bantuan tindakan penguatkuasaan kepada jabatan dalam dan penguatkuasaan kenderaan mengotorkan jalan.

## 2.0 LAPORAN AKTIVITI

### 1. KOMPAUN LETAK KERETA

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Kompaun dikeluarkan ke atas Kenderaan	15,3408 kompaun
2	Jumlah Amaun yang dibayar	RM2,194,780.00
3	Notis Peringatan Kepada Pesalah (Notis Merah)	95,992 notis
4	Bilangan Kes Untuk Pendakwaan Ke Jabatan Undang-Undang	7,664 kes

### 2. KUNCI TAYAR

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Kenderaan yang dikunci Tayar	3,968 buah
2	Jumlah Amaun yang dibayar	RM193,200.00
3	Jumlah Kenderaan yang Ditunda	112

### 3. KOMPAUN HALANGAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Kompaun Halangan	861 kompaun
2	Jumlah Amaun yang Dibayar	RM17,085.00

### 4. KOMPAUN KERJA TANAH

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Kompaun Kenderaan Mengotorkan Jalan dikeluarkan	37 kompaun
2	Jumlah Kompaun Kenderaan Mengotorkan Jalan yang dikeluarkan	5 kompaun
3	Jumlah Amaun yang dibayar	RM550.00
4	Jumlah Kertas Pendakwaan Kesalahan Mengotorkan Jalan	8 kes

### 5. TINDAKAN PELESENAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Premis Hiburan yang Diperiksa	70 buah

## 6. TINDAKAN BANGUNAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Operasi Meruntuh	42 operasi
2	Notis Proviso yang dikeluarkan	45 notis
3	Notis Binaan Tanpa Kebenaran (Dikeluarkan Oleh Jabatan Bangunan)	91 notis
4	Notis Mengosong (Dikeluarkan Oleh Jabatan Bangunan)	52 notis
5	Pemantauan Kes Binaan Tanpa Kebenaran	96 notis

## 7. OPERASI (SITAAN DAN PINDAH HALANGAN)

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Kenderaan Berat	52 buah
2	Kenderaan Buruk yang disita	26 buah

## 8. JUMLAH KESELURUHAN PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Premis yang diperiksa	487,786 buah
2	Jumlah Pematuhan dan Peratusan Premis yang diperiksa	483,909 buah 99.2%

### 2.0 PENCAPAIAN JABATAN

- *Penang Green Office* untuk Tingkat 1, Pejabat Cawangan Jalan Betek, MBSP
- Perkhidmatan Cemerlang dan Sumbangan Bakti kepada Negeri Pulau Pinang bagi menjayakan inisiatif Penang Lawan Covid 19
- Hari Pasukan Beruniform MBSP Tahun 2021
- Majlis Penyerahan Bendera Kehormat Datuk Bandar MBSP
- Majlis Penyerahan Alat-Alat Kebesaran Datuk Bandar MBSP
- Kawad Kehormatan Sempena Perayaan Hari Bandaraya Tahun 2021

## HARI BERUNIFORM 2021



## OPERASI TUNDA



## OPERASI KERJA TANAH



## OPERASI BINAAN



## OPERASI KENDERAAN BERAT




KENASYARAKATAN



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN KEMASYARAKATAN



## 1.0 PENGENALAN

Jabatan Kemasyarakatan mempunyai kekuatan kakitangan seramai 77 orang yang diketuai oleh Pengarah Kemasyarakatan dan dibantu oleh 4 unit yang seperti di bawah:

- Unit Pentadbiran
- Unit Eko Komuniti
- Unit Sukan & Sosial
- Unit Media & Protokol

### 1.1 FUNGSI JABATAN

- Menyelia dan menyelenggara kompleks sukan dan dewan di bawah pentadbiran MBSP termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan.
- Merancang dan melaksana program sukan.
- Meningkatkan mutu sukan sejajar dengan keperluan semasa dalam kalangan masyarakat Seberang Perai.
- Mengembangkan minat sukan dalam kalangan kakitangan MBSP dan masyarakat.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan lain-lain pertubuhan dalam penganjuran aktiviti sukan dan sosial.
- Meningkatkan imej MBSP melalui pencapaian dalam bidang sukan dan sosial.
- Menguruskan lawatan ke luar dan dalam MBSP, permohonan cenderamata dan penggunaan bilik mesyuarat.
- Menerbitkan Laporan Tahunan, Buletin dan Risalah-Risalah berkaitan dengan Majlis.
- Menjadi Sekretariat LA21.
- Mengendalikan Majlis-Majlis Rasmi MBSP.
- Menyelaraskan keratan akhbar dan semua hal berkaitan dengan akhbar.
- Menyalurkan maklumat rasmi kepada penduduk Seberang Perai dan menjadi penghubung dalam media sosial Rasmi MBSP.
- Menguruskan program-program MBSP secara maya termasuklah proses penyediaan maklumat secara maya, *designing, presentation, gimik program, printing* dan lain-lain berkaitan media.
- Merancang, menyelaras dan melaksanakan acara-acara Rasmi MBSP
- Memberi khidmat nasihat mengenai protokol dan keperluan awam dalam Program Rasmi yang diuruskan oleh MBSP serta membantu pihak swasta dalam penganjuran majlis-majlis yang dihadiri oleh Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya.

## 2.0 LAWATAN DAN KUNJUNGAN

Sepanjang tahun 2021, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menerima lawatan dan kunjungan hormat daripada 8 delegasi dan pelawat.

### LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI 2021

BIL	TARIKH	AGENSI	KETUA DELEGASI	BIL. PESERTA	CATATAN
1	6 Januari	Majlis Perbandaran Manjung, Perak	Encik Mohd Haiza	9	Lawatan Kerja Bahagian Kawalan Perancang Bandar
2	5 Mac	Pejabat Penasihat Perbadanan PR1MA Malaysia	Encik Muhammad Adib bin Ramlee	30	Lawatan Tapak Bagi Kajian Rintis berkaitan <i>Vegetated Swale</i> beserta Taklimat Ringkas
3	5 April	PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)	Cik Siti Zalina binti Abu Bakar	35	Lawatan Pembangunan Malaysia Urban Observatory (MUO): Sesi Taklimat dan Perkongsian Pengalaman <i>Centrelize Command Centre</i> (CCC)
4	31 Ogos	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Encik Mohamad Rahimi	33	Lawatan KPKT Ke Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK)
5	9 September	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan	110	Lawatan Kerja Rasmi YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
6	2 Disember	Majlis Perbandaran Pengerang, Johor	Encik Mohd Fadzil bin Abdullah	39	Lawatan Penanda Arasan Bagi Kajian Pelan Tindakan dan Kebolehlaksanaan Bandar Pintar Pengerang
7	2 Disember	Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang	Encik Yusof bin Husain	14	Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Kuantan
8	22-24 Disember	Majlis Perbandaran Hulu Terengganu	Encik Saiful Azri bin Salleh	30	Bengkel Pengurusan Data dan Pengendalian Sistem Penguatkuasaan Bersepadu (SPB)

### 3.0 KERATAN AKHBAR

Jabatan ini ditugaskan untuk membuat keratan akhbar mengenai isu-isu MBSP dan yang berkaitan untuk tindakan MBSP serta untuk Sistem Keratan Akhbar.

**Statistik Keratan Akhbar Yang Telah Dibuat Sepanjang Tahun 2021**

Wakil daripada MBSP yang turut hadir bersama pada kunjungan hormat tersebut ialah ASP. Amirul Ariff bin Abdul Rahman, Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti, SM. Norlia binti Ariffin, Pembantu Penguatkuasa Kanan, Sjn Nor Azira binti Hussain, Pembantu Penguatkuasa Kanan dan Zuraida binti Johari, Pembantu Penguatkuasa Lawatan ini diadakan bertujuan untuk MBSP membentangkan taklimat ringkas tentang fungsi dan peranan Bahagian Keselamatan dan Komuniti MBSP kepada Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman. Menggerakkan lagi hubungan dua hala antara MBSP dan Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman.



Dari kiri : YDH ACP Naemah binti Mohd Sherif, YDH SAC Saiman bin Kasran, YDH CP Dato' Ramli bin Hj. Din, Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud, ASP. Amirul Ariff bin Abdul Rahman dan SM. Norlia binti Ariffin



Ybhg. Datuk Bandar membentangkan peranan dan fungsi Bahagian Keselamatan dan Komuniti kepada Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman



Ybhg. Datuk Bandar menerangkan sejarah Majlis Bandaraya Seberang Perai secara ringkas kepada YDH CP Dato' Ramli bin Hj. Din

**1. EXPO 2020 Dubai pada 1 November hingga 5 November 2021**

Pada 1 hingga 5 November 2021 Encik Wan Junaidy Bin Yahaya, Pengarah Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa dan Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perbandaran telah menghadiri EXPO 2020 Dubai. Penganjuran Pavilion tersebut bertujuan untuk membuka peluang kepada syarikat-syarikat tempatan bagi menyertai pameran dan sesi pemandangan perniagaan untuk memasuki pasaran global.

Ekspo Dubai 2020 ini penting bagi perkongsian amalan terbaik dalam pelaksanaan inisiatif bandar rendah karbon di peringkat antarabangsa. Selain itu, ia juga memberi peluang untuk mewujudkan jalinan kerjasama dan perjanjian persefahaman dengan negara-negara dikenal pasti membabitkan peluang pelaburan baharu dan dana bagi pelaksanaan projek-projek bandar rendah karbon di Malaysia.



Encik Wan Junaidy Bin Yahaya dan Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin menunjukkan Buku Pencapaian Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar Seberang Perai kepada agensi dari luar



Sesi Business Matching MBSP bersama Syarikat Luar Negara iaitu POWEREX



Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin membentangkan kertas kerja kepada peserta EXPO Dubai 2020 pada 2 November 2021

## WEBINAR

1. *Expert Group Meeting (EGM) on A new generation of Voluntary Local Reviews - Connecting VLRs and VNRs* pada 23 hingga 24 Februari 2021
2. *WeGO 2021 Kick-Off Event* pada 24 Februari 2021
3. *SDGs In Cities: UN-Habitat Comprehensive SDG Localization Approach* pada 10 Mac 2021
4. *The World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO) wishes to welcome you to the fourth installment of the “Smart Health Responder Webinar”* pada 31 Mac 2021
5. ICLEI Webinar Berhubung *“Climate Data In Cities: How And Why To Report”* pada 7 April 2021
6. *ICLEI Council Global Executive Committee Meeting (GexCom)* pada 12 April 2021
7. *Pre-Workshop Introductory Webinar* pada 15 April 2021
8. *Webinar Guidance : Reporting to the Global Covenant of Mayors (GCoM) in 2021* pada 29 April 2021
9. *EPIC Asia Training Landing Workshop* pada 25, 26 & 27 Mei 2021
10. *WeGO e-Government Thematic Group Webinar* pada 7 Jun 2021
11. *Temasek Foundation Urban Resilience Programme (TFURP) Information Sharing Session* pada 14 Jun 2021.
12. *WeGO invites Seberang Perai to participate as a main speaker in the upcoming 'Solutions Meet Cities' Webinar* pada 22 Jun 2021
13. *Hear from CEO of Temasek, UN Under-Secretary-General, Mayor of Bilbao & more at WCS 2021* pada 22 Jun 2021
14. *Promoting Zero Carbon Cities Through A “Decarbonization Domino Effect” Online Event Of Asia Pacific Climate Week 2021* pada 6 Julai 2021
15. *Webinar UN-Habitat @HLPF 2021 - SDG localization and local action for COVID-19 recovery* pada 14 hingga 16 Julai 2021
16. *Seberang Perai City\_ Participation on the 1st International Metropolitan Forum of Smart Cities* pada 29 Julai 2021
17. *Meet the 4th WeGO Awards Winners at Upcoming Webinar (Part 1)* pada 26 Ogos 2021
18. *Invitation From Narotama University As Speaker In The Jean Monnet Seminar “Sustainable Education And Human Capital Support In Eu Countries”* pada 3 September 2021
19. *8th UCLG ASPAC Congress* pada 7 September 2021
20. *4th WeGO Awards: Meet the Winners Webinars (Part 2)* pada 14 September 2021
21. *Temasek Foundation Urban Resilience Programme (TFURP)* pada 21,28,30 September hingga 1,5,7 Oktober 2021
22. *Invitation To The 4TH IMT-GT Green Cities Mayor Council Meeting* pada 1 Oktober 2021
23. *Daring Cities 2021 - The Global Virtual Forum for Urban Leaders taking on the Climate Emergency* pada 4 Oktober 2021
24. *Invitation to be Panelist to the Road To Kunming-Glasgow Virtual Conference : Combatting Climate Change and Biodiversity Loss in Malaysia* pada 15 Oktober 2021
25. *Rebuilding Better Together: Platforms for Low-Emission, Resilient, and Nature-Based Development Webinar* pada 15 Oktober 2021
26. *Reporting to the Global Covenant of Mayors - Overcoming common challenges* pada 21 Oktober 2021

27. SDG Cities Conference Registration and Agenda pada 29 Oktober 2021
28. Invitation As Speaker To The UNESCAP'S Regional Partners Forum (RPF) pada 29 Oktober 2021
29. Open Learning Forum on resilience and adaptation in cities, celebrating the CDP Cities A list, and other news from CDP Cities Asia Pacific pada 30 November 2021
30. International Urban And Regional Cooperation (IURC) Programme Circular Economy Thematic Webinar pada 14 Disember 2021

## LAPORAN ADUAN

### LAPORAN ADUAN TAHUN 2021

Bil	Bulan	Surat	Telefon	Lisan / Hadir	Internet	E-mel	Jumlah
1.	Januari	19	749	10	399	165	1342
2.	Februari	33	783	5	336	173	1330
3.	Mac	23	891	8	440	233	1595
4.	April	22	761	2	315	260	1360
5.	Mei	17	678	1	431	221	1348
6.	Jun	20	398	0	316	214	948
7.	Julai	11	584	0	321	212	1128
8.	Ogos	7	603	1	384	241	1236
9.	September	5	713	0	374	233	1325
10.	Oktober	6	823	0	369	293	1491
11.	November	10	847	0	314	298	1469
12.	Disember	24	781	0	394	280	1479
<b>Jumlah</b>		<b>197</b>	<b>8611</b>	<b>27</b>	<b>4393</b>	<b>2823</b>	<b>16051</b>

### LAPORAN ADUAN TAHUN 2021

Bil	Nama Kategori Aduan	SPU	SPT	SPS	Jumlah
1.	Haiwan	681 28.77%	1004 42.42%	682 28.18%	<b>2367</b> 100%
2.	Pokok	590 27.37%	1129 52.37%	437 20.27%	<b>2156</b> 100%
3.	Sampah	573 31.94%	819 45.65%	402 28.18%	<b>1794</b> 100%
4.	Longkang / Parit	442 30.48%	727 50.14%	281 19.38%	<b>1450</b> 100%
5.	Perniagaan	316 25.22%	605 48.28%	332 26.50%	<b>1253</b> 100%

**LAPORAN ADUAN TERTINGGI MENGIKUT JABATAN TAHUN 2021**

Bil	Nama Jabatan	Jumlah	%
1.	Perkhidmatan Kesihatan	4365	22.73
2.	Perkhidmatan Perbandaran	3654	19.03
3.	Kejuruteraan	2563	13.35
4.	Landskap	2326	12.11
5.	Pelesenan	1882	9.8
6.	Direktorat Penguatkuasaan	1517	7.9
7.	Bangunan	1073	5.59
8.	Pengurusan Krisis	518	2.7
9.	Pesuruhjaya Bangunan	331	1.72
10.	Perancang Bandar	69	0.36
11.	Perbendaharaan	50	0.26
12.	Penilaian Dan Pengurusan Harta	36	0.19
13.	Kemasyarakatan	26	0.14
14.	Teknologi Informasi Dan Komunikasi	26	0.14
15.	Khidmat Pengurusan	14	0.07
16.	Korporat Dan Perhubungan Antarabangsa	14	0.07
17.	Bahagian Keselamatan Dan Komuniti	8	0.04
18.	Pelancongan Seni Dan Warisan	4	0.02

## PENCAPAIAN PELAKSANAAN SEBERANG PERAI CORPORATE PRIORITIES (SPCP) TAHUN 2020

Seberang Perai Corporate Priorities 2021 merupakan pelan perancangan tahunan MBSP sepanjang 2021 dan telah dilancarkan pada 8 Januari 2021.

Bagi memastikan MBSP melaksanakan fungsi dan tugas yang dipertanggungjawabkan, 10 Keutamaan Strategik telah ditetapkan dan didokong oleh 152 program dan 254 aktiviti bagi mencapai Visi dan Misi MBSP yang telah ditetapkan



### 10 KEUTAMAAN STRATEGIK (STRATEGIC PRIORITIES)

	KEUTAMAAN STRATEGIK	PENCAPAIAN
	SP 01 Persekutaran Yang Selamat	97 %
	SP 02 Kemudahan & Infrastruktur Yang Berkualiti	98 %
	SP 03 Gaya Hidup Sihat	100 %
	SP 04 Pembangunan Hijau dan Persekutaran Bersih	98 %
	SP 05 Penerapan Teknologi Baru	99 %
	SP 06 Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing	96 %
	SP 07 Memperkuatkan Budaya dan Warisan	97 %

	KEUTAMAAN STRATEGIK	PENCAPAIAN
	SP 08 Bandar Yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni	96 %
	SP 09 Keterlibatan Komuniti	98 %
	SP 10 Pembangunan Bandar Yang Inklusif & Saksama	100 %

#### PENCAPAIAN MBSP REPORT CARD

##### PENCAPAIAN KEUTAMAAN STRATEGIK DARI TAHUN 2018 SEHINGGA TAHUN 2021

KEUTAMAAN STRATEGIK	TAHUN			
	2018	2019	2020	2021
SP 01	96%	99%	99%	97%
SP 02	100%	100%	100%	98%
SP 03	91%	97%	100%	100%
SP 04	92%	92%	97%	98%
SP 05	100%	100%	99%	99%
SP 06	100%	88%	95%	96%
SP 07	100%	100%	98%	94%
SP 08	100%	99%	97%	96%
SP 09	100%	90%	94%	98%
SP 10	98%	99%	99%	100%

#### ANUGERAH INOVASI MALA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah berjaya meraih Tempat Kedua di dalam Pertandingan Piala Inovasi YB Menteri KPKT anjuran Persatuan Pihak Berkusa Tempatan Malaysia (MALA) bagi inovasi Taman Up - Cycle : Aspirasi Seni Taman Rendah Karbon yang diadakan pada 11 Jun 2021. Majlis pengumuman pemenang telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Inovasi yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Seberang Perai ini telah mendapat Wang Tunai RM 2,000 dan Geran KPKT bernilai RM 500,000 berserta Piala Irlangan dan Sijil.



## STRUKTUR KUALITI MBSP


MBSP mempunyai jawatankuasa pengurusan kualiti yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar dan dibantu oleh Setiausaha Bandaraya sebagai Pengurus Kualiti MBSP. MBSP mempunyai tujuh pensijilan sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, di mana enam daripadanya adalah di bawah Standard ISO yang dipersijilkkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd dan satu pensijilan adalah 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Setiap jabatan mempunyai seorang Pegawai Kualiti yang dilantik untuk menyelaras semua program di bawah Pensijilan ISO dan seorang Fasilitator untuk menyelaras Zon 5S di kawasan/jabatan masing-masing. MBSP mempunyai Jawatankuasa Induk Sistem Pengurusan Kualiti.

Bahagian Kualiti merupakan Sekretariat bagi pengurusan kualiti MBSP. Selain daripada itu, MBSP juga membuat perlantikan Auditor Kualiti Dalam yang diketuai oleh Ketua Unit Audit Dalam MBSP dan pegawai-pegawai berikut untuk membantu dalam memastikan kelancaran pelaksanaan sistem pengurusan sedia ada:-

Bil	SISTEM	JAWATAN
1.	Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS)	Eksekutif Keselamatan Dan Kesihatan (SHE)
2.	Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS)	Pengurus Tenaga
3.	Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)	Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO)
4.	Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan (ABMS)	Ketua Unit Integriti
5.	Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)	Pengurus Alam Sekitar

## 2.0 CARTA ORGANISASI STRUKTUR KUALITI MBSP



### SENARAI DOKUMENTASI KUALITI

SISTEM PENGURUSAN BERTERASKAN KUALITI	MANUAL	PROSEDUR	LAIN-LAIN	JUMLAH DOKUMENTASI
<b>QMS</b>	-	48	5	<b>53</b>
<b>EMS</b>	-	2	-	<b>2</b>
<b>OSHMS</b>	-	4	-	<b>4</b>
<b>EnMS</b>	-	2	-	<b>2</b>
<b>ISMS</b>		1	2	<b>3</b>
<b>ABMS</b>	-	1	-	<b>1</b>
<b>SISTEM PENGURUSAN BERINTEGRASI</b>	1	13	-	<b>14</b>
<b>SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN KUALITI (5S)</b>	-	1	-	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>72</b>	<b>7</b>	<b>80</b>

## LAPORAN PENCAPAIAN SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S)

Pencapaian pelaksanaan 5S mengambilkira permarkahan 22 Zon yang telah diwujudkan di MBSP. Penilaian permarkahan dibuat seperti mana permarkahan yang dibuat oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Sebanyak dua siri pengauditan telah dijalankan di MBSP.

Audit Dalaman 5S Siri Pertama telah diadakan pada 12 hingga 16 Julai 2021 manakala Audit Dalaman 5S Siri Kedua telah diadakan pada 25 hingga 29 Oktober 2021. Purata Pemarkahan Audit Dalaman 5S bagi Zon-Zon 5S MBSP adalah seperti berikut:

BIL	ZON	JABATAN	PURATA MARKAH
1	MATAHARI	Khidmat Pengurusan	<b>85.72%</b>
2	TERATAI	Kaunter Berpusat, Unit OSC	<b>83.30%</b>
3	SEROJA	Kemasyarakatan	<b>94.44%</b>
4	KIAMBANG	Perkhidmatan Kesihatan	<b>90.02%</b>
5	ANGGERIK	Pelesenan	<b>80.73%</b>
6	KEKWA	Perkhidmatan Perbandaran, COB, Unit Audit Dalam, UBB	<b>96.06%</b>
7	MAWAR	Kejuruteraan	<b>92.51%</b>
8	KENANGA	Kejuruteraan	<b>93.54%</b>
9	SEMARAK	Bangunan, JPSW	<b>87.10%</b>
10	TULIP	Bangunan	<b>85.99%</b>
11	IXORA	Perkhidmatan Kesihatan, Perancang Bandar	<b>82.91%</b>
12	CARNATION	Perancang Bandar	<b>89.58%</b>
13	BUNGA RAYA	Undang-Undang	<b>89.48%</b>
14	ORKID	Penilaian dan Pengurusan Harta	<b>94.46%</b>
15	RAFFLESIA	Kemasyarakatan	<b>85.87%</b>
16	MELATI	Perbendaharaan	<b>86.99%</b>
17	DAHLIA	Khidmat Pengurusan, JTICKi	<b>83.04%</b>
18	CEMPAKA	Khidmat Pengurusan	<b>93.25%</b>
19	MELOR	Korporat dan Perhubungan Antarabangsa	<b>91.82%</b>
20	SAKURA	Direktorat Penguatkuasaan, Pengurusan Krisis	<b>90.77%</b>
21	PUSKEB	Kejuruteraan	<b>87.74%</b>
22	HELICONIA	Landskap	<b>84.80%</b>
23	LAVENDER	Mahkamah kg Jawa	-

## 7.0 PENG AUDITAN OLEH SIRIM DAN MPC



### AUDIT PERSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S) OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (5S) telah dilaksanakan pada 16 Disember 2021 oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). MBSP berjaya mengekalkan pensijilan yang sedia ada.



TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021 (Jan-NOV)
Tan	289,258	322,189	345,329	425,640	590,773	758,707	214,577
Peratus %	39.64	42.60	43.25	47.15	51.64	55.91	32.94

## KEPUASAN HATI PELANGGAN

Berdasarkan Pelaksanaan Kajian Kepuasan Pelanggan (2 Kali Setahun)

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021 (Jan – jun)
PERATUS MEMUASKAN	98.2	99.0	98.7	99.4	97.0	96.3	98.7

PESURUJAYA  
BANGUNAN COB



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)



- Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran dan pengeluaran Sijil Penubuhan JMB, menyelaras aduan berkaitan bangunan beringkat dan memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 757 kepada pembeli / pemilik petak skim perumahan berstrata di kawasan Seberang Perai.

#### UNIT-UNIT DI JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN

- Unit Pengurusan/ Pentadbiran
- Unit Akaun/ Aduan Kewangan
- Unit Pengurusan Aduan/Teknikal

#### FUNGSI – FUNGSI JABATAN

- Memastikan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) bagi setiap kawasan pemajuan beringkat di bawah Akta 757 [Akta Pengurusan Strata].
- Menguruskan pendaftaran dan pengeluaran sijil penubuhan JMB.
- Menangani aduan berkaitan bangunan beringkat, penubuhan JMB/MC, pertikaian berkenaan akaun pengenggaraan bangunan dan lain-lain.
- Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan, mengikut peruntukan di bawah Akta 757.
- Mengumpul dan menyelaras data-data berkaitan bangunan berstrata untuk kegunaan Jabatan, Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 757 .

#### Status Badan Pengurusan Strata Di MBSP

##### Jumlah Data Kawasan Pemajuan Berstrata di MBSP

<b>1,131 kawasan pemajuan (89,557 petak)</b>	SPU = 448 (28,952 petak) SPT = 585 (48,111 petak) SPS = 98 (12,494 petak)
--	---

##### Kategori Data Kawasan Pemajuan Berstrata Mengikut Bilangan Petak

<b>11 Petak dan ke Atas :</b> <b>531 kaw. pemajuan (87,557 petak)</b>	SPU = 192 (28,230 petak) SPT = 280 (46,973 petak) SPS = 59 (12,354 petak)
--	---

<b>10 Petak dan ke Bawah :</b> <b>600 kaw. pemajuan (2,000 petak)</b>	SPU = 256 (722 petak) SPT = 305 (1,138 petak) SPS = 39 (140 petak)
--	--

**Jumlah : ( 531 + 600 ) = 1,131 kawasan pemajuan**

**Status Badan Pengurusan (JMB/MC) Bagi Bilangan 11 Petak & Ke Atas Bagi Kawasan MBSP**

<b>JMB sedia ada (bersijil) :</b>	SPU = 74
<b>190</b>	SPT = 92
	SPS = 24

<b>MC sedia ada (bersijil) :</b>	SPU = 97
<b>272</b>	SPT = 148
	SPS = 27

<b>Belum tubuh JMB/MC :</b>	SPU = 21
<b>69</b>	SPT = 40
	SPS = 8

**Jumlah : 531 kawasan pemajuan**

**Status Badan Pengurusan (JMB/MC) Bagi Bilangan 10 Petak & Ke Bawah Bagi Kawasan MBSP**

<b>JMB sedia ada ( bersijil ) :</b>	SPU = 0
<b>1</b>	SPT = 1
	SPS = 0

<b>MC sedia ada (bersijil) :</b>	SPU = 2
<b>10</b>	SPT = 8
	SPS = 0

<b>Belum tubuh JMB/MC :</b>	SPU = 254
<b>589</b>	SPT = 296
	SPS = 39

**Jumlah : 600 kawasan pemajuan**

**Ringkasan Aktiviti – Jabatan COB**

Bil	Aktiviti	2019	2020	2021
1	Pengeluaran Sijil JMB	11	9	13
2	Menghadiri mesyuarat / taklimat jemputan JMB/MC	84	10	25
3	Menyelaras mesyuarat yang dipengerusikan oleh COB	6	4	4
4	Menangani aduan berkaitan skim berstrata	747	817	547
5	Mengadakan Taklimat /seminar tahunan berkaitan JMB/MC	1. Program Strata Kids <b>a) Sesi I</b> Sek Keb Jawi <b>b) Sesi II</b> Sek Keb Seberang Jaya 1 2. Anugerah Keceriaan Landskap JMB/MC – LC & LMC	1. Program Strata Kids • Penyediaan & pengedaran video grafik Strata Kids • Sek Keb Bagan Jermal 2. Pertandingan Laman Angkat di Skim Perumahan Berstrata • Penyediaan & pengedaran video grafik ke JMB & MC	1. Program Strata Kids (Kuiz Online Celik Strata 2021) • Siri 1 : Tingkatan 1 - 3 8 Ogos 2021 • Siri 2 : Tingkatan 4 - 5 22 Ogos 2021

Bil	Aktiviti	2019	2020	2021
6	Sembang Santai	-	-	<p>3 program telah dijalankan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 15.06.2021 - Sebang Santai 1.0</li> <li>• 24.09.2021 - Sebang Santai 2.0</li> <li>• 14.12.2021 - Sebang Santai 3.0</li> </ul>
7	Operasi Pematuhan SOP (3 Kawasan Pentadbiran MBSP)			<p><b>SPU :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pangsapuri Carissa</li> <li>2. Pangsapuri Segar Jaya</li> <li>3. Taman Segar Jaya</li> <li>4. Taman Segar Jaya (D'Link 1)</li> <li>5. Taman Segar Jaya (D'Link 2)</li> <li>6. Pangsapuri Mesra Jaya</li> <li>7. Pangsapuri Kamelia</li> <li>8. Woodsbury Suites</li> </ol> <p><b>SPT :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cassa Maya</li> <li>2. Utopia</li> <li>3. Villa Oren</li> <li>4. Betik Manis</li> <li>5. Eco Meadow</li> <li>6. Eco bloom</li> </ol> <p><b>SPS :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Villa Raintree I</li> <li>2. Villa Raintree II</li> <li>3. Villa Mutiara Indah</li> <li>4. Villa Mutiara</li> <li>5. Ultrapolis Utama</li> <li>6. Pangsapuri Perkhidmatan Suasana</li> </ol>

## PROGRAM SEMBANG SANTAI 2.0

**Skim strata-SPS@infoCovid**  
tap here for group info

#EndemikCovid19  
#AllahJagaKita  
21 September 2021

5:06 pm

**SEMBANG SANTAI 2.0**

YBrs. Tuan Sr Zulhisyam bin Abdul, Pengarah  
Pesuruhjaya Bangunan MBSP...

docs.google.com

**PROGRAM SEMBANG SANTAI 2.0**

Bersama YBrs. Tuan Sr Zulhisyam bin Abdul, Pengarah  
Pesuruhjaya Bangunan MBSP

- Tarikh : 24 September 2021
- Masa : 8.30 malam
- Platform : Aplikasi Zoom

Antara topik yang akan dibincangkan :
 

- Insurans Bangunan Kepeluan Bersama
- Perkongsian Amalan Terbaik Jahan #LamanHijau 2019 (Apartment Permais Blok A-N)

Pendaftaran melalui putan : [https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScPbYf61Jlmd5-p-uQXD83VLGqAk9oa6K43xcoyPLbcJv4w/viewform?usp=pp\\_url](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScPbYf61Jlmd5-p-uQXD83VLGqAk9oa6K43xcoyPLbcJv4w/viewform?usp=pp_url)

6:24 pm ✓

Message

Close Participants (35)

Search

Mustaqim Zubaidi (Co-host, me)	...
MBSP Dewan Kenanga (Host)	...
Mubarak Johari (Co-host)	...
SZ Sr Zulhisyam bin Abdul (COB... (Co-host)	...
Z- Zulikgram - KMSYKT (70237) (Co-host)	...
Etiqa Perda Hanif Bin Abidin	...
Helmi	...
MA Mahmud as Sidik Atib	...
RR Rajendran Rajoo	...
AT alice tan	...
DW Datin Wan	...

Invite Mute All



## PROGRAM STRATA KIDS (KUIZ ONLINE)



**OPERASI PEMANTAUAN SOP COVID-19**




**LANDSKAP**



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN LANDSKAP



## PENGENALAN

Jabatan Landskap mula ditubuhkan pada 1 April 2013 yang merangkumi jumlah kakitangan sediada iaitu seramai 241 orang kakitangan. Pengurusan pembangunan dan penyelenggaraan landskap di Seberang Perai meliputi keseluruhan kawasan tadbir MBSP yang berkeluasan 738.38km persegi. Teras perkhidmatan di Jabatan ini adalah merangkumi pembangunan dan penyelenggaraan landskap kejur (*hardscape*) dan landskap lembut (*softscape*). Selain itu juga, kawasan-kawasan lapang (yang disediakan melalui syarat pembangunan) turut diselenggara oleh Jabatan. Jumlah bilangan yang terlibat adalah sebanyak 1,498 buah kawasan lapang yang merangkumi jumlah keluasan sebanyak 2.28 juta meter persegi.

## VISI JABATAN

Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan perancangan pembangunan landskap yang responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

## MISI JABATAN

Menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah kawasan hijau serta mempunyai struktur landskap yang indah dan selamat.

## OBJEKTIF JABATAN

- Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa serta selamat selaras dengan inisiatif '*Cleaner, Safer and Healthier Penang*'.
- Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap serta pemeliharaan pokok-pokok bagi seluruh Seberang Perai berdasarkan Peruntukan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 1995)
- (Seksyen 35A-35H Akta 172)
- Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan alam sekitar melalui perlaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan.
- Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan kos efektif.
- Menggalakkan pembangunan industri landskap di Seberang Perai.

## FUNGSI JABATAN

- Merancang, merekabentuk dan membangunkan projek-projek landskap taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga Seberang Perai berpandukan kepada Pelan Induk Landskap Majlis.
- Urusetia jawatankuasa perancangan, pembangunan dan pengindahan.
- Mengkaji dan meluluskan permohonan landskap sebelum pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja Dan Pematuhan (CCC).
- Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisyen dan selamat.
- Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok.
- Membangun, menyelenggara, memperbanyakkan dan meningkatkan taman-taman khas bagi tarikan pelancong.
- Menguruskan tapak semai tanaman untuk keperluan jabatan.
- Memberi khidmat nasihat mengenai landskap kepada agensi, sekolah dan NGO.

- Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap yang melibatkan penyertaan orang awam.
- Pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan landskap secara berterusan dan mampan
- Pengurusan projek landskap 7P's ("People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership")
- Penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak dan taman awam.

### **PIAGAM PELANGGAN**

- Melaksanakan kerja-kerja pangkasan 1,000 batang pokok teduhan landskap di Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran setiap bulan.
- Membaiki kerosakan kecil alat permainan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh aduan diterima.

### **ORGANISASI JABATAN**

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 4 unit seperti berikut :

- i. Unit Pengurusan
- ii. Unit Kawalan & Perancangan
- iii. Unit Pembangunan Projek
- iv. Unit Operasi

### **UNIT PENGURUSAN**

Fungsi bagi Unit Pengurusan di Jabatan Landskap adalah :

- Memantau dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran di Jabatan.
- Menguruskan hal-hal berkaitan pelantikan, tata tertib dan perkhidmatan kakitangan.
- Menguruskan hal-hal berkaitan perolehan dan bajet tahunan Jabatan.
- Mengawal selia tugas-tugas kakitangan di pentadbiran.
- Mengurus perancangan dan pembangunan latihan kakitangan.
- Memantau dan menyelia aduan-aduan yang diterima di peringkat Jabatan untuk diselaraskan dengan pegawai-pegawai dilapangan.
- Memastikan maklumat yang diterima daripada pengadu adalah lengkap.
- Mengenalpasti aduan berkenaan adalah di bawah kuasa Jabatan Landskap atau sebaliknya.
- Merekod maklumat aduan yang diterima.
- Mengemaskini maklumbalas yang diterima dari pegawai di lapangan di dalam Sistem Aduan dan member maklumbalas kepada pengadu.

Salah satu fungsi Unit Pengurusan adalah menguruskan aduan-aduan yang diterima di Jabatan. Bermula Januari hingga Disember 2021, sebanyak 2,305 aduan telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,572 aduan dijawab dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh aduan diterima.

	<b>Majlis Bandaraya Seberang Perai</b>															
	Main Menu Laporan															
	<b>Analisis Aduan</b>															
Tarikh Aduan Dari	01012021				Hingga	31122021										
Jabatan	116 : Jabatan Lanskap															
	Papar Cetak Kosongkan Kembali															
Tempoh Jawab (Hari)	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15 > Jumlah
Nama Jabatan	208	636	482	246	164	102	80	53	44	35	25	28	14	30	20	138 2305
Jabatan Lanskap	208	636	482	246	164	102	80	53	44	35	25	28	14	30	20	138 2305
Jumlah	208	636	482	246	164	102	80	53	44	35	25	28	14	30	20	138 2305

## UNIT KAWALAN & PERANCANGAN

Fungsi bagi Unit Kawalan & Perancangan di Jabatan Lanskap adalah :

- Menyelaras permohonan pelan-pelan lanskap di seluruh Seberang Perai dalam tempoh 14 hari.
- Memberi ulasan Pelan Kebenaran Merancang melalui osc online kepada Unit Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 40 hari.
- Menyelaras permohonan pelan papan iklan tetap di seluruh Seberang Perai.
- Mengawal selia Permohonan Sijil Layak Menduduki dan penyerahan kerja-kerja Lanskap yang dilaksanakan oleh pemaju.
- Mengawal selia bagi permohonan penebangan pokok melebihi ukurlilit 0.8 meter yang terlibat untuk setiap pembangunan.

Bermula Januari hingga Disember 2021, jumlah Permohonan Pelan Lanskap yang telah diluluskan dalam tempoh 14 hari adalah seperti berikut:

BULAN	DAERAH			JUMLAH
	SPU	SPT	SPS	
JAN	2	0	0	2
FEB	1	0	1	2
MAC	2	0	2	4
APR	2	1	1	4
MEI	1	1	2	4
JUN	0	0	0	0
JUL	0	0	1	1
OGOS	1	0	2	3
SEP	1	0	1	2
OKT	1	2	1	4
NOV	0	0	0	0
DIS	1	2	2	5
JUMLAH KESELURUHAN				31

## UNIT PEMBANGUNAN PROJEK

Fungsi bagi Unit Pembangunan Projek di Jabatan Landskap adalah :

- Merancang menaiktaraf tapak taman-taman rekerasi awam sedia di bawah selenggaraan Majlis.
- Merancang menaiktaraf taman-taman permainan (tanah lapang) kepada taman rekreasi awam.
- Menjadual perancangan tahunan penyelenggaran taman-taman rekreasi di bawah selenggaraan Majlis.
- Menjadual perancangan tahunan penyelenggaran (tanah lapang) bagi perabut-perabut taman dibawah selenggaraan Majlis.
- Merancang melaksana kerja menaiktaraf landskap lembut dan kejur di tanah lapang dibawah selenggaraan Majlis.
- Merancang melaksana kerja menaiktaraf landskap lembut di rizab-rizab Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan.
- Merancang perlaksanaan pemasangan alat permainan kanak-kanak di atas padang permainan dikawasan selenggaraan Majlis.
- Merancang perlaksanaan pemasangan alat senaman di kawasan tanah lapang / taman rekreasi awam dibawah selenggaraan Majlis.
- Menyediakan dan mengumpulkan data-data kawasan lapang, pokok dan lain-lain.
- Penyediaan sistem inventori pokok.
- Menyedia, memantau dan menyemak semula garis panduan.


### Senarai Projek BP1 yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 :

1. Menaik Taraf Kemudahan Awam dan Infrastruktur di Taman Rekreasi Ampang Jajar, Kerian, Seberang Perai Selatan, Majlis Bandaraya Seberang Perai
2. Menaik Taraf Kemudahan Awam dan Infrastruktur di Tanah Lapang Taman Ilmu, Seberang Perai Selatan, Majlis Bandaraya Seberang Perai
3. Menaik Taraf Laluan pejalan Kaki dan Kerja Berkaitan di Kawasan Lapang Lorong Bukit Minyak 14, Taman Sentul Indah, Majlis Bandaraya Seberang Perai
4. Menaik Taraf Laluan Pejalan Kaki dan Kerja Berkaitan di Kawasan Lapang Jalan Seruling Emas 1, Taman Seruling Emas, Sg Jawi, Majlis Bandaraya Seberang Perai
5. Menaik Taraf Laluan Pejalan Kaki dan Kerja Berkaitan di Kawaan Lapang Jalan Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara , Majlis Bandaraya Seberang Perai
6. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Lapang Pinggiran Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
7. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Lapang Taman Sungai Dua Utama, Sg Dua, Seberang Perai Utara Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
8. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Lapang Tingkat Mak Mandin 3, Mak Mandin, Seberang Perai Utara Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
9. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Lapang Taman Desa Murni, Sungai Dua, Seberang Perai Utara untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
10. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Taman Rekreasi Taman Tugu Kota Demokrasi, Seberang Perai Utara Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai

11. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Taman Upcycle, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
12. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Ampang Jajar Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
13. Kerja-Kerja Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki/ Laluan Basikal Di Sebahagian Bahu Jalan Jalan Pauh Jaya, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
14. Kerja-Kerja Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki/ Laluan Basikal Di Sebahagian Bahu Jalan Jalan Perda Utama, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
15. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Lapang Taman Arowana Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
16. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Lapang Taman Alma Jaya, Alma Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
17. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Dataran *Food Truck, People's Aquarium*, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
18. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Lapang Taman Mutiara Teratai, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
19. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Lapang Taman Idaman, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan Untuk Majlis Bandaraya Sebenrang Perai
20. Menaiktaraf Laluan Berbasikal Di Jalan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah Untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai
21. Menaiktaraf Laluan Berbasikal Di Taman Komuniti, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai.







**PERASMIAN LINGKARAN BOUGAINVILLEA (BOUGAINVILLEA BELT), OLEH TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK, YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG DI LINGKARAN BOUGAINVILLEA (BOUGAINVILLEA BELT), BANDAR PERDA, SPT PADA 25 DISEMBER 2021**



**PERASMIAN DATARAN RAKYAT DAN PEOPLE'S AQUARIUM OLEH MANTAN DATUK BANDAR DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD DI DATARAN RAKYAT DAN PEOPLE'S AQUARIUM, BANDAR PERDA, SPT PADA 31 DISEMBER 2021**



Fungsi bagi Unit Operasi di Jabatan Landskap adalah :

- Menyelia dan urus tadbir tapak semaihan.
- Menyelia dan memantau status aduan-aduan yang diterima berkaitan landskap.
- Menyelia dan memantau kerja penyelenggaraan kawasan landskap serta penyelenggaraan pemangkasan pokok di taman awam, taman-taman perumahan, tanah lapang dan tempat rekreasi agar dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menyelaras dan memantau kerja-kerja susun atur pasu bunga hiasan bagi permohonan sewaan pasu bunga untuk majlis-majlis tertentu.
- Memastikan kenderaan diselenggara mengikut tarikh yang telah ditetapkan dan melaporkan sebarang kerosakan kenderaan kepada Jabatan Kejuruteraan.
- Menyelia kerja-kerja penyelenggaraa pokok di jalan negeri dan jalan bandaran serta merekod laporan penyelenggaraan
- Memantau, memeriksa dan menguatkuasa undang-undang kesalahan penggunaan tanah -tanah lapang milik kerajaan yang diselenggara Majlis oleh orang awam.
- Memantau, memeriksa dan menguatkuasa undang-undang kesalahan penggunaan kawasan awam milik kerajaan yang diselenggara Majlis (rizab jalan).
- Memantau, memeriksa dan menguatkuasa undang-undang kesalahan penggunaan taman rekreasi awam milik kerajaan yang diselenggara Majlis.
- Menyelaras pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di Jabatan Landskap.
- Menyelaras penyediaan dan pelaporan Piagam Pelanggan di Jabatan Landskap
- Menyediakan laporan perlaksanaan pencapaian objektif dan sasaran Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti di Jabatan Landskap.
- Menyelaras perlaksanaan "*Business Process Reengineering*" (BPR) di Jabatan Landskap.
- Menyelaras daftar MPK dan SOP Jabatan Landskap.
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti melibatkan program-program transformasi/ Fokus/ Pelan Strategik.
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan anugerah/ pencalonan/ pertandingan yang disertai oleh Jabatan Landskap.
- Menyelaras hal-hal berkaitan audit dalaman dan luaran di Jabatan Landskap.
- Menyelaras, membentuk dan melaporkan aktiviti/ program/ projek Jabatan Landskap yang melibatkan KPI.
- Menyelaras dan menguruskan hal-hal berkaitan soalan Dewan Undangan Negeri (DUN).
- Menyelaras pelaksanaan Sistem Pengurusan Berintegrasi (IMS) di Jabatan Landskap.
- Menyediakan dan mengumpulkan data-data kawasan lapang (komponen-komponen di atas kawasan lapang) , pokok dan lain-lain.
- Menyediakan dan mengumpulkan data-data pokok-pokok teduhan di seluruh Seberang Perai termasuk pelan landskap.
- Menyelaras program berkaitan pendidikan.
- Rancangan mengenai dasar serta cara menjalankan sesuatu program.
- Susunan aturcara dalam sesuatu program dan lain-lain berkaitan.
- Mengatur atau menyusun rancangan, aktiviti dan lain-lain berkaitan.

- Mengumpul gambar-gambar dan maklumat setiap program di jabatan.
- Menerbitkan majalah jabatan mengikut aktiviti-aktiviti yang berlangsung dalam peringkat jabatan.
- Menyediakan kontrak bagi kerja-kerja naiktaraf pengindahan taman-taman rekreasi di bawah selenggaraan Majlis (Projek Khas)
- Menyedia kertas kerja dan senarai kuantiti (*Bill of Quantities*) bagi setiap kerja-kerja naiktaraf yang telah dirancang.
- Memantau kerja-kerja naiktaraf yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor di tapak bina

Perkhidmatan teras bagi Unit Operasi adalah penyelenggaraan pokok teduhan. Bermula Januari hingga Disember 2021, sebanyak 14,005 batang pokok teduhan yang berisiko telah dipangkas.



# UNIT BUTTERWORTEH BAHARU



# CARTA ORGANISASI

## UNIT BUTTERWORTH BAHARU



KETUA  
UNIT BUTTERWORTH BAHARU  
NORMAIRA BINTI ABDUL RAHMAN  
(N44)



PENOLONG PEGAWAI TADBIR  
NORSUHAIBAH BINTI HANBAL  
(N29)



PEMBANTU TADBIR  
NORZI BINTI AZIZ  
(N19)

## LATAR BELAKANG

### HASIL BANGUNAN

Unit Butterworth Baharu ditubuhkan pada 1 Jun 2016 selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu dengan termerainya *Memorandum of Understanding* di antara Majlis Bandaraya Seberang Perai dan *Think City Sdn. Bhd.* (*subsidiari Khazanah Nasional Berhad*).

### FUNGSI

- i. Bertanggungjawab untuk melaksana semua program / aktiviti berkonsepkan *Art, Heritage, Culture, Greener & Healthier* dan projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu yang beridentitikan *urban regeneration project* bagi memungkin pembangunan semula Bandar Butterworth yang meliputi 276 hektar.
- ii. Pelbagai pengisian program dan aktiviti berkonsepkan *community engagement* dan placemaking dilaksanakan di bawah Pelan Butterworth Baharu. Program berbentuk *art, heritage and culture* menjadi indikator utama dalam *emerging back the city* sejarah untuk mengekalkan kesinambungan budaya, kerancakan ekonomi dan pembangunan yang lestari.
- iii. Melaksana dan menyelaras projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu.

### SENARAI PROGRAM DI BAWAH UNIT BUTTERWORTH BAHARU BAGI TAHUN 2021

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Pertandingan Mewarna dan Melukis Poster Kanak-Kanak Secara Virtual Bertemakan Kembali Ke Sekolah Dengan Norma Baharu	22 Mac 2021 sehingga 30 Mac 2021	Secara Virtual
2.	Sesi Libat Urus Cadangan Menggariskan Tempat Letak Kereta Sementara di Sebahagian <i>Hardcourt</i> Lebuh Kampung Benggali, Butterworth	28 Mac 2021	Berhadapan Butterworth <i>Digital Library</i> , Lebuh Kampung Benggali, Butterworth
3.	Seni Kreatif: Pertandingan Kolaj Daripada Alam Semulajadi Bertemakan Flora & Fauna	29 November 2021 sehingga 10 Disember 2021	Secara Virtual
4.	Pertandingan Teka Silang Kata Cintai Sungai Perai	29 November 2021 sehingga 10 Disember 2021	Atas Talian

#### 1. Pertandingan Mewarna dan Melukis Poster Kanak-Kanak Secara Virtual Bertemakan Kembali Ke Sekolah Dengan Norma Baharu

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Pertandingan Mewarna & Melukis Poster Kanak-Kanak Secara Virtual Bertemakan Kembali Ke Sekolah Dengan Norma Baharu bermula 22 Mac 2021 sehingga 30 Mac 2021. Objektif utama penganjuran pertandingan ini adalah untuk meningkatkan daya kreativiti dan inovasi kanak-kanak dalam menonjolkan bakat mewarna di samping dapat meningkatkan kesedaran mengenai norma baharu yang mesti dipatuhi semasa berada di sekolah. Pematuhan SOP seperti pemakaian pelitup muka, kerap membasuh tangan, elakkan bersentuhan dengan rakan-rakan, menggunakan cecair pembasmi kuman dan sentiasa menjaga penjarakan fizikal semasa berada di dalam dan di luar kelas perlu diperaktikkan dari semasa ke semasa.

Pertandingan ini terbuka secara percuma kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun yang bermastautin di Seberang Perai. Sebanyak 199 penyertaan telah diterima dan 10 pemenang bagi setiap kategori telah dipilih semasa sesi penjurian mengikut kategori:

- i. Kategori A : Kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun
- ii. Kategori B : Kanak-kanak berumur 7 hingga 8 tahun
- iii. Kategori C : Kanak-kanak berumur 9 hingga 10 tahun
- iv. Kategori D : Kanak-kanak berumur 11 hingga 12 tahun

**PERTANDINGAN MEWARNA & MELUKIS POSTER KANAK-KANAK  
SCARA VIRTUAL**  
**BERTEMAKAN KEMBALI KE SEKOLAH DENGAN NORMA BAHRU**  
**BERMULA 22 MAC 2021 – 30 MAC 2021**  
**ANJURAN : MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

1. Terbuka kepada kanak-kanak berumur 5 tahun hingga 12 tahun bermastautin di Seberang Perai. Penyertaan adalah PERCUMA. Penyertaan adalah terhad, pendaftaran awal amat digalakkan.
2. Kategori pertandingan dan hadiah adalah seperti berikut :

KATEGORI	UMUR	HADIAH PERTANDINGAN	AKTIVITI
A	5 – 6 tahun	Johan RM 120.00 & Hamper Naib Johan RM 100.00 & Hamper Ketiga RM 80.00 & Hamper Keempat RM 60.00 & Hamper Kelima RM 40.00 & Hamper Saguhati 5 Hadiah Saguhati	Mewarna lukisan
B	7 – 8 tahun	Johan RM 120.00 & Hamper Naib Johan RM 100.00 & Hamper Ketiga RM 80.00 & Hamper Keempat RM 60.00 & Hamper Kelima RM 40.00 & Hamper Saguhati 5 Hadiah Saguhati	Mewarna lukisan
C	9 – 10 tahun	Johan RM 120.00 & Hamper Naib Johan RM 100.00 & Hamper Ketiga RM 80.00 & Hamper Keempat RM 60.00 & Hamper Kelima RM 40.00 & Hamper Saguhati 5 Hadiah Saguhati	Mewarna lukisan
D	11 – 12 tahun	Johan RM 150.00 & Hamper Naib Johan RM 120.00 & Hamper Ketiga RM 90.00 & Hamper Keempat RM 60.00 & Hamper Kelima RM 40.00 & Hamper Saguhati 5 Hadiah Saguhati	Melukis dan mewarna poster

Ruang Legar  
Bahagian Kaunter Berpusat  
Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Menara Bandaraya  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang  
: 04-5497807



**2. Sesi Libat Urus Cadangan Menggariskan Tempat Letak Kereta Sementara di Sebahagian Hardcourt Lebuhs Kampung Benggali, Butterworth**

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Sesi Libat Urus Cadangan Menggariskan Tempat Letak Kereta Sementara di Sebahagian Hardcourt Lebuhs Kampung Benggali, Butterworth pada 28 Mac 2021 di hadapan Butterworth Digital Library, Butterworth.

Sesi Libat Urus ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada komuniti Lebuhs Kampung Benggali, Butterworth bagi kerja-kerja naik taraf di hardcourt tersebut menjadi tempat letak kereta. Sesi ini turut dihadiri oleh ADUN Bagan Dalam, Ahli Majlis kawasan dan MPKK Bagan Dalam.



### 3. Seni Kreatif: Pertandingan Kolaj Daripada Alam Semulajadi Bertemakan Flora & Fauna

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Seni Kreatif : Pertandingan Kolaj Daripada Alam Semulajadi Bertemakan Flora & Fauna bermula 29 November 2021 sehingga 10 Disember 2021. Pertandingan ini adalah percuma dan terbuka kepada pelajar sekolah rendah berumur 7 tahun hingga 12 tahun yang bermastautin di Pulau Pinang.

Sebanyak 42 penyertaan telah diterima dan 5 orang pemenang telah dipilih oleh juri bagi setiap kategori.

**SENI KREATIF :**  
**PERTANDINGAN KOLAJ DARIPADA ALAM SEMULAJADI**  
**BERTEMAKAN FLORA & FAUNA**  
**BERMULA 29 NOVEMBER 2021 – 10 DISEMBER 2021**  
**ANJURAN : MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

1. Terbuka kepada pelajar sekolah rendah berumur 7 tahun hingga 12 tahun yang bermastautin di Pulau Pinang. Penyertaan adalah PERCUMA. Penyertaan adalah terhad, pendaftaran awal amat digalakkan.
2. Kategori pertandingan dan hadiah adalah seperti berikut :

KATEGORI	UMUR	HADIAH PERTANDINGAN
A	7 – 9 tahun	Johan RM 200.00
		Naib Johan RM 180.00
		Ketiga RM 150.00
		Saguhati x2 RM 50.00
B	10 – 12 tahun	Johan RM 200.00
		Naib Johan RM 180.00
		Ketiga RM 150.00
		Saguhati x2 RM 50.00

3. Peserta dikehendaki menghasilkan kolaj bertemakan **Flora** dan **Fauna** di atas kertas lukisan yang disediakan oleh pihak MBSP dengan menggunakan bahan semula jadi seperti batu, kayu, daun dan sebagainya dan melengkapkan lukisan tersebut mengikut daya kreativiti masing-masing. Setiap peserta dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
4. Pertandingan bermula pada 29 November 2021 sehingga 10 Disember 2021. Peserta diwajibkan melengkapkan borang penyertaan di bahagian belakang kertas lukisan dan mengembalikan lukisan kepada MBSP sebelum atau pada **10 Disember 2021 sebelum 12.00 tengahari**.
5. Hasil kolaj adalah menjadi hak milik MBSP. Keputusan juri adalah muktamad dan penganjur berhak meminda syarat-syarat peraturan dari semasa ke semasa.
6. Waktu pengambilan dan pengembalian borang beserta lukisan adalah pada pukul **10.00 pagi – 12.00 tengahari bermula 29 November 2021 sehingga 10 Disember 2021 (hari bekerja)** di alamat seperti berikut:

Ruang Lobi  
Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Menara Bandaraya  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang  
📞 04-5497807



#### 4. Pertandingan Teka Silang Kata Cintai Sungai Perai

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Pertandingan Teka Silang Kata Cintai Sungai Perai di bawah program berasaskan *activation, education and awareness of Sungai Perai* bermula 29 November 2021 sehingga 10 Disember 2021. Objektif utama bagi penganjuran pertandingan ini adalah untuk mengasah minda rakyat Malaysia dalam memperkasakan pengetahuan mengenai Sungai Perai selain meningkatkan penggunaan kosa kata secara berterusan.

Sebanyak 263 borang penyertaan telah diterima daripada seluruh Malaysia. Selain daripada teka silang kata, peserta perlu melengkapkan slogan yang diberi. Pemilihan slogan yang menarik dan kreatif juga merupakan salah satu kriteria dalam pemilihan pemenang.



## PENCAPAIAN UNIT BUTTERWORTH BAHARU BAGI TAHUN 2021

Projek Butterworth Digital Library (BDL) telah memenangi dua (2) anugerah iaitu

- i. PAM Awards 2020: Adaptive Re-Use Category
- ii. MIID REKA Awards 2020 for Design Excellence: Mention Award in the Green Interior Awards & Adaptive Re-Use Category



# PELAN CONGAN, SENIT DAN WARISAN



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN PELANCONGAN SENI DAN WARISAN



PROGRAM / AKTIVITI	BAIK PULIH BATU SEMPADAN BRITISH SIAM DI SEBERANG PERAI UTARA DAN SELATAN
--------------------	---

**PENERANGAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI**  
Jabatan mengambil inisiatif untuk membaik pulih Batu Sempadan tersebut bagi memelihara warisan yang terdapat di Seberang Perai. Pembaikan ini dijalankan hanya pada elemen luaran tanpa mengganggu struktur asal batu tersebut.

TARIKH	BULAN FEBRUARI DAN MAC
